

**AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF AL-GHARIMIN  
DI LEMBAGA ZAKAT SELANGOR MENURUT  
PERSPEKTIF FIQH**

**KHAIRUL ANUAR BIN ZULKIFLI**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2019**

**AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF AL-GHARIMIN  
DI LEMBAGA ZAKAT SELANGOR MENURUT  
PERSPEKTIF FIQH**

**KHAIRUL ANUAR BIN ZULKIFLI**

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA  
SYARIAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2019**

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **Khairul Anuar Bin Zulkifli**

No. Matrik: **IGA 130098**

Nama Ijazah: **Sarjana Syariah**

Tajuk Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**Agihan Zakat kepada Asnaf al-Ghārimīn di Lembaga Zakat Selangor Menurut Perspektif Fiqh**

Bidang Penyelidikan:

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

# AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF AL-GHARIMIN DI LEMBAGA ZAKAT SELANGOR MENURUT PERSPEKTIF FIQH

## ABSTRAK

Dalam al-Qur'ān, asnaf *al-ghārimīn* adalah antara lapan asnaf yang layak menerima bantuan zakat. *Al-ghārimīn* didefinisikan sebagai orang yang berhutang. Kajian ini menjelaskan tafsiran *al-ghārimīn* berdasarkan ulama' klasik dan kontemporari. Kajian ini juga meneroka kaedah pelaksanaan agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* di Lembaga Zakat Selangor. Selain itu, kajian ini turut menilai pelaksanaan agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* oleh Lembaga Zakat Selangor dari perspektif fiqh semasa. Kajian ini menggunakan kajian perpustakaan dan kajian lapangan dalam mengumpulkan data kajian. Instrumen temu bual digunakan bagi mendapatkan data kajian lapangan. Data temu bual dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Hasil kajian mendapati tafsiran asnaf *al-ghārimīn* oleh Lembaga Zakat Selangor adalah merujuk kepada tafsiran yang diberikan oleh ulama'-ulama' klasik dan kontemporari. Selain itu, hasil kajian juga mendapati aspek keutamaan (*awlāwīyyāt*) dalam agihan ini yang melibatkan kepelbagaian hutang untuk keperluan hidup dan hutang-hutang yang lain kurang dititik beratkan. Justeru, Lembaga Zakat Selangor perlu memastikan amalan agihan zakat dalam kalangan asnaf *al-ghārimīn* ini dapat membantu asnaf yang betul-betul layak dan memerlukan.

# AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF AL-GHARIMIN DI LEMBAGA ZAKAT SELANGOR MENURUT PERSPEKTIF FIQH

## ABSTRACT

In the Qur'ān, *al-ghārimīn* are included among the eight groups that are eligible to receive zakat. *Al-ghārimīn* defined as those who owe. This study describes *al-ghārimīn* based on views of classic and contemporary Ulama. This study also explore the methods of zakat implementation to *al-ghārimīn* asnaf at Lembaga Zakat Selangor. The implementation of zakat distribution to *al-ghārimīn* asnaf by the Lembaga Zakat Selangor was evaluated in a current fiqh perspective. This study utilizes library research and field research for collecting data. Interview was conducted to obtain the research data. Data from the interviews were analyzed using thematic analysis technique. The study found that the distribution of zakat to *al-ghārimīn* asnaf by the Lembaga Zakat Selangor refers to the interpretation given by the classic and contemporary ulama. Besides, the aspect of priority (*awlāwīyyāt*) in this distribution involving diversity debt for the necessities of life and other debts are less focused. Thus, Lembaga Zakat Selangor must ensure that zakat distribution among *al-ghārimīn* asnaf can help those who are really in need and deserved.

## PENGHARGAAN

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين، أما بعد.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kajian ini berjaya disiapkan dengan sempurna bagi memperoleh Ijazah Sarjana Syariah. Dalam proses menyiapkan kajian ini, penulis tidak dapat menafikan cabaran dan rintangan yang terpaksa dihadapi. Namun, alhamdulillah kepahitan yang dihadapi penulis sebelum ini terbayar dengan kejayaan menyiapkan kajian ini. Kejayaan ini juga berkat daripada pertolongan Allah SWT di samping sokongan yang tidak berbelah bahagi daripada pelbagai pihak.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada Dr. Luqman Haji Abdullah dan Dr. Nor Aini Ali selaku penyelia kerana sudi meluangkan masa untuk memberi tunjuk ajar, bimbingan dan motivasi serta berkongsi idea kepada penulis sepanjang kajian ini dijalankan. Segala ilmu yang dicurahkan sangat membantu penulis sejak awal penulisan ini sehingga ke titik yang terakhir. Penulis sangat bersyukur kerana dikurniakan dua orang insan yang sangat berjasa di sebalik kejayaan ini. Tidak dilupakan juga, sekalung penghargaan buat semua kakitangan dan pensyarah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, terutamanya di Jabatan Fiqh dan Usul yang telah terlibat dalam membantu penulis menyiapkan kajian ini sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Penulis juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada tiga orang insan iaitu informan A (Pegawai bahagian Syariah Agihan Zakat Selangor), informan B (Ketua Jabatan Pengurusan Sosial dan Kebajikan bahagian Operasi Agihan Asnaf) dan informan C (Timbalan Mufti Selangor) yang sudi memberi kerjasama dan meluangkan masa untuk ditemu bual oleh penulis bagi mendapatkan data-data yang berkaitan dengan kajian ini.

Seterusnya, kalungan penghargaan yang teristimewa ditujukan kepada kedua-dua ibu bapa penulis, Zulkifli bin Harun dan Siti Zawiyah bt. Haji Hashim yang sentiasa menjadi pembakar semangat kepada penulis. Kejayaan ini juga adalah berkat daripada doa mereka yang teristimewa dalam hidup penulis. Tidak dilupakan, penghargaan yang teristimewa juga buat isteri tercinta, Nurul Asmidar bt. Yahya di atas segala pengorbanan, sokongan dan kesabaran beliau yang tidak berbelah bahagi bersama penulis sepanjang proses menyiapkan kajian ini. Begitu juga ucapan terima kasih kepada ahli keluarga penulis dan sahabat handai yang sudi memberikan sokongan moral kepada penulis sehingga selesai kajian ini.

Semoga Allah SWT membalas kebaikan semua pihak yang terlibat dengan sebaik-baik pembalasan. Akhir sekali, penulis berharap agar sumbangan kajian ini dapat memberikan impak yang positif kepada semua pihak yang memerlukan.

Sekian, terima kasih.

Khairul Anuar bin Zulkifli,  
Jabatan Fiqh dan Usul,  
Akademi Pengajian Islam,  
Universiti Malaya

Lot 3124 Kampung Padang Kering,  
34140, Rantau Panjang,  
Selama Perak.

30 OGOS 2018

## ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI KEPENDEKAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xv
JADUAL TRANSLITERASI	xvi

### **BAB 1: PENGENALAN**

1.1	PENDAHULUAN	1
1.2	LATAR BELAKANG KAJIAN	1
1.3	PERNYATAAN MASALAH KAJIAN	4
1.4	SOALAN KAJIAN	7
1.5	OBJEKTIF KAJIAN	8
1.6	SKOP DAN BATASAN KAJIAN	9
1.7	KEPENTINGAN KAJIAN	9
1.8	KAJIAN LEPAS	10
1.8.1	Konsep <i>al-Ghārimīn</i> dalam Islam	10
1.8.2	Pengagihan Zakat kepada Asnaf <i>al-Ghārimīn</i>	14
1.8.3	Kajian Hutang	16



1.9	METODOLOGI KAJIAN	19
1.9.1	Reka Bentuk Kajian	19
1.9.2	Populasi dan Sampel Kajian	21
1.9.3	Metode Pengumpulan Data	22
1.9.3.1	Kajian Perpustakaan	22
1.9.3.2	Kajian Lapangan	25
1.9.3.3	Metode Analisis Data	29
1.10	KESIMPULAN	30
<b>BAB 2 : KONSEP <i>AL-GHĀRIMĪN</i></b>		
2.1	PENDAHULUAN	30
2.2	DEFINISI <i>AL-GHĀRIMĪN</i>	30
2.3	PANDANGAN ULAMA' KLASIK DAN KONTEMPORARI TERHADAP <i>AL-GHĀRIMĪN</i>	31
2.3.1	<i>Al-Ghārimīn</i> Menurut Pandangan Ulama' Klasik	31
2.3.2	<i>Al-Ghārimīn</i> Menurut Pandangan Ulama' Kontemporari	38
2.4	TAFSIRAN ASNAF <i>AL-GHĀRIMĪN</i> DI MALAYSIA	48
2.5	SYARAT KELAYAKAN ASNAF <i>AL-GHĀRIMĪN</i> MENURUT INSTITUSI ZAKAT DI MALAYSIA	53
2.6	<i>MAQĀṢID AL-SHARĪ'AH</i> DALAM AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF <i>AL-GHĀRIMĪN</i>	55
2.6.1	Teori <i>Maqāṣid al-Sharī'ah</i> dalam Agihan kepada <i>al-Ghārimīn</i>	57
2.6.2	<i>Maṣlahah</i>	61
2.6.2.1	<i>Maṣlahah</i> dalam Agihan Zakat kepada Asnaf <i>al-Ghārimīn</i>	60

2.7	KESIMPULAN	65
-----	------------	----

### **BAB 3: PENGAGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF *AL-GHĀRIMĪN* DI SELANGOR**

3.1	PENDAHULUAN	66
3.2	LATAR BELAKANG LEMBAGA ZAKAT SELANGOR	66
3.3	KUTIPAN ZAKAT DI LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (2010-2016)	69
3.4	AGIHAN ZAKAT DI LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (2010-2016)	73
3.4.1	Statistik Agihan Zakat	76
3.4.2	Prinsip Agihan Zakat	78
3.5	AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF <i>AL-GHĀRIMĪN</i> DI LEMBAGA ZAKAT SELANGOR	87
3.5.1	Statistik Agihan Zakat kepada Asnaf <i>al-Ghārimīn</i> di Selangor tahun 2016	87
3.5.2	Skim Agihan Zakat kepada Asnaf <i>al-Ghārimīn</i>	91
3.5.2.1	Syarat-syarat Permohonan Asnaf <i>al-Ghārimīn</i>	95
3.5.3	Kaedah Pembayaran kepada Asnaf <i>al-Ghārimīn</i>	101
3.6	KESIMPULAN	102

### **BAB 4: ANALISIS AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF *AL-GHĀRIMĪN* DI LEMBAGA ZAKAT SELANGOR MENURUT PERSPEKTIF FIQH**

4.1	PENDAHULUAN	103
4.2	ANALISIS PENTAFSIRAN ASNAF <i>AL-GHĀRIMĪN</i> BERDASARKAN PANDANGAN ULAMA' KLASIK DAN KONTEMPORARI	103

4.3	ANALISIS PELAKSANAAN AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF <i>AL-GHĀRIMĪN</i>	108
4.3.1	Skim Agihan Zakat kepada Asnaf <i>al-Ghārimīn</i>	108
4.3.2	Kategori Penerima Zakat	121
4.3.3	Agihan Zakat dari Perspektif <i>Maqāṣid al-Sharī'ah</i>	125
	4.3.3.1 Analisis Keutamaan Agihan Zakat kepada Asnaf <i>al-Ghārimīn</i>	117
4.4	KESIMPULAN	136
 <b>BAB 5: KESIMPULAN DAN SARANAN</b>		
5.1	PENDAHULUAN	137
5.2	DAPATAN KAJIAN	137
5.2.1	Tafsiran Asnaf <i>al-Ghārimīn</i>	137
5.2.2	Pelaksanaan Agihan Zakat kepada Asnaf <i>al-Gharimin</i> di Lembaga Zakat Selangor	139
5.2.3	Agihan Zakat kepada Asnaf <i>al-Ghārimīn</i> dari Perspektif Fiqh	140
5.3	SARANAN	141
5.3.1	Saranan kepada Pihak Lembaga Zakat Selangor (LZS)	141
5.3.2	Saranan kepada Pihak Kerajaan atau Pihak Berkuasa	143
5.3.3	Saranan kepada Pihak Penghutang	143
5.4	CADANGAN KAJIAN LANJUTAN	144
5.5	KESIMPULAN	144
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	146
	<b>LAMPIRAN</b>	155

## SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	HALAMAN
Jadual 1.1.	Komposisi Hutang Isi Rumah di Malaysia bagi tahun 2016 .....	6
Jadual 1.2.	Komposisi Hutang Isi Rumah di Selangor bagi tahun 2015.....	6
Jadual 1.4	Struktur soalan kepada Timbalan Mufti Selangor .....	25
Jadual 1.5.	Struktur soalan kepada organisasi pelaksana zakat, Lembaga Zakat Selangor .....	25
Jadual 2.1.	Aspek penghutang dalam <i>al-ghārimīn</i> menurut ulama' klasik.....	36
Jadual 2.2.	Aspek tujuan hutang dalam <i>al-ghārimīn</i> menurut ulama' klasik.....	37
Jadual 2.3.	Aspek peruntukan zakat dalam <i>al-ghārimīn</i> menurut ulama' klasik.....	37
Jadual 2.4.	Aspek penghutang dalam <i>al-ghārimīn</i> menurut ulama' kontemporari.....	46
Jadual 2.5.	Aspek tujuan hutang asnaf <i>al-ghārimīn</i> menurut ulama' kontemporari.....	46
Jadual 2.6.	Aspek peruntukan zakat kepada <i>al-ghārimīn</i> menurut ulama' kontemporari .....	47
Jadual 2.7.	Tafsiran Asnaf <i>al-Ghārimīn</i> Mengikut Negeri di Malaysia .....	48
Jadual 3.1.	Jadual tangga gaji untuk bantuan ke atas asnaf <i>al-ghārimīn</i> .....	83
Jadual 3.2.	Statistik agihan zakat di Selangor tahun 2016 .....	89
Jadual 3.3.	Skim bantuan di bawah asnaf <i>al-ghārimīn</i> .....	91
Jadual 3.4.	Bantuan dialisis mengikut tangga gaji isi rumah .....	97
Jadual 4.1.	Skim bantuan di bawah asnaf <i>al-ghārimīn</i> .....	108
Jadual 4.2.	Penetapan tangga gaji untuk bantuan ke atas asnaf <i>al-ghārimīn</i> .....	121
Jadual 4.3.	Skim bantuan di bawah asnaf <i>al-ghārimīn</i> .....	125
Jadual 4.4.	Agihan Zakat kepada Asnaf <i>al-Ghārimīn</i> pada tahun 2016 .....	132
Jadual 4.5.	Komposisi Hutang Isi Rumah di Selangor bagi tahun 2015.....	132
Jadual 4.6.	Kategori dan Jumlah Kes Kebankrapan di Malaysia dari tahun 2013 hingga Disember 2017 .....	133

## SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	HALAMAN
Rajah 3.1.	Statistik Kutipan Zakat Tahun 2010-2016	71
Rajah 3.2.	Graf Peratusan Kutipan Zakat Tahun 2010-2016	72
Rajah 3.3.	Statistik Agihan Zakat kepada Lapan Asnaf Tahun 2010-2016	77
Rajah 3.4.	Graf Peratusan Agihan kepada Lapan Asnaf Tahun 2010-2016	77
Rajah 3.5.	Statistik Agihan Zakat kepada Asnaf <i>al-Ghārimīn</i> Tahun 2010-2016	88
Rajah 3.6.	Graf Peratusan Agihan Zakat kepada Asnaf <i>al-Ghārimīn</i> Tahun 2010-2016	88

## SENARAI KEPENDEKAN

%	Peratus
AKPK	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit
BFR	Base Financing Rate
BLR	Base Lending Rate
BNM	Bank Negara Malaysia
CRRC	Consumer Research and Resource Centre
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
ERA	Education and Research Association
et al.	Empat orang penulis atau lebih
<i>Ibid</i>	<i>Ibidem</i>
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAWHAR	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
JIM	Jabatan Insolvency Malaysia
JKN	Jabatan Kesihatan Negeri
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
KAFA	Kelas Agama Farḍu ‘Aīn
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LZS	Lembaga Zakat Selangor
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
MAIPk	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak

MAIS	Majlis Agama Islam Selangor
MAIWP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
NGO	Non-Governmental Organization
PERKEM	Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia
PPIM	Persatuan Pengguna Islam Malaysia
PPPPM/4PM	Persatuan Pengguna dan Peminjam Malaysia
PTPTN	Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional
PZS	Pusat Zakat Selangor
RA	Raḍīyallahu ‘anhu
RM	Ringgit Malaysia
SAW	Ṣallallahu ‘alayhi wasallam
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad
SOCISO	Sosial Security Organization
SWT	Subḥānahu wa ta’ālā
TKPM	Tabung Kebajikan Pesakit Malaysia
TNB	Tenaga Nasional Berhad
t.t.	Tanpa tarikh

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
Lampiran 1	Soalan Temu Bual	155
Lampiran 2	Surat Lantikan Sebagai Pakar Pemeriksa Kesahan Kandungan	
	Soalan Temu Bual	159

Universiti Malaya



## JADUAL TRANSLITERASI

### KONSONAN

HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI
ا، ء	a, 'a	ط	t
ب	b	ظ	z
ت	t	ع	'
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	h	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	و	w
س	s	ه	h
ش	sh	ي	y
ص	ṣ	ة	h, t
ض	ḍ		

### VOKAL

VOKAL PENDEK		VOKAL PANJANG	
ا	A	ا، ي	ā
ي	I	ي	ī
و	U	و	ū

### DIFTONG

او	aw	وو	uww
اي	ay	يي	iy, ī

*Sumber: Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Ed Ke-3. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012.*

## BAB 1: PENGENALAN

### 1.1 PENDAHULUAN

Bab ini merupakan pengenalan awal kepada kajian yang ingin dijalankan ini. Bab ini disusun mengikut sub topik dalam kajian ini iaitu bermula dengan penceritaan latar belakang dan pernyataan masalah kajian yang mendorong kepada kajian ini dilakukan. Rentetan daripada permasalahan kajian tersebut secara tidak langsung menimbulkan beberapa soalan yang perlu dijawab dalam kajian ini. Seterusnya, hasil daripada permasalahan dan soalan kajian ini, penulis menetapkan beberapa objektif yang perlu dicapai mengikut pecahan bab yang telah dirangka. Berkenaan skop kajian pula, penulis terpaksa mengecilkan skop kajian ini kepada satu asnaf daripada lapan asnaf zakat dan difokuskan kepada satu negeri sahaja disebabkan bidang kajian agihan zakat ini terlalu luas.

Justeru, susunan sub topik ini sangat penting bagi memastikan perbincangan yang terdapat dalam kajian ini dapat dikupas dengan lebih tersusun dan efisien.

### 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Isu hutang bukanlah satu isu yang baharu, bahkan telah wujud sejak zaman Rasūlullah SAW lagi. Perkara ini dikuatkan lagi dengan doa yang diajar oleh baginda SAW agar terhindar daripada hutang iaitu dalam ḥadīth yang berbunyi:

عن عروة أن عائشة رضي الله عنها أخبرته: أن رسول الله صلى الله عليه وسلم كان يدعو في الصلاة ويقول: (اللهم إني أعوذ بك من المأثم والمغرم).

Maksudnya: Daripada ‘Urwah sesungguhnya ‘Aishah Raḍiallahu ‘anhā telah memberitahunya: bahawasanya Rasūlullah SAW berdoa dalam solatnya seraya menyebut “Ya Allah, sesungguhnya aku

berlindung dengan Engkau daripada perbuatan dosa dan kesusahan hutang”.

(Riwayat Bukhārī)<sup>1</sup>

Pada asalnya, hutang dari perspektif Islam adalah harus. Hal ini dijelaskan melalui firman Allah SWT:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِذَا تَدٰىنْتُمْ بَدِيْنَ اِلٰى اَجَلٍ مُّسَمًّى فَاَكْتُبُوْهُ ۚ وَلْيَكْتُب بِيْنَكُمْ  
كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ ۗ وَلَا يَأْبَ كَاتِبٌ اَنْ يَّكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ اللّٰهُ ...

(Al-Baqarah 2:282)

Terjemahan: Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu bermu'amalah tidak secara tunai (berhutang) untuk waktu yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya, dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan benar, dan janganlah penulis enggan menuliskannya sebagaimana Allah SWT telah mengajarkan kepadanya.

Merujuk kepada hujah ayat al-Qur'ān di atas, Islam mengharuskan pinjaman dan berhutang bagi mereka yang memerlukannya di samping saranan untuk membuat catatan berkenaan hutang tersebut. Walau bagaimanapun, pengharusan ini bukanlah bertujuan untuk seseorang itu berbelanja secara bermewah-mewahan tanpa didasari keperluan asas dan alasan yang kukuh, malah Islam menyediakan garis panduan bagi mengelakkan diri dan keluarga daripada bebanan hutang.

Melihat kepada realiti sekarang, masyarakat di zaman moden ini boleh dikatakan majoritinya terbelenggu dengan masalah hutang. Menurut Persatuan Penyelesaian Pengguna dan Peminjam Malaysia (4PM), boleh dikatakan 99 peratus masyarakat di Malaysia terpaksa berhutang dengan pihak bank atau institusi kewangan untuk hidup

<sup>1</sup> Ḥadīth riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Istiqrād wa al-Duyūn, Bāb Man Ista'āzah min al-Dayn, no. ḥadīth, 2397. Lihat Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī” dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Ṣharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Sāliḥ bin 'Abd al-'Azīz 'Āl al-Syakh (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 1:187.

dengan selesa.<sup>2</sup> Dalam peratusan ini jugalah yang mempunyai masalah dengan pihak bank apabila berlaku kesukaran membayar ansuran bulanan dan seterusnya berlaku keingkaran di pihak penghutang.<sup>3</sup> Keadaan ini dilihat seperti barah yang sedang menular dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

Oleh itu, antara jalan penyelesaian yang telah disediakan oleh Islam berkenaan masalah ini ialah zakat. Dengan kewujudan zakat, secara tidak langsung dapat mengangkat kesusahan umat Islam seperti mereka yang tersepit dengan masalah hutang ini. Dalam al-Qur'ān, Allah SWT telah menyebut dengan jelas golongan-golongan atau asnaf yang layak menerima peruntukan zakat melalui firman-Nya:

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمَوْلَفَةِ قُلُوبِهِمْ وَفِي الرِّقَابِ  
وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴾

(al-Tawbah, 10:60)

Maksudnya: Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan 'amil-'amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Orang yang berhutang atau asnaf *al-ghārimīn* antara asnaf yang telah ditetapkan oleh Allah SWT untuk menerima peruntukan zakat ini. Selain itu, terdapat juga dalil daripada ḥadīth yang menerangkan tentang peruntukan zakat kepada asnaf ini iaitu melalui ḥadīth yang diriwayatkan oleh Abī Saīd al-Khudrī, Rasūlullah SAW bersabda:

<sup>2</sup> Persatuan Penyelesaian Pengguna dan Peminjam Malaysia, "Objektif Kami PPPPM", dicapai 18 Oktober 2017, 4pmalaysia.blogspot.my/2014/10/objektif-kami-ppppm.html?m=1

<sup>3</sup> *Ibid.*

"لا تحل الصدقة لغني إلا الخمسة: لعامل عليها، أو لغاز في سبيل الله، أو لغني اشتراها بماله، أو فقير تصدق عليه فأهداها لغني، أو غارم."

Terjemahan: "Zakat itu tidak halal bagi orang kaya kecuali untuk lima golongan iaitu : amil zakat, atau orang yang berjuang di jalan Allah, atau seseorang kaya yang membeli barang zakat dengan hartanya, atau orang yang miskin yang menerima zakat, kemudian zakat tersebut dihadiahkan kepada orang kaya, atau orang yang berhutang."

(Riwayat Ibn Mājah)<sup>4</sup>

Oleh yang demikian, untuk memastikan peruntukan zakat ini diagihkan kepada asnaf-asnaf yang telah ditetapkan, maka tertubuhlah institusi-institusi zakat setiap negeri bagi menguruskan segala perkara yang berkaitan dengan kutipan dan agihan zakat. Sebagai contoh, Lembaga Zakat Selangor (LZS) merupakan institusi yang bertanggungjawab untuk menguruskan zakat di Selangor.

Dalam kajian ini, penulis akan memfokuskan kajian terhadap asnaf *al-ghārimīn* dari sudut agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* di Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan difokuskan pada Divisyen Agihan.

### 1.3 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN

Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah mengagihkan zakat kepada semua asnaf yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Asnaf *al-ghārimīn* merupakan antara asnaf yang layak untuk menerima agihan zakat ini. Melihat dari statistik agihan zakat keseluruhan bagi kesemua asnaf untuk tempoh tujuh tahun bermula tahun 2010 sehingga tahun 2016, asnaf *al-ghārimīn* hanya menerima agihan sekitar 8 sehingga 15 peratus sahaja dari agihan zakat keseluruhan.<sup>5</sup> Hal ini menunjukkan bahawa agihan zakat kepada asnaf ini

<sup>4</sup> Ḥadīth riwayat Ibn Mājah, Kitāb al-Zakāh, Bāb Man Taḥillu Lahu al-Ṣadaqah, no. ḥadīth 1841. Lihat Muḥammad bin Yazīd al-Rab'īyy Ibn Mājah al-Qazwaynī, "Sunan Ibn Mājah" dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Ṣharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Sāliḥ bin 'Abd al-'Azīz 'Āl al-Syakh (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashri wa al-Tawzī', 2000), 2:2587. Ibn Ḥajar al-'Asqalānī dalam *al-Dirāyah fī takhrīj Aḥādīth al-hidāyah* mengatakan bahawa ḥadīth ini *mursal*.

<sup>5</sup> Lembaga Zakat Selangor, "Laporan Kutipan dan Agihan Zakat Selangor", laman sesawang Lembaga Zakat Selangor, dicapai 25 Disember 2017, <https://www.zakatselangor.com.my/majalah-asnaf-2/>

hanyalah dalam peratusan yang sedikit. Seterusnya, berkenaan agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* ini, LZS telah memperkenalkan lima skim bantuan utama iaitu bantuan hutang keperluan hidup, hutang dialisis, hutang perubatan, hutang badan atau persatuan untuk masalah ummah dan hutang pengurusan jenazah tanpa waris.<sup>6</sup>

Berdasarkan statistik agihan pada tahun 2016 yang terdiri daripada lima skim ini, bantuan hutang dialisis dan perubatan merupakan bantuan yang tertinggi diberikan iaitu masing-masing 69.1 peratus dan 26.3 peratus, manakala bantuan untuk keperluan hidup hanya 3.8 peratus sahaja diikuti dengan bantuan-bantuan lain yang kurang daripada 1 peratus.<sup>7</sup> Apa yang ingin disentuh oleh pengkaji di sini ialah berkenaan peratusan agihan zakat ini yang dilihat seolah-olah hanya memfokuskan kepada dua bentuk hutang sahaja, sedangkan jika dilihat kepada realiti hutang isi rumah di Malaysia umumnya ketika ini, mereka lebih terbeban dengan hutang-hutang yang melibatkan keperluan hidup seperti perumahan dan kenderaan terutamanya bagi yang hidup dalam bandar.

Laporan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) berkenaan hutang isi rumah di negara ini menunjukkan antara yang tertinggi di Asia, iaitu sebanyak 89 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)<sup>8</sup> yang didominasi oleh hutang perumahan, diikuti hutang pembiayaan peribadi, hutang kenderaan dan hutang-hutang yang lain. Jadual 1.1 menunjukkan komposisi hutang isi rumah di Malaysia bagi tahun 2016.

---

<sup>6</sup> *Ibid.*

<sup>7</sup> Lembaga Zakat Selangor, "Laporan Kutipan dan Agihan Zakat Selangor Tahun 2016", laman sesawang Lembaga Zakat Selangor, dicapai 25 Disember 2017, <https://www.zakatselangor.com.my/majalah-asnaf-2/>

<sup>8</sup> Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), "Orang Kita Liat Bayar Hutang Punca Hutang" laman sesawang AKPK, dicapai 25 Disember 2017, <https://www.akpk.org.my/news/949-orang-kita-liat-bayar-punca-hutang>.

Jadual 1.1. Komposisi Hutang Isi Rumah di Malaysia bagi tahun 2016

Bil.	Jenis Hutang	Peratus (%)	Nisbah Hutang Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) (%)
1.	Perumahan	50.3	88.4
2.	Pembiayaan peribadi	14.9	
3.	Sewa beli kenderaan	14.6	
4.	Harta bukan kediaman	7.4	
5.	Sekuriti	5.7	
6.	Kad kredit	3.5	
7.	Lain-lain	3.6	
<b>Peratusan keseluruhan</b>		<b>100</b>	

Sumber: Bank Negara Malaysia (BNM)

Menurut laporan BNM lagi, tahap hutang isi rumah yang tinggi dijangka kekal dalam beberapa tahun akan datang kerana tempoh pinjaman yang dibuat oleh isi rumah adalah agak lama.<sup>9</sup> Seterusnya, sesuai dengan kajian penulis di Selangor, maka disertakan juga komposisi hutang isi rumah di Selangor berdasarkan kajian yang dilakukan di Bandar Baru Bangi seperti dalam jadual 1.2 berikut:

Jadual 1.2. Komposisi Hutang Isi Rumah di Selangor bagi tahun 2015

Bil.	Jenis Hutang	Peratus (%)
1.	Sewa beli kenderaan	76.6
2.	Perumahan	63.1
3.	Pembiayaan peribadi	53.2
4.	Hutang pendidikan	19.1
5.	Sekuriti	5.0

Sumber: Kajian gelagat hutang isi rumah mengikut kaum di Bandar Baru, Bangi, Selangor<sup>10</sup>

Berdasarkan jadual di atas, dapat dirumuskan bahawa terdapat tiga komponen utama yang menjadi tumpuan isi rumah di Malaysia untuk berhutang iaitu perumahan, kenderaan dan pembiayaan peribadi. Hal ini kerana ketiga-tiga komponen ini telah menjadi keperluan kepada isi rumah kerana ia tergolong dalam kategori keperluan asas.

<sup>9</sup> *Ibid.*

<sup>10</sup> Sanep Ahmad et al., "Gelagat Hutang Isi Rumah Mengikut Kaum di Bandar Baru Bangi, Selangor" *Malaysian Journal of Society and Space* 11, no. 11, (2015), 110-119.

Walau bagaimanapun, berkenaan hutang atau pembiayaan peribadi, tujuan hutang ini menjadi ukuran sama ada untuk tujuan memenuhi keperluan hidup atau sebaliknya.

Maka, menjadi persoalan di sini, mengapakah LZS tidak melihat permasalahan hutang yang melibatkan keperluan hidup isi rumah ini sebagai satu masalah yang serius yang perlu diberi perhatian. Dari perspektif fiqh *awlawiyyāt* (keutamaan) pula, bukankah keperluan hidup ini dikategorikan sebagai perkara yang perlu diutamakan selain dari kesihatan?

Selain itu, persoalan yang timbul daripada amalan pengagihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* ini juga, adakah dinyatakan oleh para ulama' sama ada klasik ataupun kontemporari berkenaan keutamaan asnaf *al-ghārimīn* ini lebih kepada hutang rawatan dialisis dan perubatan?

Oleh yang demikian, bagi merungkai permasalahan ini, penulis akan melihat amalan agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* yang dilaksanakan oleh LZS menurut perspektif fiqh semasa.

#### 1.4 SOALAN KAJIAN

1. Apakah tafsiran *al-ghārimīn* berdasarkan pendapat ulama' klasik dan kontemporari?
2. Apakah kaedah yang digunakan oleh ulama' dalam pentafsiran *al-ghārimīn*?
3. Apakah kaedah yang digunakan oleh Lembaga Zakat Selangor dalam menentukan asnaf *al-ghārimīn*?
4. Bagaimanakah pelaksanaan agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* yang dilaksanakan di Lembaga Zakat Selangor?
5. Adakah pelaksanaan agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* yang diaplikasikan oleh Lembaga Zakat Selangor bertepatan dengan konsep fiqh semasa?



## 1.5 OBJEKTIF KAJIAN

1. Menjelaskan tafsiran *al-ghārimīn* berdasarkan pendapat ulama' klasik dan kontemporari.
2. Menganalisis pelaksanaan agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* di Lembaga Zakat Selangor.
3. Menilai agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* oleh Lembaga Zakat Selangor dari perspektif fiqh semasa.

## 1.6 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Penulis mendapati kajian berkenaan zakat telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini, sama ada kajian yang dilaksanakan di peringkat Sarjana Muda, Sarjana sehinggalah ke peringkat Doktor Falsafah. Penulis berpendapat, kajian berkenaan zakat tetap relevan kerana tajuk zakat mempunyai perbincangan yang sangat luas bukan sahaja dari aspek hukum, bahkan aspek *maṣlahah*, pengurusan dan sebagainya.

Dalam kajian ini, penulis akan memfokuskan perbincangan kepada dua aspek utama. **Pertama**, membahaskan berkenaan konsep *al-ghārimīn* dalam Islam, pandangan ulama' klasik dan kontemporari dalam memberi tafsiran terhadap golongan ini dan menganalisis pandangan yang berkaitan dengan hak pemberian zakat kepada asnaf ini. Selain itu, penulis akan mengkaji kelayakan seseorang itu untuk mendapat peruntukan daripada zakat menurut perspektif fiqh semasa. **Kedua**, kajian ini juga turut memfokuskan terhadap pengamalan agihan zakat oleh Lembaga Zakat Selangor iaitu dari sudut sejauh mana pengamalan ini menepati kehendak syarak dan meraikan realiti semasa.

Penulis memilih Lembaga Zakat Selangor (LZS) sebagai kajian kes disebabkan beberapa perkara. **Pertama**, Selangor mencatatkan statistik keberhutangan dan

kebankrapan yang tertinggi berdasarkan data yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) pada tahun 2012 sehingga Disember 2016 iaitu sebanyak 70,238 kes.<sup>11</sup> **Kedua**, agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* oleh LZS merupakan antara yang tertinggi di Malaysia. Statistik agihan zakat bagi keseluruhan negeri di Malaysia ini boleh dilihat dalam portal Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dari tahun 2013 sehingga 2016.<sup>12</sup> **Ketiga**, institusi ini berjaya mencapai kutipan zakat antara yang tertinggi setiap tahun di Malaysia.<sup>13</sup> Oleh itu, ketiga-tiga perkara ini menjadi sandaran utama kepada penulis untuk menjalankan kajian kes di LZS.

## 1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini sangat penting untuk memberi pencerahan yang terperinci berkenaan konsep *ghārim* atau *ghārimīn* dari perspektif fiqh iaitu dari sudut tafsiran dan pandangan ulama' terhadap konsep *al-ghārimīn*. Di samping itu, kajian ini akan melihat sejauh mana amalan agihan zakat oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) bertepatan dengan fiqh semasa. Kajian ini juga penting untuk melihat realiti hutang isi rumah pada masa kini yang akan memberi kesan kepada keutamaan dalam agihan zakat. Pemahaman terhadap keutamaan dalam agihan zakat ini dilihat sangat penting supaya agihan ini dapat diagihkan bertepatan dengan prinsip fiqh *awlawiyyāt* yang telah digariskan oleh para ulama'.

Selain itu, kajian ini berperanan untuk menangkis segala tanggapan negatif serta fitnah yang dilemparkan oleh sesetengah masyarakat terhadap pengurusan zakat yang diterajui oleh LZS dengan memberi pendedahan yang terperinci berkenaan laporan yang

---

<sup>11</sup> Malaysia Department of Insolvency (MDI) "Statistik Kebankrapan dari Tahun 2012 sehingga Disember 2016", dicapai pada 5 Februari 2018, [http://www.mdi.gov.my/images/documents/Statistics/Bankruptcy/BRIEF%20NOTEKEBANKRAAN DISEMBER2016.pdf](http://www.mdi.gov.my/images/documents/Statistics/Bankruptcy/BRIEF%20NOTEKEBANKRAAN%20DISEMBER2016.pdf)

<sup>12</sup> Statistik Agihan Zakat Mengikut Negeri, Portal Pengurusan Maklumat Zakat dan Baitulmal Malaysia, dicapai 1 Februari 2018, [http://intranet.jawhar.gov.my/spmj/public/zkt\\_agihan\\_stat.php](http://intranet.jawhar.gov.my/spmj/public/zkt_agihan_stat.php).

<sup>13</sup> Mohamed Izam bin Mohamed Yusuf, *Pengurusan Zakat Di Negeri Selangor: Mengorak Langkah Meneraju Perubahan* (Selangor: Lembaga Zakat Selangor, t.t.), 2

meliputi kutipan dan agihan zakat di Selangor. Masyarakat juga boleh mengaksesnya sendiri secara dalam talian (*online*) kerana pihak LZS telah memaparkan kepada umum segala perkara yang berkaitan dengan pengurusannya dalam portal rasmi mereka.

Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat membantu dalam merealisasikan pengurusan zakat yang lebih efektif di LZS khususnya dan sekurang-kurangnya dapat meringankan bebanan mereka yang berhutang selagi mana tidak bercanggah dengan syarak.

## **1.8 KAJIAN LEPAS**

Kajian ilmiah yang berkaitan dengan zakat telah banyak dikupas oleh para pengkaji di Malaysia. Secara umumnya, hasil kajian yang dilaksanakan sebelum ini banyak terarah kepada analisis kutipan dan agihan zakat yang dilakukan oleh institusi-institusi zakat di Malaysia. Namun, penulis lebih cenderung untuk merujuk kepada kajian yang mempunyai perbincangan yang hampir dengan topik perbincangan kajian ini. Oleh itu, penulis akan menyusun kajian-kajian lepas mengikut beberapa tema tertentu iaitu kajian tentang konsep *al-ghārimīn*, kajian tentang pengagihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* dan kajian berkaitan hutang.

### **1.8.1 Konsep *al-Ghārimīn* dalam Islam**

Konsep merupakan kerangka dasar sesuatu idea yang dibentuk hasil daripada penelitian dengan mengambil nilai-nilai dan peraturan tertentu.<sup>14</sup> Perkataan *al-ghārimīn* pula secara amnya adalah sinonim dengan situasi orang yang berhutang. Kajian berkenaan konsep *al-ghārimīn* ini telah banyak dilakukan oleh ulama'-ulama' muktabar yang terdiri daripada ulama' klasik dan kontemporari. Ulama' klasik yang terdiri daripada empat mazhab iaitu Ḥanafī, Mālikī, Shāfi'e dan Ḥanbalī memberikan tafsiran yang

---

<sup>14</sup> Hailani bin Muji Tahir "Konsep Agihan Zakat dan Aplikasi Semasa," *Jurnal Pengurusan Jawhar* 3, no. 1 (2009), 35-36.

sama terhadap asnaf *al-ghārimīn* iaitu orang yang berhutang, namun terdapat perbezaan dari sudut skop dan pembahagiannya. Mazhab Ḥanafī dan Mālīkī menjadikan tahap kemampuan untuk membayar hutang sebagai kayu ukur kepada definisi asnaf ini manakala mazhab Shāfi'e dan Ḥanbalī menjadikan tujuan hutang iaitu untuk *maṣlahah* diri sendiri dan *maṣlahah* umum sebagai kayu pengukur dalam pentafsiran mereka.<sup>15</sup>

Ulama' kontemporari seperti Wahbah al-Zuḥaylī<sup>16</sup> dan Alī Muḥyiddin al-Qurah Dāghī<sup>17</sup> pula membincangkan tentang konsep *al-ghārimīn* dengan mendatangkan pandangan empat mazhab serta ulasannya. Kajian yang sama juga dilakukan oleh Yūsuf al-Qaraḍāwī<sup>18</sup> berkenaan konsep ini, tetapi perbincangan beliau lebih terarah kepada perspektif *maqāṣid al-sharī'ah*. Justeru, dari sudut konsep *al-ghārimīn*, dapatan kajian mendapati ulama' kontemporari memberikan pandangan dan tafsiran yang hampir sama iaitu cenderung kepada pentafsiran yang diberikan oleh mazhab Shāfi'e dan Ḥanbalī.

Di Malaysia, kajian Mahadi Mohammad et al.,<sup>19</sup> dan Mohd. Faezul Fikri Ag Omar et al.,<sup>20</sup> mendapati bahawa pentakrifan asnaf *al-ghārimīn* yang digunakan oleh institusi-institusi zakat di Malaysia adalah berlandaskan kepada mazhab Shāfi'e. Setiap institusi zakat menggunakan pentakrifan umum yang sama, namun berlaku perbezaan dari sudut penetapan kelayakan asnaf *al-ghārimīn* ini. Sebagai contoh, terdapat sebahagian institusi zakat yang menerima kes-kes berhutang dengan *ah long* dan memberi pinjaman pelajaran melalui kaedah *qard al-ḥasan*.

<sup>15</sup> 'Abd. Raḥman al-Jazayrī, *Kitāb al-Fiqh 'alā al-Mazāhib al-Arba'ah* (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 2003), 1:563.

<sup>16</sup> Wahbah al-Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islāmiyy wa Adillatuhu* (Damshiq: Dār al-Fikr, 2008), 2:776.

<sup>17</sup> 'Alī Muḥyiddin al-Qurah Dāghī, *Buḥūs fī Fiqh Qaḍāya al-Zakāh: Dirāsah Fiqhiyyah Muqāranah ma'a al-Taṭbīqāt al-Mu'āṣirah 'alā al-Sharikāt wa al-Ashum* (Beirut: Dār al-Baṣā'ir al-Islāmiyyah li al-Ṭobāah wa al-Nashar wa al-Tawzī', 2009), 1:570.

<sup>18</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Aḥkāmīha wa Filsafatiha fī Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1973), 2:622.

<sup>19</sup> Mahadi Mohammad, Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali dan Syahirah Salwa Md Harun, "Pentafsiran Asnaf Ghārimīn di Institusi-institusi Zakat di Malaysia" (kertas kerja, Seminar Waqf Iqlimi 2014, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sains Islam Malaysia, 29 April 2014), 111-120.

<sup>20</sup> Mohd. Faezul Fikri Ag Omar, Hairunnizam Wahid dan Mohd Ali Mohd Nor, "Kecekapan Pengurusan Kewangan dan Agihan Zakat: Kajian di Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)," *Jurnal Syariah* 25, no. 3 (2017), 415-452.

Menurut Nurul Hidayah Mansor et al.,<sup>21</sup> penentuan definisi asnaf adalah amat penting dan perlu lebih diperhalusi. Hairunnizam et al., dalam kajiannya mengulas lanjut bahawa definisi setiap lapan asnaf yang berbeza-beza menimbulkan masalah kepada ‘amil. Dalam kajian ini juga, beliau mencadangkan supaya definisi asnaf *al-ghārimīn* diperluaskan bagi menyelesaikan permasalahan berkaitan mengikut konteks semasa dan setempat.<sup>22</sup> Sebagai contoh, kajian Hasanah et al.,<sup>23</sup> cuba meluaskan definisi *al-ghārimīn* kepada mangsa banjir besar yang menanggung hutang setelah kehilangan rumah dan harta benda. Mereka mencadangkan agar pengagihan zakat kepada mangsa banjir dibuat berdasarkan kadar kesusahan yang dihadapi oleh mangsa banjir bagi memastikan semua mangsa yang memerlukan mendapat bantuan yang mencukupi. Cadangan ini telah disokong oleh Zulkifli Mohamad al-Bakri yang mengatakan bahawa mangsa banjir boleh dikategorikan dalam golongan asnaf *al-ghārimīn*.<sup>24</sup> Di samping itu, institusi zakat juga perlu mempergiatkan usaha dalam memberi kefahaman kepada masyarakat terhadap pendefinisian asnaf yang telah ditetapkan oleh Allah SWT kerana kajian Rosbi Abd. Rahman mendapati telah wujud kekeliruan kefahaman dalam kalangan umum terhadap golongan yang berhak menerima agihan zakat ini.<sup>25</sup>

Seterusnya, kajian daripada Hasanah Abd. Khafidz<sup>26</sup> mendapati terdapat nilai-nilai semasa dan setempat yang perlu diambil kira dalam memberikan pentafsiran asnaf

---

<sup>21</sup> Nurul Hidayah Mansor, S. Salahudin Hj. Suyurno dan Norajila Che Man, “Pemeriksaan Agihan Zakat sebagai Medium Pembangunan Masyarakat Islam” (kertas kerja, Seminar Antarabangsa Dakwah dan Etnik 2014, Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2014), 1-14.

<sup>22</sup> Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, & Radiah Abdul Kader, “Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia,” *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 4, no. 1 (2010), 141–170.

<sup>23</sup> Hasanah Abd. Khafidz et al., “Aplikasi Kaedah Fiqh al-Darūrah Tuqaddar bi Qadarihā dalam Agihan Zakat untuk Mangsa Banjir,” *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 8, no. 1, (2016), 37-41.

<sup>24</sup> Zulkifli Mohamad al-Bakri, “Fatwa Semasa: Kutipan dan Agihan Zakat” (kertas kerja, Seminar Pembentukan Semula Hala Tuju Kutipan dan Agihan Zakat di Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia, 23 April 2015), 38.

<sup>25</sup> Rosbi Binti Abd. Rahman, “Kefahaman Masyarakat Umum Tentang Golongan yang Berhak Menerima Wang Zakat: Siapa yang Layak,” *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 7, no. 2 (2013), 57

<sup>26</sup> Hasanah bt Abd. Khafidz, “Asnaf Lapan: Kesan Nilai Semasa dan Setempat dalam Menentukan Pentafsirannya di Malaysia” (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2006), 326.

yang lapan termasuk *al-ghārimīn* oleh setiap institusi zakat di Malaysia iaitu antaranya dari aspek sosioekonomi, sosiobudaya dan sosiopolitik.

Di samping itu, kajian Raziah Md. Tahir dan Syarifah Md. Yusuf mendapati dalam definisi *al-ghārimīn* yang dinyatakan oleh setiap institusi zakat di Malaysia, terdapat enam syarat yang dapat dipenuhi oleh seseorang untuk melayakkannya menerima zakat di bawah peruntukan asnaf ini. Antaranya ialah tiada harta atau sumber kewangan yang melebihi keperluan asasi, tujuan hutang yang dibenarkan oleh syarak, tidak berlebih-lebihan dalam memenuhi keperluan diri dan masyarakat, wujud keperluan menyelesaikan hutang dengan segera, mendatangkan kemudaratan terhadap diri dan keluarga dan penghutang telah berusaha untuk membayar hutangnya.<sup>27</sup>

Kajian Mahadi Mohammad<sup>28</sup> pula mendapati dari segi hukum, peminjam *ah long* atau penghutang yang terbelenggu dengan hutang yang haram boleh dibantu dengan peruntukan zakat dengan syarat mereka benar-benar bertaubat dan tidak akan mengulangi kembali perbuatan tersebut. Hal ini merujuk kepada kata-kata Ibn Qudāmah iaitu, “Berkekalan dalam hutang adalah maksiat, bahkan wajib untuk menyelesaikannya. Maka, tolong-menolong pada perkara wajib adalah *qurbah* (mendekatkan diri) dan ibadah, bukannya maksiat”. Di samping itu, kajian ini lebih memfokuskan kepada pelaksanaan kaedah *qarḍ al-ḥasan* melalui asnaf *al-ghārimīn* ini.

Walau bagaimanapun, sorotan kajian yang dinyatakan di atas berbeza dengan kajian penulis yang menyentuh tentang polisi agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* serta keutamaan pengagihan zakat dalam kalangan asnaf ini dan difokuskan kajian ini di Selangor.

---

<sup>27</sup> Raziah Md Tahir dan Syarifah Md Yusuf, “Status Individu Muflis dalam Asnaf al-Ghārimīn,” *International Journal of Business and Technopreneurship* 4, no. 3 (2014), 477-494 dan “Analisis Tafsiran Asnaf al-Ghārimīn di Malaysia” *International Journal of Management Studies* 22, no. 1 (2015), 81-100.

<sup>28</sup> Mahadi Mohammad et al., “Qarḍ Ḥasan melalui Asnaf al-Ghārimīn,” *Jurnal Wahana Kajian Hukum Islam dan Pranata Sosial* 6, no. 1 (2014), 123-142.

## 1.8.2 Pengagihan Zakat kepada Asnaf *al-Ghārimīn*

*Al-ghārimīn* merupakan asnaf kelima yang disebut dalam al-Qur'ān sebagai penerima zakat. Melalui surah al-tawbah, ayat 60, Allah SWT memberikan isyarat kepada umat Islam bahawa agihan zakat hanyalah untuk lapan golongan sahaja termasuk asnaf *al-ghārimīn*. Oleh itu, terdapat banyak kajian mengenai pengagihan zakat ini antaranya kajian di Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) yang mendapati bahawa zakat memainkan peranan yang besar dalam menyelesaikan isu bebanan hutang di mana pengagihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* merujuk kepada konsep mengeluarkan bermasalah daripada kesulitan yang dialami.<sup>29</sup> Kajian Abdul Rahman bin Talib<sup>30</sup> pula mendapati bahawa beberapa prinsip perlu diterapkan dalam agihan ini agar mencapai matlamat dan objektif pengagihan tersebut iaitu antaranya adil dan saksama, mengikut *ḥad kifāyah* yang telah ditetapkan dan *fauran* (serta-merta). Dapatan kajian ini dikuatkan lagi dengan kajian Mahadi Mohammad<sup>31</sup> yang menyatakan bahawa falsafah yang sebenar yang menjadi tunjang terhadap konsep agihan zakat dalam Islam ialah keadilan. Di Selangor, prinsip-prinsip ini digunakan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn*.

Kemudian, kajian Patmawati Hj. Ibrahim<sup>32</sup> menunjukkan bahawa terdapat pelbagai jenis bantuan yang diberikan oleh institusi-institusi zakat di Malaysia yang merangkumi enam kategori yang utama iaitu bantuan penggunaan semasa (untuk makanan dan sara hidup), bantuan perubatan, bantuan pendidikan, bantuan keusahawanan, bantuan keagamaan dan bantuan kecemasan. Berdasarkan dapatan

---

<sup>29</sup> Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, *Manual Pengurusan Asnaf al-Ghārimīn* (Kuala Lumpur: Penerbit Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, t.t.), 1-40.

<sup>30</sup> Rahman bin Talib, "Konsep Agihan Zakat kepada Asnaf Menurut Perspektif Syarak," *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 7, no. 2 (2013), 10-12.

<sup>31</sup> Mahadi bin Mohammad, *Falsafah Pengagihan Zakat Menurut Islam* (Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, t.t.), 5.

<sup>32</sup> Patmawati Hj. Ibrahim, "Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Emperikal," *Jurnal Syariah* 16, no. 2 (2008), 223-244.

kajian ini, penulis dapati, bantuan yang dinyatakan ini telah diaplikasi dalam skim bantuan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Seterusnya dari sudut corak agihan zakat, kajian Azninainie Mohd Ghazi<sup>33</sup> mendapati peningkatan dalam pengagihan dana zakat kepada golongan asnaf selain asnaf fakir dan miskin seperti *al-ghārimīn* turut mengalami peningkatan dalam pengagihan dana zakat, tetapi corak perubahan dalam pengagihan dana zakat tersebut sentiasa berubah-ubah turun dan naik serta ada yang mengalami peningkatan yang hanya sedikit pada setiap tahun.

Seterusnya, kajian Anssar Nasrun dan Aza Shahnaz Azman<sup>34</sup> yang mengkaji tentang hubungan antara agihan zakat dan kualiti hidup isi rumah mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-duanya. Kajian yang dilakukan di Selangor ini mendapati hubungan yang paling dominan di antara jumlah bantuan terhadap semua taburan kualiti hidup isi rumah adalah pakaian, diikuti pengangkutan dan perhubungan. Keputusan ini membuktikan bahawa setiap komponen dalam kualiti hidup dipengaruhi oleh jumlah bantuan yang disalurkan oleh Lembaga Zakat Selangor. Perkara ini juga dijadikan sandaran untuk agihan kepada asnaf *al-ghārimīn*.

Turut menyumbang dalam kajian berkaitan pengagihan zakat ini ialah kajian Nur Aliah Mohd. Sukeri et al.,<sup>35</sup> yang mengkaji tentang prosedur dan bentuk agihan zakat *al-ghārimīn*. Hasil kajian ini mendapati pengagihan zakat perubatan *al-ghārimīn* oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) di daerah Gombak adalah sangat berkesan dan

---

<sup>33</sup> Azninainie Mohd Ghazi, "Analisis Pengurusan dan Agihan Dana Zakat di Negeri Kelantan" (Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-8, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013), 1291-1301.

<sup>34</sup> Anssar Nasrun dan Aza Shahnaz Azman, "Hubungan di antara Jumlah Bantuan Zakat Mempengaruhi Kualiti Hidup Asnaf di Selangor" (E-Prosiding Seminar Zakat Peringkat Kebangsaan 2015, Isu Kontemporari Agihan Zakat di Malaysia, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2015), 6-7.

<sup>35</sup> Nur Aliah Mohd. Sukeri, Zulaikha Mohd. Hanafiah dan Hairunnizam Wahid, "Persepsi Asnaf Zakat al-Ghārimīn (Perubatan) Terhadap Kaedah Agihan Zakat oleh Lembaga Zakat Selangor: Kajian di Gombak, Selangor," *Jurnal Muamalat* 10 (2017), 146-168.



mendapat respon yang baik oleh penerima zakat, dan juga tahap kepuasan asnaf yang menerima zakat perubatan terhadap pengagihan zakat perubatan oleh LZS adalah sangat baik. Ini menunjukkan zakat telah diagihkan dengan efisien dan masyarakat juga tidak lagi mempersoalkan mengenai pengagihan zakat yang diuruskan oleh institusi ini.

Daripada kajian-kajian lepas yang telah dijalankan, didapati terdapat fokus yang berbeza-beza dilakukan oleh para pengkaji iaitu merangkumi kategori bantuan dan corak agihan kepada asnaf *al-ghārimīn*, prosedur agihan kepada asnaf *al-ghārimīn* dan sebagainya. Kajian-kajian yang telah dilakukan ini berbeza dengan kajian penulis yang memfokuskan kepada pengamalan agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* oleh Lembaga Zakat Selangor menurut perspektif fiqh semasa.

### 1.8.3 Kajian Hutang

Realiti masyarakat di Malaysia pada ketika ini ialah mereka sedang dibebani dengan pelbagai bentuk hutang sama ada hutang untuk keperluan hidup ataupun hutang-hutang yang lain. Perakara ini diakui melalui kajian-kajian yang telah dilaksanakan oleh para pengkaji di Malaysia.

Kajian Nor Hartini Saari dan Mohamad Azhar Hashim menyatakan bahawa amalan berhutang merupakan satu fenomena yang sukar dihindari oleh umat Islam masa kini.<sup>36</sup> Amalan berhutang dalam kalangan masyarakat melayu khususnya telah diwarisi sejak zaman sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan lagi.<sup>37</sup> Sebagai contoh, Norsiah Sulaiman et al.<sup>38</sup> dalam kajiannya mendapati bahawa intelektual alam Melayu begitu peka terhadap realiti kehidupan masyarakatnya dengan menyentuh isu hutang dalam

---

<sup>36</sup> Nor Hartini Saari dan Mohamad Azhar Hashim, *Hutang Isi Rumah Malaysia: Cabaran dan Penyelesaian* (Kuala Lumpur: Penerbit Institusi Kefahaman Islam Malaysia, 2016), 1.

<sup>37</sup> Nor Asmat Ismail dan Hainnur Aqma Rahim, "Susur Galur Amalan Berhutang dalam Kalangan Masyarakat Melayu," *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 11, no. 1 (2018), 110.

<sup>38</sup> Norsiah Sulaiman, Ramawan Ab. Rahman, Khairul Faezi Mat Said, Hasan Bahrom & Nafisiah Abdul Rahman, "Hutang dalam Manuskrip Melayu dan Realiti Masa Kini serta Kajian al-Ghārimīn di Malaysia" (kertas kerja, Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, 2013), 176.

mendidik masyarakatnya. Amalan berhutang ini sentiasa menunjukkan peningkatan yang membimbangkan sehingga ke hari ini. Menurut Azlina Zainal Abidin et al.<sup>39</sup>, terdapat tiga kayu ukur yang mempengaruhi peningkatan trend hutang isi rumah kebelakangan ini iaitu ciri-ciri institusi, faktor dari sebelah permintaan seperti jurang pendapatan, serta faktor dari sebelah penawaran seperti struktur pasaran kredit. Kajian Syahnaz Sulaiman pula mendapati kebanyakan masyarakat kini terpaksa berhutang atau membuat pinjaman kewangan untuk menikmati taraf hidup yang lebih selesa dengan tujuan untuk memiliki keperluan asas seperti kenderaan, rumah, perabot dan sebagainya. Terdapat juga mereka yang berhutang bagi tujuan menceburkan diri dalam bidang perniagaan atau meluaskan lagi empayar perniagaan.<sup>40</sup> Dapatan ini dikuatkan lagi oleh kajian yang dilakukan oleh Nor Aini Ali et al., yang mendapati kesan amalan berhutang ini menyebabkan bilangan penghutang yang bankrap meningkat setiap tahun.<sup>41</sup>

Bagi generasi muda, setelah mereka tamat pengajian, mereka tidak dapat lari daripada membayar hutang pengajian Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional (PTPTN). Terdapat di antara mereka yang tamat pengajian dan mendapat pekerjaan menggunakan sebahagian daripada gaji mereka untuk membayar hutang ini.

Walaupun begitu, kajian Muhammad Izzat Bin Mohamed dan Tamat Sarmidi<sup>42</sup> mendapati terdapat keingkaran pembayaran semula yang dilakukan oleh mereka yang bergelar graduan ini. Pengkaji dapati antara faktor keingkaran pembayaran semula ini

---

<sup>39</sup> Azlina Zainal Abidin, Tamat Sarmidi, Abu Hassan Shaari Md Nor, "Jurang Pendapatan dan Hutang Isi Rumah" (makalah, Dasar Awam dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII), Johor Bahru, 7 – 9 Jun 2013), 445-459.

<sup>40</sup> Syahnaz bt. Sulaiman, "Konsep Pinjaman Menurut Perspektif Islam," *Jurnal Penyelidikan Islam* 22 (2009), 168.

<sup>41</sup> Nor Aini Ali, Suhaili Sarif dan Nor 'Azzah Kamri, *Keberhutangan dalam Kalangan Isi Rumah Muslim dan Peranan Institusi Zakat di Malaysia* (Kuala Lumpur: USIM Press, 2017), 18.

<sup>42</sup> Muhammad Izzat bin Mohamed dan Tamat Sarmidi, "Faktor Kemungkiran Membayar Balik Hutang Pengajian: Skop Kajian Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dalam Urus Tadbir Ekonomi yang Adil : Ke Arah Ekonomi Berpendapatan Tinggi" (makalah, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9, Kuala Terengganu, Terengganu, 17 – 19 Oktober 2014), 813-818.

ialah disebabkan faktor pencapaian pengajian, pendapatan, pekerjaan dan purata nilai gred keseluruhan (PNGK) yang rendah iaitu kejayaan sesudah pengajian. Dapatan kajian ini juga mencadangkan supaya pihak PTPTN mengurangkan fenomena pelajar tidak membayar balik hutang PTPTN daripada berterusan dan bertambah serius dengan mewujudkan satu mekanisme khusus bagi membolehkan PTPTN mengenali pemohon pinjaman berdasarkan kriteria-kriteria yang boleh dipercayai.

Kemudian, setelah generasi muda ini mendapat pekerjaan, mereka sekali lagi terhimpit dengan masalah-masalah hutang. Kajian Persatuan Pendidikan dan Penyelidikan untuk Pengguna, Malaysia (ERA Consumer Malaysia) dan Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC) mendapati lebih 47 peratus perkeja muda yang mempunyai tanggungan hutang yang serius iaitu melebihi 30 peratus daripada gaji bulanan yang diperuntukkan untuk membayar hutang mereka. Dapatan daripada kajian ini lagi mendapati pembiayaan tetap bulanan mereka terdiri daripada pinjaman perumahan, pinjaman kereta, pinjaman peribadi, pinjaman pelajaran dan insurans.<sup>43</sup>

Tambahan lagi, kajian daripada Izzuddin Abdul Aziz<sup>44</sup> pula menunjukkan hutang perumahan, pinjaman kereta dan pinjaman peribadi menduduki tangga tiga teratas dalam carta hutang isi rumah. Kajian ini mendapati perkara yang menjadi kebimbangan kepada masyarakat juga apabila hutang perumahan yang dikatakan sebagai “hutang produktif” menduduki tangga teratas dalam prasarana hutang yang bermasalah. Oleh itu, bagi mengatasi situasi ini, kajian ini mencadangkan supaya masyarakat menguruskan kewangan secara bijaksana dan berhemah agar kesejahteraan kewangan dapat disuburkan dalam gaya hidup masyarakat Muslim khususnya daripada terus dibelenggu masalah hutang yang berterusan.

---

<sup>43</sup> Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia dan Bank Negara Malaysia, *Pekerja Muda Hadapi Masalah Hutang Serius* (Selangor: Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd, 2012), 3.

<sup>44</sup> Izzuddin Abdul Aziz dan Ahmad Azrin Adnan, “Pembinaan Domain Falsafah Keberhutangan Islam” (Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization, Universiti Sultan Zainal Abidin, 2017), 449-459.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan berkenaan hutang isi rumah di Malaysia ini, dapat memberi gambaran kepada kita bahawa amalan berhutang ini merupakan suatu budaya yang wujud sejak zaman dahulu lagi. Di samping itu, kita juga dapati bahawa hutang ini terdiri daripada pelbagai bentuk dan kategorinya. Maka, perkara ini perlu diberi perhatian oleh institusi zakat supaya sentiasa mengkaji dari masa ke semasa berkenaan keperluan untuk membantu mereka yang tidak mampu untuk menyelesaikan masalah hutang ini melalui peruntukan asnaf *al-ghārimīn* ini.

Oleh itu, berdasarkan pengamatan penulis, terhadap banyak kajian-kajian lepas yang telah dilakukan berkenaan hutang ini, tetapi mempunyai fokus yang berbeza-beza. Melihat kepada kajian yang penulis jalankan ini, kajian ini berbeza dengan kajian-kajian yang lain kerana penulis mengkaji berkenaan golongan berhutang yang dibantu melalui peruntukan asnaf *al-ghārimīn* di samping memfokuskan kajian ini kepada *prioriti* yang dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam agihan zakat kepada asnaf ini yang mana terdapat isu fiqh yang perlu ditangani sesuai dengan realiti semasa.

## **1.9 METODOLOGI KAJIAN**

Menurut kamus Dewan Bahasa, metode atau dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *method* merujuk kepada cara melakukan sesuatu atau kaedah,<sup>45</sup> manakala perkataan metodologi pula ditakrifkan sebagai sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan.

### **1.9.1 Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian merupakan satu tatacara pengolahan data yang dipungut berdasarkan perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pemboleh-pemboleh ubah yang terlibat dalam sesuatu

---

<sup>45</sup> Kamus Dewan Edisi Ketiga (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2000), 887.

kajian.<sup>46</sup> Dalam menjalankan kajian ini, penulis memilih untuk menggunakan kaedah kajian secara kualitatif untuk mengumpul data kajian. Penyelidikan secara kualitatif ini bertujuan untuk memahami secara mendalam fenomena berkaitan persoalan kajian.<sup>47</sup> Metode penyelidikan ini bertujuan untuk meneroka pengamalan pengurusan zakat di Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan difokuskan pada agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn*. Di samping itu, penulis juga menggunakan pendekatan kajian kes. Kajian kes merupakan salah satu bentuk pendekatan kajian yang digunakan untuk menjalankan kajian yang semula jadi. Ia merangkumi kajian yang melibatkan isu yang diterokai melalui satu atau lebih kes dalam ruang lingkup yang terbatas.<sup>48</sup> Selain itu, menurut Yin, kajian kes bukan semata-mata merujuk kepada kajian berkaitan objek yang hendak dikaji, seperti individu, organisasi, proses, program atau institusi. Perkara utama yang membezakan kajian kes dengan kajian yang lain ialah strategi pelaksanaannya. Tambahan beliau, keperluan menjalankan suatu kajian kes berkait rapat dengan soalan kajian yang lazimnya dikaitkan dengan mengenal pasti “bagaimana atau mengapa” suatu kes berlaku dengan kawalan yang terhad dan fokus kajian adalah berlandaskan fenomena semasa dalam konteks kehidupan sebenar.<sup>49</sup> Justeru, penulis dapati kaedah ini amat sesuai untuk digunakan dalam kajian ini.

Dalam kajian ini, penulis menjalankan kajian kes di sebuah negeri sahaja iaitu Selangor disebabkan kajian ini memfokuskan kajian di Lembaga Zakat Selangor dan difokuskan pada Divisyen Agihan. Kemudian aspek yang dikaji dalam kajian ini ialah dari sudut amalan pengagihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* untuk melihat

---

<sup>46</sup> Fred Nichols and Kerlinger, *Foundations of Behavioral Research* (New York : Holt, Rinehart and Winston, 1986), 45.

<sup>47</sup> Sharan B. Merriam and Associates, *Introduction to Qualitative Research* (San Francisco: Jossey-Bass, 2002), 1-3.

<sup>48</sup> John W. Cresswell, *Qualitative inquiry & research design: Choosing among five approaches* (London: Sage Publication, 2007), 2:71.

<sup>49</sup> Robert K. Yin, *Case Study Research Design and Methods* (London: Sage Publication, 2003), 5:5.

pelaksanaannya menurut perspektif fiqh semasa. Pemilihan kajian ini dilihat sangat penting dalam menjawab soalan-soalan kajian yang telah dibina sebelum ini.

### 1.9.2 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi mewakili seluruh kumpulan yang akan dikaji manakala sampel pula merujuk kepada sebahagian elemen yang berada dalam populasi tersebut. Pemilihan sampel yang betul dan tepat berdasarkan populasi sangat penting. Oleh itu, pemilihan ini perlu dilakukan dengan teliti kerana kualiti hasil kajian terutamanya dalam bab analisis dipengaruhi oleh dapatan maklumat yang diterima melalui informan.<sup>50</sup>

Sampel ialah sebahagian individu daripada populasi yang sama yang terlibat dan terpilih dalam kajian.<sup>51</sup> Bilangan sampel yang digunakan dalam kajian kualitatif ini adalah lebih kecil berbanding kajian kuantitatif. Teknik persempelan yang lebih sesuai dalam kajian ini ialah teknik sampel bertujuan (*purposive sampling*). Teknik sampel ini adalah pemilihan berdasarkan tujuan mendapatkan individu dengan kriteria yang ditetapkan oleh penyelidik.<sup>52</sup> Dalam kajian ini, penulis hanya memilih satu kelompok sahaja untuk menjadi subjek kajian. Kelompok tersebut ialah informan A (Pegawai Syariah bahagian Agihan Zakat Selangor) dan informan B (Ketua Jabatan Pengurusan Sosial dan Kebajikan bahagian Operasi Agihan Asnaf) di Lembaga Zakat Selangor (LZS). Mereka dipilih berdasarkan kriteria-kriteria yang menjadi kayu ukur oleh penulis iaitu individu yang pakar dalam ilmu syariah dalam agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn*, individu yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas berkenaan pengagihan zakat serta terlibat secara langsung dalam agihan zakat kepada asnaf ini. Pemilihan ini juga berdasarkan kepada autoriti mereka sebagai pegawai yang bertugas

---

<sup>50</sup> Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan* (Kuala Lumpur: Mc Graw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd., 2006), 178.

<sup>51</sup> Othman Talib, *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan dan Statistik* (Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2013), 148.

<sup>52</sup> *Ibid.*, 156-157.

di Divisyen Agihan Zakat, Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang mempunyai maklumat terperinci berkenaan agihan ini.

### **1.9.3 Metode Pengumpulan Data**

#### **1.9.3.1 Kajian Perpustakaan**

Kajian ini dikenali sebagai kajian literatur, tinjauan literatur ataupun sorotan literatur.<sup>53</sup>

Kajian Perpustakaan ialah kajian yang membuat rujukan secara kritikal dan sistematik terhadap dokumen-dokumen yang mengandungi maklumat, idea dan data yang berkaitan tajuk yang dikaji.<sup>54</sup> Kajian perpustakaan ini kebiasaannya melibatkan kaedah dokumentasi iaitu kaedah pengumpulan data dengan menggunakan dokumen-dokumen yang berhubung dengan masalah-masalah yang dibahaskan dalam kajian.<sup>55</sup> Kaedah ini merupakan antara kaedah utama yang digunakan oleh penulis dalam kajian ini.

Terdapat dua sumber utama yang menjadi rujukan penulis iaitu sumber primer dan sekunder. Sumber primer ialah kumpulan di mana keadaannya masih asli dan belum lagi ditafsir seperti al-Qur'ān dan ḥadīth. Sumber ini juga terdapat di institusi-institusi tertentu antaranya dokumen, surat rasmi atau tidak rasmi, catatan, laporan buku harian, warkah, watakah, titah perintah dan seumpamanya.<sup>56</sup> Dalam kajian ini, sumber primer yang digunakan oleh penulis ialah al-Qur'ān dan ḥadīth, dokumen daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Jabatan Insovensi Malaysia (JIM), laporan zakat LZS dan sebagainya.

Sumber sekunder pula merupakan tafsiran kesimpulan, andaian serta olahan daripada sumber primer yang digunakan dalam sesuatu kajian. Sumber ini juga boleh

---

<sup>53</sup> Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, (Bangi: Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, Falkuliti Pengajian Isam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006), 35.

<sup>54</sup> Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan*, 35.

<sup>55</sup> John W. Creswell, *Research Design Quantitative, Qualitative and Mixed Methods Approaches* (London: Sage Publication, 2003), 17.

<sup>56</sup> Mohd. Yusof Ibrahim, *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian dan Kaedah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997), 154-155.

dijadikan sebagai rujukan kepada para penyelidik sebagai perbandingan mahupun sebagai ungkapan bagi mengukuhkan pandangan serta tafsirannya terhadap perkara yang dikaji.<sup>57</sup> Sebagai contoh dalam kajian ini, sumber sekunder yang digunakan oleh penulis telah ialah tesis, disertasi, jurnal, artikel, kertas kerja atau prosiding seminar dan buku.<sup>58</sup>

Di samping itu, penulis juga menggunakan kemudahan perpustakaan elektronik yang tersedia secara dalam talian (*online*) dan luar talian (*offline*) yang perlu dimuat turun (*download*). Aplikasi ini mengandungi kitab-kitab turath dan kontemporari hasil penulisan para ulama'. Perpustakaan ini juga mudah dirujuk kerana perisiannya yang telah disusun secara sistematik dan tersusun mengikut kategori ilmu. Hal ini secara tidak langsung memudahkan penulis untuk mencari apa sahaja maklumat termasuk pecahan bab-bab yang tertentu di samping menjimatkan masa penulis. Antara laman yang menjadi rujukan penulis ialah Maktabah Shamela<sup>59</sup> dan Maktabah Waqfeya.<sup>60</sup>

Pemilihan kaedah di atas adalah disebabkan penulis perlu membuat penelitian terhadap pendapat-pendapat yang dinyatakan oleh ulama' klasik dan kontemporari tentang pentafsiran *al-ghārimīn*. Kaedah ini amat penting untuk mengumpul maklumat awal mengenai latar belakang kajian berkaitan dengan agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn*. Selain itu, kajian ini juga memerlukan penulis untuk menilai proses pelaksanaan agihan zakat kepada *al-ghārimīn* yang diaplikasikan oleh pihak LZS sama ada bertepatan dengan syarak dan meraikan *maṣlahah* serta realiti semasa atau tidak.

Kemudian, bahan-bahan tersebut akan dianalisis oleh penulis untuk melihat justifikasi LZS dalam menguruskan zakat serta pentafsiran terhadap asnaf *al-ghārimīn*

---

<sup>57</sup> *Ibid.*, 157-158.

<sup>58</sup> Kamarudin Ngah, *Kaedah Penyelidikan, Panduan Mudah Kerja Luar* (Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1990 ), 16.

<sup>59</sup> Maktabah Shamela, dicapai 26 Disember 2017, shamela.ws

<sup>60</sup> Maktabah Waqfeya, dicapai 26 Disember 2017, <http://waqfeya.com/>.



khususnya yang ditentukan oleh institusi ini. Di samping itu, penulis juga mendapatkan statistik komposisi hutang isi rumah di Malaysia dan di Selangor yang bersumberkan Bank Negara Malaysia (BNM) serta statistik golongan yang bankrap kesan amalan berhutang isi rumah daripada Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) bagi memudahkan proses analisis. Hasil kajian ini akan dibentangkan dalam bab 2 sebagai huraian kepada kerangka asas penyelidikan dan dalam bab-bab lain sebagai asas perbincangan.

### **1.9.3.2 Kajian Lapangan**

#### **a) Temu bual**

Kajian ini menggunakan kajian lapangan secara temu bual yang ditakrifkan sebagai perbualan dua hala yang bertujuan untuk mengumpulkan maklumat kajian.<sup>61</sup> Dalam kajian ini, penulis menggunakan kaedah temu bual separa struktur. Berikut merupakan proses dan prosedur temu bual yang dijalankan dalam kajian ini:

#### **i) Persediaan sebelum sesi temu bual separa struktur**

Kaedah temu bual yang diaplikasikan dalam kajian ini ialah temu bual secara separa struktur (*semi-structured*) yang dilakukan secara bersemuka (*face to face*) untuk membolehkan penulis menyoal soalan formal yang telah dibina, namun masih bebas untuk menyoal dan menjelajah lebih mendalam lagi.<sup>62</sup>

Beberapa langkah telah disusun untuk menjalankan kaedah ini iaitu dengan merangka soalan untuk sesi temu bual serta menyediakan senarai semakan untuk soalan temu bual ini agar menepati objektif kajian yang ingin dijalankan.

Kerangka soalan tersebut dilakukan dengan mengambil kira realiti semasa keberhutangan isi rumah di Selangor khususnya serta pengamalan agihan zakat yang dilaksanakan di LZS. Soalan yang dibina ini juga distruktur dengan merujuk kepada

---

<sup>61</sup> Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan*, 114.

<sup>62</sup> *Ibid.*, 116.

keperluan kajian iaitu melibatkan pandangan ulama' klasik dan kontemporari berkenaan agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* ini. Di samping itu, penulis telah melantik seorang pakar bidang dari Jabatan Fiqh dan Usul untuk mengesahkan soalan yang telah dirangka oleh penulis. Setelah semua soalan telah disahkan oleh beliau, barulah penulis melampirkan soalan tersebut kepada Jabatan Mufti negeri Selangor dan pihak Lembaga Zakat Selangor (LZS) melalui email sebagai persediaan untuk ditemu bual. Berikut merupakan struktur kerangka soalan yang dibina untuk informan tersebut:

Jadual 1.4. Struktur soalan kepada Timbalan Mufti Selangor

Kategori	Definisi dan kriteria asnaf <i>al-ghārimīn</i>	Fatwa berkenaan asnaf <i>al-ghārimīn</i>	Pelaksanaan agihan zakat <i>al-ghārimīn</i> berdasarkan perspektif fiqh
No. Soalan	1-4	5	6-13
Jumlah Soalan (13)	4	1	8

Jadual 1.5. Struktur soalan kepada organisasi pelaksana zakat, Lembaga Zakat Selangor

Kategori	Definisi serta perkara yang berkaitan dengan asnaf <i>al-ghārimīn</i>	Sejarah penubuhan LZS	Unit yang terlibat dalam asnaf <i>al-ghārimīn</i>	Statistik kutipan dan agihan zakat kepada asnaf <i>al-ghārimīn</i>	Halangan dan cabaran
No. Soalan (A dan B)	1-7 (A)	1 & 2 (B)	3 & 4 (B)	5-8 (B)	9 & 10 (B)
Jumlah Soalan (17)	7	2	2	4	2

Di samping itu, penulis juga membuat temu janji terlebih dahulu melalui surat permohonan kebenaran untuk menjalankan kajian dan turut dilampirkan bersama surat akuan daripada Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Individu yang akan ditemu bual oleh penulis ialah:

- 1) Informan A (Pegawai bahagian Syariah Agihan Zakat Selangor).
- 2) Informan B (Ketua Jabatan Pengurusan Sosial dan Kebajikan bahagian Operasi Agihan Asnaf).
- 3) Informan C (Timbalan Mufti Selangor).

Pada sesi pertama, temu bual telah dijalankan bersama dua orang informan, A dan B daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS) secara serentak dalam bilik yang telah disediakan. Tujuan penulis menemu bual informan A ialah untuk mendapatkan data yang berkaitan dengan pendefinisian, penetapan kriteria-kriteria terhadap asnaf *al-ghārimīn* serta teori amalan agihan zakat kepada asnaf ini oleh LZS. Manakala tujuan temu bual bersama informan B pula ialah untuk mendapatkan data berkenaan sejarah penubuhan LZS, unit-unit yang terlibat dalam agihan zakat ini serta gambaran sebenar secara praktikalnya berkenaan amalan agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* yang dilaksanakan oleh LZS.

Seterusnya pada sesi kedua, temu bual bersama informan C iaitu Timbalan Mufti Selangor telah dilakukan di bilik beliau sendiri. Tujuan temu bual bersama informan C ini ialah untuk mendapatkan data berkenaan definisi, kriteria serta hukum-hakam fiqh berkenaan pelaksanaan agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn*.

## ii) **Persediaan semasa sesi temu bual separa struktur**

Pihak Timbalan Mufti Selangor dan pihak Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah menyatakan kebenaran untuk ditemu bual serta telah menetapkan tarikh, masa dan tempat kepada penulis untuk sesi ini diadakan. Sebenarnya, sesi temu bual yang pertama dilaksanakan ialah bersama pihak LZS dahulu, kemudian barulah dilaksanakan sesi temu bual yang kedua iaitu bersama Timbalan Mufti Selangor iaitu pada tarikh yang berbeza. Pada temu bual yang pertama, dinyatakan di sini butiran yang telah ditetapkan oleh pihak LZS kepada penulis iaitu pada hari Isnin bersamaan 18 September 2017,

pukul 10.00 pagi di ibu pejabat Lembaga Zakat Selangor yang terletak di Shah Alam. Sesi temu bual ini berlangsung selama dua jam sebelas minit empat puluh sembilan saat iaitu berakhir sekitar pukul 12.12 tengah hari.

Seterusnya, dinyatakan pula butiran temu bual yang kedua yang telah dipersetujui bersama Timbalan Mufti Selangor iaitu diadakan pada hari Rabu bersamaan 30 Januari 2019, pukul 8.30 pagi di bilik Timbalan Mufti Selangor. Sesi temu bual ini berlangsung selama 30 minit iaitu berakhir pada pukul 9.00 pagi.

Sesi temu bual bermula dengan penulis menjelaskan terlebih dahulu tujuan temu bual dijalankan serta meminta izin untuk merekodkan data melalui catatan bertulis serta rakaman suara MP3 untuk tujuan penyelidikan. Dalam sesi temu bual tersebut, terdapat tiga perkara asas sebagai persediaan kepada penulis iaitu pertama, mendapatkan maklumat dengan mengemukakan soalan. Kedua, meminta informan menghuraikan sesuatu perkara dengan lebih lanjut jika huraianya kurang jelas dan ketiga, memberikan contoh dan bukti untuk tujuan kepastian bagi persoalan yang diajukan.

Hasil data temu bual ini sangat penting bagi menganalisis pelaksanaan agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* di Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan menilai agihan zakat kepada asnaf ini oleh LZS dari perspektif fiqh semasa.

#### **iv) Tindakan selepas sesi temu bual separa struktur**

Dalam beberapa hari selepas sesi temu bual dijalankan, penulis telah melakukan tugas-tugas transkripsi yang mengambil masa selama hampir tiga bulan untuk diselesaikan. Antara tugas yang dilakukan oleh penulis ialah mendengar semula rakaman temu bual yang telah direkodkan serta mentranskripsikan semua suara yang direkodkan tersebut dalam bentuk teks sebagai dapatan kajian.

### 1.9.3.3 Metode Analisis Data

#### a) Analisis Data Primer

Data primer yang merupakan dapatan daripada temu bual separa struktur dengan menggunakan kaedah analisis tematik. Analisis tematik adalah kaedah untuk mengenal pasti, menganalisis dan membuat laporan yang dibentuk mengikut tema-tema yang terdapat dalam suatu fenomena atau isu.<sup>63</sup> Setelah selesai proses temu bual, data-data yang diterima akan dikumpul bagi tujuan transkripsi seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Maklumat yang diterima akan disalin semula tanpa mengubah atau meninggalkan walau satu perkataan. Perkara ini penting kerana setiap data yang diterjemah dalam bentuk tulisan akan menjadi bahan penting dalam kajian.

Selepas itu, data yang telah siap disalin akan diringkaskan dengan membuang bahagian-bahagian yang tidak penting atau tidak berkaitan. Data yang penting tersebut akan dikod mengikut beberapa tema tertentu iaitu konsep *al-ghārimīn*, skim-skim agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn*, kaedah agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* serta pandangan daripada temu bual bersama Timbalan Mufti Selangor. Tema-tema ini dibina untuk mengenal pasti maklumat secara sistematik. Kemudian, data tersebut akan dianalisis bagi menjawab soalan-soalan kajian. Hasil pemerhatian juga boleh digunakan bagi tujuan menyokong data temu bual dalam analisis ini.

#### b) Analisis Data Sekunder

Data sekunder yang terdiri daripada tesis atau disertasi, jurnal, buku dan data-data yang telah diolah dari sumber asal akan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Kajian ini mengenal pasti konsep pengagihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* menurut

---

<sup>63</sup> John W. Creswell, *Research Design Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*, 20.

perspektif fiqh serta keutamaan dalam agihan dalam kalangan asnaf ini khususnya di Selangor.

#### **1.10 KESIMPULAN**

Susunan sub topik dalam bab ini saling melengkapi antara satu sama lain. Sebagai kesimpulan bagi bab pengenalan ini, kajian ini dijalankan bagi melihat pelaksanaan agihan zakat oleh Lembaga Zakat Selangor kepada asnaf *al-ghārimīn* adakah menepati pandangan yang dinyatakan oleh ulama' klasik dan kontemporari. Kajian ini perlu dijalankan berikutan terdapat isu dalam pelaksanaan agihan zakat oleh Lembaga Zakat Selangor iaitu berkaitan keutamaan agihan dalam kalangan asnaf *al-ghārimīn*. Kajian ini menjadikan realiti hutang isi rumah masa kini dan fiqh *awlawiyyāt* sebagai kayu pengukur dalam agihan zakat ini. Dalam proses mengumpul data kajian ini, penulis menggunakan kaedah kualitatif dengan kaedah dokumentasi dan temu bual.

## BAB 2: KONSEP AL-GHĀRIMĪN

### 2.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan membincangkan secara terperinci tentang definisi berkenaan *al-ghārimīn*, konsep serta pandangan para ulama' klasik dan kontemporari berkaitan tafsiran mereka terhadap perkataan *al-ghārimīn* yang terdapat dalam al-Qur'ān dan ḥadīth. Kemudian, turut dimuatkan juga pentafsiran *al-ghārimīn* di Selangor khususnya, dan di Malaysia amnya, manakala *maqāṣid al-sharī'ah* dalam agihan zakat kepada *al-ghārimīn* pula dibincangkan pada pecahan bab yang terakhir.

### 2.2 DEFINISI AL-GHĀRIMĪN

Islam mengharuskan pinjaman dan berhutang bagi mereka yang memerlukannya. Walaupun begitu, Islam juga menganjurkan umatnya supaya mengelakkan diri sebaik mungkin daripada gejala berhutang kerana boleh membawa kepada kerosakan dan kepincangan hidup.

Dalam bahasa Arab, orang yang berhutang ialah *al-ghārim*. Manakala perkataan *al-ghārimīn* pula merupakan lafaz *jama'* daripada *al-ghārim*.<sup>1</sup> Namun, asnaf *al-ghārimīn* ini telah didefinisikan dengan pelbagai bentuk oleh para ulama' klasik dan kontemporari. Kesan daripada perbezaan definisi ini menyebabkan pengagihan zakat melalui asnaf ini dilaksanakan secara meluas. Di samping itu, perubahan zaman dan suasana masa kini menuntut satu transformasi dalam perkembangan asnaf ini bagi menyahut keperluan sosio-ekonomi masyarakat Islam hari ini.

---

<sup>1</sup> Mu'jam al-Ma'āni al-Jāmi', "Ta'rif wa Ma'nā *al-Ghārimīn*", laman sesawang *al-Ma'āni li Kulli Rasmī Ma'āni*, dicapai 30 Disember 2017, [www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/الغريمين](http://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/الغريمين)

Pada sudut bahasa, dalam kamus al-Marbawī, *al-ghārimīn* berasal dari perkataan *gharima*, *yaghramu*, *gharman*. Perkataan *maghramun* pula bermaksud hutang, manakala perkataan *gharīmun* bermaksud yang berhutang.<sup>2</sup>

Seterusnya, dalam *mu'jam al-wasīf*<sup>3</sup>, *al-ghārimīn* berasal dari perkataan *gharima*, *gharman* wa *gharmatan* iaitu bermaksud sesuatu yang ditanggung oleh seseorang. Manakala perkataan *al-gharīm* bermaksud orang yang berhutang. Dalam kamus *Lisān al-'Arab*<sup>4</sup> pula, perkataan *al-gharmu* membawa maksud hutang. Kemudian, didatangkan contoh ayat, “*rajulun ghārimun*” yang bermaksud seseorang yang berhutang.

Pada sudut istilah, *al-ghārimīn* tidak mempunyai banyak perbezaan dengan makna asal perkataan tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat perincian huraian daripada para ulama' terhadap perkataan tersebut dengan menyatakan ciri-ciri *al-ghārimīn* yang layak untuk menerima bantuan zakat di bawah asnaf tersebut.

### **2.3 PANDANGAN ULAMA' KLASIK DAN KONTEMPORARI TERHADAP AL-GHĀRIMĪN**

Berikut merupakan pandangan ulama' klasik dan kontemporari mengenai asnaf *al-ghārimīn* melalui karangan dan penulisan mereka:

#### **2.3.1 Al-Ghārimīn Menurut Pandangan Ulama' Klasik**

Dalam kitab fiqh, ulama' klasik yang terdiri daripada ulama' empat mazhab telah membahaskan tentang golongan ini secara terperinci. Berikut merupakan kupasan-kupasan daripada pandangan mereka:

<sup>2</sup> Al-Marbawī Muḥammad Idrīs 'Abd. Al-Ra'ūf, *Qāmūs Idrīs al-Marbawī 'Arabī-Malayuwī*, (Mesir: Muṣṭafā al-Bāb al-Ḥalabī wa Awlādūhu, 1932), 1:60.

<sup>3</sup> Muḥamma' al-Lughāt al-'Arabīyyah, *al-Mu'jam al-Wasīf*, (Mesir: Maktabah Al-Shurūq al-Dawliyyah, 2004), 4:651.

<sup>4</sup> Abī al-Faḍl Jamāluddīn Muḥammad bin Mukram Ibn Manzūr al-Afrīqī al-Maṣrī, *Lisān al-'Arab*, (Beirūt: Dār al-Ṣādir, 2010), 12:436.



Menurut mazhab Ḥanafī, *al-ghārim* bermaksud orang yang mempunyai hutang dan tidak mempunyai harta yang melebihi dari hutangnya. Dalam mazhab ini, memberi peruntukan zakat untuk melangsaikan hutang *al-ghārimīn* lebih afdal daripada memberikan peruntukan itu kepada asnaf fakir.<sup>5</sup> Istilah lain bagi orang yang berhutang juga ialah *al-madīnūn*. Menurut mazhab ini lagi, berkenaan dengan penyerahan peruntukan zakat, tidak harus bagi pemerintah untuk menyerahkannya kepada waris terdekatnya sama ada ayah atau datuknya sehingga jalur keturunan ke atas, serta anak atau cucunya sehingga jalur keturunan ke bawah. Walau bagaimanapun, pemberian zakat kepada kaum kerabatnya yang lain seperti saudara lelaki, saudara perempuan dan seumpama dengannya adalah lebih afdal. Selain itu, mazhab ini tidak mengharuskan penyerahan peruntukan zakat kepada isteri asnaf ini sekiranya asnaf tersebut adalah suami, begitu juga hukum sebaliknya. Seterusnya, mazhab ini berpendapat, tidak harus menggunakan peruntukan zakat bagi asnaf *al-ghārimīn* untuk membina masjid, sekolah, mengerjakan haji, berjihad di jalan Allah SWT, membetulkan jalan yang rosak dan seumpama dengannya kerana menurut mereka, pemilikan harta zakat oleh asnaf itu merupakan rukun dalam agihan zakat.

Menurut mazhab Mālikī, *al-ghārim* ialah orang yang mempunyai hutang sedangkan dia tidak mempunyai harta yang cukup untuk melunaskannya. Peruntukan zakat diberikan untuk melunaskan hutangnya dengan syarat, dia seorang yang merdeka, muslim, bukan keturunan Banī Hāshim dan bukan berhutang untuk perkara yang fasad seperti untuk minum arak dan sebagainya.<sup>6</sup> Menurut mazhab ini lagi, dalam permasalahan si mati yang meninggalkan hutang, hutang tersebut perlu diselesaikan oleh pihak Baitulmal dengan menggunakan peruntukan zakat.<sup>7</sup> Malah, melangsaikan

---

<sup>5</sup> ‘Abd. Raḥman al-Jazayrī, *Kitāb al-Fiqh ‘alā al-Mazāhib al-Arba’ah* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), 1:563.

<sup>6</sup> Shamsuddīn Muḥammad al-Dusūqī, *Ḥāshiah al-Dusūqī ‘alā al-Sharḥ al-Kabīr* (Dār al-Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabīyyah, 1815), 1:496.

<sup>7</sup> ‘Abd. Raḥman al-Jazayrī, *Kitāb al-Fiqh ‘alā al-Mazāhib al-Arba’ah*, 564.

hutang orang yang telah meninggal dunia lebih utama berbanding hutang yang masih hidup kerana orang yang hidup masih boleh diharapkan usahanya untuk melunaskan hutang berbanding orang yang telah mati.<sup>8</sup> Kesimpulannya, mazhab ini juga membahagikan asnaf ini kepada dua kelompok iaitu berhutang untuk *maṣlahah* diri sendiri dan berhutang untuk *maṣlahah* orang lain.

Menurut mazhab Shāfi'e, *al-ghārim* bermaksud orang yang berhutang. Mazhab ini membahagikan golongan ini kepada tiga kumpulan:<sup>9</sup>

- i) Orang yang berhutang untuk mendamaikan antara dua kumpulan yang bersengketa, maka boleh diberikan peruntukan zakat kepadanya walaupun dia dari kalangan orang yang kaya.
- ii) Orang yang berhutang untuk memperbaiki kehidupannya (orang susah) iaitu membelanjakan pada perkara *mubāḥ* (harus), tetapi sekiranya dia berbelanja pada perkara haram, maka dia disyaratkan untuk kembali bertaubat.
- iii) Orang yang berhutang disebabkan menjadi penjamin kepada orang lain, iaitu orang yang dijamin tersebut merupakan orang yang susah dan dia memberi izin kepada penjamin untuk menjamin dirinya. Penjamin ini akan diberi bantuan zakat sekiranya dia ditimpa kesusahan dan tidak mampu untuk melunaskan hutang tersebut.<sup>10</sup>

Hujah yang digunakan oleh Imām Shāfi'e untuk menguatkan pandangannya ialah berdasarkan ḥadīth yang diriwayatkan oleh Qabīṣah bin Mukhāriq al-Hilālī, katanya:

---

<sup>8</sup> Shamsuddīn Muḥammad al-Dusūqī, *Hāshiah al-Dusūqī 'alā al-Sharḥ al-Kabīr*, 496.

<sup>9</sup> 'Abd. Raḥman al-Jazayrī, *Kitāb al-Fiqh 'alā al-Mazāhib al-'Arba'ah*, 566.

<sup>10</sup> *Ibid.*

تحملت حمالة، فأتيت رسول الله ﷺ فسألته، فقال: "نؤديها أو نخرجها عنك غدا إذا قدم نعم الصدقة، يا قبيصة المسألة حُرمت إلا في ثلاث: رجل تحمل حمالة، فحلت له المسألة حتى يؤديها، ثم يمسك، و رجل أصابته فاقة أو حاجة حتى شهد له أو تكلم ثلاثة من ذوى الحجا من قومه أن به حاجة (أو فاقة) فحلت له المسألة حتى يصيب سدادا من عيش أو قواما من عيش، ثم يمسك، و رجل أصابته جائحة فاجتاحت ماله حتى يصيب سدادا من عيش أو قواما من عيش، ثم يمسك، وما سوى ذلك من المسألة فهو سحت".

Maksudnya: Aku menanggung tanggungan hutang perdamaian, lalu aku menemui Rasūlullah SAW untuk meminta sedekah.<sup>11</sup> Maka, baginda berkata: Kami akan memberikannya atau mengeluarkannya untuk kamu pada esok hari jika ia datang. Betapalah sedekah itu nikmat. Wahai Qabīṣah, meminta-minta sedekah diharamkan kecuali pada tiga perkara: lelaki yang menanggung hutang perdamaian, maka dia harus meminta-minta sehingga permintaannya ditunaikan, kemudian dia menahan dirinya (daripada meminta-minta lagi), dan lelaki yang ditimpa kepapaan atau amat memerlukan bantuan sehingga datang tiga lelaki yang menjadi saksi baginya atau tiga orang yang berakal dalam kalangan kaumnya bercakap-cakap tentang keadaannya yang memerlukan (atau berada dalam keadaan kepapaan), maka diharuskan baginya untuk meminta sedekah sehingga ia memenuhi tuntutan keperluan hidupnya, kemudian dia menahan dirinya (daripada meminta-minta lagi), dan lelaki yang ditimpa bencana kemudian dia menahan dirinya (daripada meminta-minta lagi). Oleh itu, meminta-minta dengan alasan yang selain daripada itu adalah satu usaha yang haram.

(Riwayat Muslim)<sup>12</sup>

Dalam kitab al-Um<sup>13</sup> dihuraikan secara terperinci berkenaan ḥadīth ini. Perkataan لاحتاجة membawa maksud harta yang ditanggung oleh manusia iaitu berhutang untuk memperbaiki hubungan orang lain seperti mendamaikan dua puak yang bersengketa. Kemudian, perkataan فاقه bermaksud ditimpa kemiskinan atau kepapaan setelah kaya. Seterusnya, perkataan ذوى الحجا bermaksud orang yang berakal, manakala

<sup>11</sup> Perkataan sedekah dalam ḥadīth ini menurut Imām Nawawī dalam *Ṣaḥīḥ al-Muslim bi Sharḥ al-Nawawī* ialah sedekah yang wajib iaitu zakat.

<sup>12</sup> Ḥadīth riwayat Muslim, Kitāb al-Zakāh, Bāb Man Taḥillu lahu al-Masālah, no. ḥadīth 1044. Lihat Muslim bin al-Hajjāj al-Qushayrī al-Nīsābūrī, "Ṣaḥīḥ Muslim," dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Ṣarīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Sāliḥ bin 'Abd al-'Azīz 'Al al-Syakh (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 1:842.

<sup>13</sup> Muhammad bin Idrīs al-Shāfi'e, ed. Rifā'at Fawzī Abd. Muṭṭalib, *al-Um* (Manṣūrah: Dār al-Wafā' li al-Ṭaba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', 2001), 4:184.

perkataan من قومه bermaksud daripada kaum orang yang meminta zakat tersebut kerana mereka lebih mengenali hal keadaan peminta zakat tersebut. Kemudian, perkataan قوام سدادا من عيش bermaksud memerlukan bantuan untuk keperluan hidup. Perkataan من عيش pula bermaksud memenuhi keperluannya atau hajatnya. Seterusnya perkataan جحاحه bermaksud bencana yang merosakkan tumbuhan serta harta benda, serta disandarkan pada setiap musibah yang besar. Akhir sekali, perkataan سحت yang bermaksud sesuatu yang haram.

Imam Shāfi'e menghuraikan lagi berkenaan masalah الحاجة والفاقة iaitu peruntukannya adalah daripada bahagian fakir dan miskin, bukan daripada peruntukan *al-ghārimīn*.<sup>14</sup> Maka, kesimpulan dari ḥadīth ini, Rasūlullah SAW menegah seseorang untuk meminta-minta peruntukan zakat melainkan dalam tiga keadaan sahaja, iaitu untuk tujuan mendamaikan dua puak yang bersengketa, orang yang ditimpa kemiskinan atau kepapaan selepas daripada kaya dengan didatangkan saksi serta orang yang ditimpa bencana. Oleh itu, melalui hujah inilah yang menguatkan pandangan Imam Shāfi'e dalam perinciannya tentang asnaf *al-ghārimīn*.

Menurut mazhab Ḥanbalī pula, *al-ghārim* terbahagi kepada dua bahagian iaitu seperti berikut:<sup>15</sup>

- i) Orang yang berhutang dengan tujuan mendamaikan sesama manusia.
- ii) Orang yang berhutang dengan tujuan untuk memperbaiki kehidupan dan dirinya yang berkaitan dengan perkara *mubāḥ* (harus) ataupun perkara haram, tetapi dia perlu kembali bertaubat. Maka diberikan peruntukan zakat sekadar jumlah untuk melunaskan hutangnya sahaja.

---

<sup>14</sup> *Ibid.*, 185.

<sup>15</sup> 'Abd. Raḥman al-Jazayrī, *Kitāb al-Fiqh 'alā al-Mazāhib al-'Arba'ah*, 565.

Berdasarkan pendefinisian yang dinyatakan oleh para ulama', dapat disimpulkan bahawa secara umumnya, para ulama' yang terdiri daripada ulama' empat mazhab sebulat suara mentafsirkan *al-ghārimīn* sebagai orang yang menanggung hutang dan tidak mampu melunaskan hutang mereka. Mereka juga bersetuju untuk menyatakan bahawa *al-ghārimīn* terbahagi kepada dua kumpulan yang utama iaitu berhutang untuk *maṣlahah* diri sendiri dan berhutang untuk *maṣlahah* orang lain kecuali mazhab Ḥanafī sahaja yang mentafsirkan asnaf ini secara umum dan tidak mengharuskan kegunaan peruntukan zakat ini pada perkara yang melibatkan *maṣlahah* umum.

Seterusnya, mazhab Ḥanafī merupakan satu-satunya mazhab yang menghadkan penggunaan harta zakat ini pada perkara tertentu yang berkaitan dengan diri penghutang sahaja. Mazhab Shāfi'e pula menambah satu lagi kumpulan *al-ghārimīn* menjadi tiga kumpulan iaitu berhutang disebabkan menjadi penjamin kepada orang lain. Selain itu, mazhab Mālikī pula antara mazhab yang meletakkan syarat-syarat pemberian zakat kepada asnaf ini. Perkara ini diringkaskan melalui tiga aspek dalam jadual berikut:

Jadual 2.1. Aspek penghutang dalam *al-ghārimīn* menurut ulama' klasik

Aspek penghutang	Ḥanafī	Mālikī	Shāfi'e	Ḥanbalī
Meletakkan syarat-syarat kepada penghutang iaitu: merdeka, muslim dan bukan dari keturunan Bani Hashim untuk layak menerima zakat.	-	√	-	-
Orang yang berhutang tersebut tidak memiliki harta yang melebihi hutangnya.	√	√	-	-
Orang yang berhutang disebabkan menjadi penjamin kepada orang lain.	-	-	√	-

Sumber: Kitab Fiqh Klasik<sup>16</sup>

<sup>16</sup> Pendapat ulama'-ulama' yang dinyatakan di sini bukanlah pendapat muktamad bagi setiap mazhab. Lihat Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi'e, ed. Rifa'at Fawzī Abd. Muṭṭalib, *al-Um* (Manṣūrah: Dār al-Wafā' li al-Ṭaba'ah wa al-Nashr wa al-Tauzī', 2001), 4:184, Shamsuddīn Muḥammad al-Dusūqī, *Hāshiah al-Dusūqī'alā al-Sharḥ al-Kabīr* (Dār al-Iḥya'al-Kutub al-'Arabīyyah, 1815), 1:496 dan 'Abd. Raḥman al-Jazayrī, *Kitāb al-Fiqh 'alā al-Mazāhib al-'Arba'ah* (Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003), 563-566.

Jadual 2.2. Aspek tujuan hutang dalam *al-ghārimīn* menurut ulama' klasik

Aspek tujuan hutang	Hanafi	Mālikī	Shāfi'e	Hanbalī
Hutang tersebut bukan pada perkara fasad dan maksiat.	√	√	√	√
Orang yang berhutang untuk <i>maṣlahah</i> yang melibatkan diri sendiri.	√	√	√	√
Berhutang untuk <i>maṣlahah</i> umum seperti mendamaikan antara dua puak yang bersengketa dan sebagainya.	-	√	√	√
Tidak diharuskan untuk kegunaan <i>maṣlahah</i> umum seperti membina masjid, sekolah, mengerjakan haji, berjihad di jalan Allah, membetulkan jalan yang rosak dan seumpamanya.	√	-	-	-

Sumber: Kitab Fiqh Klasik<sup>17</sup>

Jadual 2.3. Aspek peruntukan zakat dalam *al-ghārimīn* menurut ulama' klasik

Aspek peruntukan zakat	Hanafi	Mālikī	Shāfi'e	Hanbalī
Mengutamakan peruntukan zakat untuk membayar hutang si mati berbanding yang masih hidup.	-	√	-	-
Pelaksanaan hutang melalui peruntukan zakat setelah hutang tersebut tidak mampu dibayar.	√	√	√	√
Dihadkan penggunaan zakat pada perkara tertentu sahaja yang berkaitan dengan diri penghutang.	√	-	-	-

Sumber: Kitab Fiqh Klasik<sup>18</sup>

Setelah meneliti huraian ulama'-ulama' klasik, penulis dapati huraian tersebut masih lagi berbentuk umum disebabkan permasalahan yang ada pada masa kini lebih sulit dan rumit untuk menentukan dan menyelesaikannya.

<sup>17</sup> *Ibid.*

<sup>18</sup> *Ibid.*

### 2.3.2 *Al-Ghārimīn* Menurut Pandangan Ulama' Kontemporari

Perbincangan mengenai asnaf-asnaf zakat termasuklah asnaf *al-ghārimīn* tidak terhenti pada ulasan dan pendapat ulama' klasik sahaja, malah perbincangan ini berlanjutan sehingga ke zaman ulama' kontemporari. Hal ini kerana berlakunya peredaran zaman yang memerlukan kepada kajian yang terperinci bagi menyelesaikan isu-isu fiqh semasa di samping tidak membelakangi nas-nas syarak. Antara ulama' kontemporari yang memperincikan tentang zakat dan permasalahannya ialah seperti Yūsuf al-Qaraḍāwī, Wahbah al-Zuhaylī, 'Abdullah Nāṣih 'Ulwān dan Sa'īd bin 'Alī al-Qaḥṭoni.<sup>19</sup> Perbincangan ini akan di pecahkan kepada tiga tema iaitu definisi *al-ghārimīn* (penghutang), tujuan hutang dan peruntukan zakat untuk asnaf ini.

#### a) Definisi *al-ghārimīn* (penghutang)

Menurut pandangan Yūsuf al-Qaraḍāwī dalam kitab *Fiqh al-Zakāh*,<sup>20</sup> beliau mendefinisikan *al-ghārimūn* sebagai lafaz *jama'* daripada perkataan *ghārim* iaitu bermaksud seseorang yang dibelenggu dengan hutang, manakala bagi perkataan *gharīm*, beliau mendefinisikan sebagai pemiutang atau orang yang memberi hutang. Menurut beliau lagi, asal bagi perkataan *ghārim* ini ialah daripada perkataan *al-gharmu* iaitu dari sudut bahasanya bermaksud kelaziman. Dalam konteks berhutang ini, penghutang akan sentiasa dilazimi (didampingi) oleh pemiutang selagi mana hutangnya belum dilunaskan.

---

<sup>19</sup> Pemilihan pendapat ulama'-ulama' kontemporari ini adalah berdasarkan kepada kepakaran mereka dalam ilmu fiqh di samping menjadi pakar rujuk bagi permasalahan fiqh terkini. Sebagai contoh, Yūsuf al-Qaraḍāwī dikenali sebagai Ulama' *Maqāṣidī* dan pakar rujuk dalam permasalahan *fiqh mu'āṣirah*.

<sup>20</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Ahkāmihā wa Filsafatihā fī Ḍau' al-Qur'ān wa al-Sunnah*, (Beirūt: Muassasah al-Risālah, 1973), 1:622.

Seterusnya, Wahbah al-Zuhaylī<sup>21</sup> mendefinisikan *al-ghārimīn*, iaitu mereka yang menanggung hutang dan tidak mampu untuk membayarnya, sama ada mereka berhutang untuk diri sendiri atau orang lain, dan sama ada mereka berhutang pada jalan taat ataupun maksiat.

Kemudian, ‘Abdullah Nāṣih ‘Ulwān<sup>22</sup> memberikan pendefinisian yang hampir sama dengan Yūsuf al-Qaraḍāwī iaitu *al-ghārimīn* merupakan kata majmuk bagi perkataan *ghārim* yang membawa maksud orang yang berhutang. Perkataan *ghārim* pula berasal daripada perkataan *al-gharmu* yang mana dari sudut bahasanya adalah *al-luzūm*, iaitu sesuatu yang melazimkannya. Dinamakan dengan *al-ghārim* bagi mereka yang berhutang kerana hutang itu menjadi kelaziman ke atasnya.

Sa’īd bin ‘Alī al-Qaḥṭonī<sup>23</sup> pula menyatakan bahawa *al-ghārimīn* ialah golongan yang berhutang, tetapi mereka tidak mampu untuk melunaskan hutang-piutang mereka. Berdasarkan pendefinisian yang diberikan oleh ulama’-ulama’ kontemporari ini, dapat dirumuskan bahawa keempat-empat ulama’ ini bersetuju bahawa *al-ghārimīn* ialah orang yang berhutang dan sebahagian daripada mereka seperti Wahbah al-Zuhaylī dan Sa’īd bin ‘Alī al-Qaḥṭonī memperincikan lagi dengan menyatakan ketidakmampuan penghutang tersebut untuk melunaskan hutangnya.

## **b) Tujuan hutang**

Berkenaan dengan tujuan hutang dalam asnaf *al-ghārimīn*, Yūsuf al-Qaraḍāwī telah membahagikannya kepada dua pecahan iaitu golongan yang berhutang untuk tujuan kemaslahatan diri sendiri dan golongan yang berhutang untuk tujuan kemaslahatan masyarakat. Menurut beliau, bagi mereka yang berhutang untuk maslahat orang lain,

<sup>21</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqīdah wa al-Sharī‘ah wa al-Manhāj* (Damshik: Dār al-Fikr, 2011), 5:626 dan *al-Fiqh al-Islāmiyy wa Adillatuhu* (Damshik: Dār al-Fikr, 2009), 2:782.

<sup>22</sup> ‘Abdullah Nāṣih ‘Ulwān, *Aḥkām al-Zakāt ‘alā Ḍaw’ al-Mazāhib al-Arba‘ah* (Kāherah: Dār al-Salām, 2012), 31-33.

<sup>23</sup> Sa’īd bin ‘Alī al-Qaḥṭonī, *al-Zakāh fī al-Islām fī Ḍaw’ al-Kitāb wa al-Sunnah* (Saudi: Maktabah al-Mālik Fahd al-Waṭāniyah Asnā’ al-Nashr, 2010), 3:269-272.



seperti mendamaikan dua golongan yang bersengketa, layak untuk menerima zakat mengikut kadar jumlah hutang yang ditanggungnya dan tidak perlu mengeluarkan hartanya sendiri untuk melangsaikan hutang tersebut. Dalam hal ini, walaupun dia tergolong dalam golongan orang kaya, dia tetap berhak untuk menerima peruntukan zakat itu bagi melangsaikan hutangnya.<sup>24</sup> Tambahnya lagi, mereka yang terpaksa berhutang disebabkan ditimpa bencana seperti mangsa banjir dan mangsa kebakaran yang memusnahkan harta benda, mereka juga boleh dikategorikan sebagai asnaf ini. Beliau berpegang kepada dalil ḥadīth daripada kisah Qabīṣah yang menunjukkan Rasūlullah SAW mengharuskan golongan ini meminta bantuan zakat daripada pemerintah sehingga tertunai keperluan hidupnya. Hal ini kerana zakat itu sendiri terbina atas dasar jaminan sosial masyarakat yang menangani isu kesusahan serta kesempitan hidup umat Islam.<sup>25</sup> Ulasan ini juga turut disokong oleh ‘Abdullah Nāṣih ‘Ulwān.

Wahbah al-Zuḥaylī mengulas dalam kitabnya berkenaan tujuan hutang ini, iaitu sekiranya berhutang untuk tujuan diri sendiri, tiada zakat untuknya melainkan dia seorang fakir<sup>26</sup> dan sekiranya berhutang dengan tujuan mendamaikan dua puak yang bersengketa, dibenarkan baginya untuk menerima zakat walaupun dia dari kalangan orang kaya. Pendapat beliau ini bersandarkan kepada dalil ḥadīth berikut:

عن عطاء بن يسار قال: أن رسول الله ﷺ قال: "لا تحل الصدقة لغني إلا لخمسة: لغاز في سبيل الله لعامل عليها أو لغارم أو لرجل اشتراها بماله أو لرجل كان له جار مسكين فتصدق على المسكين فأهداها المسكين للغني".

Maksudnya: Daripada ‘Aṭo’ bin Yasār katanya: Rasūlullah SAW telah bersabda: Tidak dihalalkan sedekah (zakat) kepada orang yang kaya

<sup>24</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *al-Zakāh Dauruhā fī ‘Ilāj al-Mushhkilāt al-Iqtiṣādiyyah wa Shurūṭ Najāhihā* (Kāherah: Dār al-Shurūq, 2001), 44.

<sup>25</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Ahkāmihā wa Filsafatihā fī Ḍau’ al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 1:623.

<sup>26</sup> Wahbah al-Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islāmiyy wa Adillatuhu*, 2:782.

melainkan kepada lima golongan: orang berjuang dijalan Allah, atau orang yang menjadi ‘amil (pemungut) zakat, atau orang yang berhutang, atau orang yang membeli harta zakat itu,<sup>27</sup> atau orang yang mempunyai jiran yang miskin, lalu dia sedekahkan hartanya kepada si miskin itu, kemudian si miskin itu memberi harta yang disedekahkan itu sebagai hadiah kepada jirannya yang kaya.<sup>28</sup>

(Riwayat Sunan Abī Dāwud)<sup>29</sup>

Jika diteliti, antara alasan Wahbah al-Zuhaylī mensyaratkan orang yang berhutang untuk diri sendiri mestilah diisythar sebagai fakir ialah kerana situasi ini menunjukkan seseorang itu secara realitinya dalam keadaan darurat yang tidak mampu untuk menampung keperluan kehidupannya, apatah lagi untuk melunaskan hutangnya. Tetapi, menjadi persoalan di sini, adakah si fakir ini digolongkan dalam dua asnaf iaitu asnaf fakir dan *al-ghārimīn*? Menjawab kepada persoalan ini, si fakir yang berhutang digolongkan dalam dua asnaf ini dan mendapatkan peruntukan zakat daripada keduanya. Hal ini kerana, mereka yang diisythar sebagai fakir akan dibantu untuk memenuhi keperluan hidupnya melalui peruntukan asnaf fakir manakala hutang yang ditanggung oleh si fakir ini akan dilunaskan melalui peruntukan asnaf *al-ghārimīn* berdasarkan kadar hutangnya sahaja.

Berkenaan dengan masalah hutang si mati, beliau berpegang dengan pandangan majoriti ulama’ yang mengatakan dibolehkan menggunakan peruntukan zakat daripada asnaf *al-ghārimīn* bagi tujuan melunaskan hutang si mati berdasarkan kepada dalil ḥadīth berikut:

---

<sup>27</sup> Maksud golongan ini ialah orang yang membeli semula harta yang disedekahkan kepada fakir miskin.

<sup>28</sup> Sebagai perumpamaan kepada keadaan ini, ḥadīth dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitab al-Zakāh, Bāb Ibāḥah al-Hadiyyah li al-Nabiyy SAW wa li Banī Hāshim wa Banī al-Muṭṭalib, no. ḥadīth 1074 iaitu Barīrah telah menghadihkan daging yang dizakatkan kepadanya kepada Rasūlullah SAW, lalu baginda bersabda: untuk Barīrah adalah sedekah, tetapi bagi kita ini hadiah.

<sup>29</sup> Ḥadīth riwayat Sunan Abī Dāwud, Kitab al-Zakāh, Bāb Man Yajūzu lahu Akhza al-Ṣadaqah wahuwa Ghaniyy, no. ḥadīth 1635. . Lihat Abī Dāwud Sulaimān bin al-Ash’ath al-Thajistānī, “Sunan Abī Dāwud,” dalam *Mawsū’ah al-Ḥadīth al-Ṣharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Sāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz ‘Āl al-Syakh (Riyād: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 2:1345. Status ḥadīth ini tiada komentar (*sakata ‘anhu*), maka menurut Abī Dāwud dalam risalahnya bagi penduduk Makkah, setiap yang tiada komentar, maka ḥadīth tersebut boleh diterima pakai.

عن جابر بن عبد الله رضي الله عنهما قال: كان رسول الله صلى الله عليه وسلم لا يصلي على رجل عليه دين. فأتي بميت فسأل: أعليه دين؟ قالوا: نعم، عليه ديناران. قال: صلوا على صاحبكم. قال أبو قتادة: هما علي يا رسول الله. فصلى عليه. فلما فتح الله على رسوله قال: أنا أولى بكل مؤمن من نفسه، فمن ترك ديننا فعلي، ومن ترك مالا، فلورثته.

Maksudnya: Daripada Jābir bin ‘Abdullah Raḍiyallahu ‘Anhumā katanya: Sesungguhnya Rasūlullah SAW tidak pernah menyembayangi jenazah yang mati meninggalkan hutang lalu didatangkan kepada baginda seorang yang telah meninggal dunia, lalu baginda bertanya: adakah dia masih memiliki hutang? Mereka menjawab: ya, dia memiliki hutang dua dinar. Baginda bersabda: sembahyangilah sahabat kalian. Abū Qatādah berkata: dua dinar itu menjadi tanggunganku wahai Rasūlullah SAW. Lalu, baginda menyembahyanginya. Setelah Allah SWT memberi kemenangan kepada Rasūlullah SAW, beliau bersabda: Aku lebih berhak terhadap setiap mukmin dari dirinya sendiri, barangsiapa meninggalkan hutang, maka hutang tersebut menjadi tanggunganku, dan barangsiapa yang meninggalkan harta, maka untuk ahli warisnya.

(Riwayat Sunan Abī Dāwud)<sup>30</sup>

Seterusnya, Sa’īd bin ‘Alī al-Qaḥṭonī juga membahagikan tujuan hutang asnaf ini kepada dua pecahan iaitu:<sup>31</sup>

- (i) Berhutang untuk mendamaikan dua pihak yang bersengketa, iaitu untuk menyatukan hubungan silaturrahim dan mengelakkan pepecahan dalam kalangan masyarakat. Bagi pecahan ini, beliau membahagi lagi kepada tiga keadaan iaitu:

**Pertama:** Mendahulukan hartanya untuk tujuan ini.

**Kedua:** Berhutang untuk tujuan ini.

**Ketiga:** Mendahulukan hartanya dengan niat ingin menuntutnya semula daripada harta zakat.

<sup>30</sup> Ḥadīth riwayat Sunan Abī Dāwud, Kitāb al-Buyū’, Bāb fī al-Tashdīd fī al-Dayn, no. ḥadīth 3343. Lihat Abī Dāwud Sulaimān bin al-Ash’ath al-Thajistānī, “Sunan Abī Dāwud,” dalam *Mawsū’ah al-Ḥadīth al-Ṣharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Sāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz ‘Āl al-Syakh (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 2:1474. Status ḥadīth ini tiada komentar (*sakata ‘anhu*) daripada ahli ḥadīth, maka menurut Abī Dāwud dalam risalahnya bagi penduduk Makkah, setiap yang tiada komentar, maka ḥadīth tersebut boleh diterima pakai.

<sup>31</sup> Sa’īd bin ‘Alī al-Qaḥṭonī, *al-Zakāh fī al-Islām fī Ḍau’ al-Kitāb wa al-Sunnah*, 270.

- (ii) Berhutang untuk *maṣlahah* diri sendiri pada perkara *mubāḥ* (yang harus) sahaja dan tidak mampu untuk melunaskan hutangnya tersebut. Bagi hutang yang menjurus ke arah maksiat, maka tidak dibenarkan peruntukan zakat kepadanya kerana sekiranya diberikan juga peruntukan ini, hal ini seumpama membantunya ke jalan maksiat.

### c) Peruntukan zakat

Berkenaan peruntukan zakat asnaf *al-ghārimīn* ini, Yūsuf al-Qaraḍāwī menyatakan bahawa perkara yang boleh dibantu yang melibatkan *maṣlahah* diri sendiri ialah seperti hutang yang melibatkan nafkah, pakaian, perkahwinan, rawatan penyakit, membina rumah dan sebagainya dengan syarat bebas daripada unsur pembaziran serta syarat-syarat lain yang telah digariskan oleh syarak.<sup>32</sup> Menurut beliau lagi, mereka yang terlibat dengan bencana alam seperti mangsa banjir, kebakaran dan sebagainya layak untuk menerima peruntukan zakat di bawah asnaf ini. Beliau juga mencadangkan supaya peruntukan zakat ini dikembangkan untuk dijadikan sebagai alternatif bagi hutang yang bebas daripada riba melalui kaedah *qarḍ al-ḥasan*.<sup>33</sup>

Di samping itu, Wahbah al-Zuḥaylī pula lebih memfokuskan kepada permasalahan penyerahan peruntukan zakat ini iaitu mestilah menyerahkannya kepada asnaf itu sendiri dan tidak harus menyerahkannya kepada waris terdekatnya sama ada ayah atau datuknya sehingga jalur keturunan ke atas serta anak atau cucunya sehingga jalur keturunan ke bawah. Selain itu, beliau menyatakan bahawa sah (dibolehkan) hukumnya peruntukan zakat tersebut diberikan untuk membeli peralatan perang seperti kuda dan sebagainya.<sup>34</sup> Sebenarnya, jika diteliti semula, beliau tidak banyak

---

<sup>32</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 1:623.

<sup>33</sup> *Ibid.*

<sup>34</sup> Wahbah al-Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islāmiyy wa Adillatuhu*, 2:792.

mengulas tentang peruntukan zakat bagi asnaf ini melainkan menukikan sahaja perbahasan daripada ulama' klasik yang terdiri daripada empat mazhab.

Seterusnya, 'Abdullah Nāṣih 'Ulwān memperincikan lagi peruntukan zakat asnaf ini iaitu diberikan sekiranya tuntutan hutang itu berbentuk segera dan melibatkan hak sesama manusia, bukan hutang yang melibatkan hak Allah SWT seperti hutang *kifārah* dan sebagainya. Beliau juga menyatakan bahawa peruntukan zakat ini juga diberikan untuk perkara yang melibatkan kemaslahatan umum seperti membina hospital untuk golongan fakir miskin, membina masjid, madrasah dan seumpama dengannya. Di samping itu, beliau berpendapat harus diutamakan peruntukan zakat ini kepada hutang si mati berbanding hutang mereka yang masih hidup disebabkan si mati tiada daya upaya untuk melunaskan hutang tersebut.<sup>35</sup>

Kemudian, Sa'īd al-Qaḥṭonī pula menyentuh tentang kadar peruntukan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* iaitu menurut beliau, diberikan peruntukan zakat ini berdasarkan had keperluan mereka sahaja dalam memastikan hutang-piutang mereka dilunaskan.<sup>36</sup>

Berdasarkan pencerahan yang diberikan oleh ulama' kontemporari berkenaan asnaf *al-ghārimīn* ini, dapat disimpulkan bahawa majoriti daripada ulama' ini bersetuju mendefinisikan *al-ghārimīn* sebagai golongan yang berhutang pada perkara *mubāḥ* (harus) dan tidak mampu untuk melunaskannya.

Majoriti ulama' kontemporari juga bersepakat membahagikan tujuan hutang asnaf ini kepada dua kategori iaitu berhutang untuk *maṣlahah* diri sendiri selagi mana hutang tersebut pada perkara taat dan bukan maksiat dan yang kedua, berhutang untuk *maṣlahah* umum seperti mendamaikan dua puak yang bersengketa. Namun, bagi hutang

---

<sup>35</sup> 'Abdullah Nāṣih 'Ulwān, *Aḥkām al-Zakāt 'alā Ḍau' al-Mazāhib al-Arba'ah*, 32-33.

<sup>36</sup> Sa'īd bin 'Alī al-Qaḥṭonī, *al-Zakāh fī al-Islām fī Ḍau' al-Kitāb wa al-Sunnah*, 272.

untuk *maṣlahah* diri sendiri ini, Wahbah al-Zuḥaylī meletakkan syarat fakir untuk melayakkan seseorang itu dikategorikan sebagai asnaf ini.

Bagi permasalahan hutang si mati, terdapat sebilangan ulama' kontemporari yang mengulas dengan mendatangkan dua pendapat ulama' daripada mazhab shāfi'e berkenaan permasalahan ini. Pendapat pertama menyatakan tidak harus menggunakan peruntukan zakat untuk melunaskan hutang si mati. Pendapat ini disokong oleh mazhab Ḥanafī ḍān Ḥanbali. Dalil yang diguna pakai oleh pendapat ini ialah penghutang itu telah mati, maka tidak mungkin diberikan peruntukan zakat kepadanya untuk membayar hutang tersebut.<sup>37</sup> Pendapat kedua pula menyatakan harus menggunakannya untuk melunaskan hutang si mati berdasarkan dalil keumuman ayat 60 dalam surah al-Tawbah yang memberi kefahaman bahawa penghutang tersebut dibolehkan menerima bantuan zakat sama ada dalam keadaan hidup atau sebaliknya.<sup>38</sup> Antara ulama' yang mengulas perbahasan ini dalam kitab mereka ialah Yūsuf al-Qaraḍāwī, 'Abdullah Nāṣih 'Ulwān dan lain-lain.<sup>39</sup>

Walau bagaimanapun, Yūsuf al-Qaraḍāwī dilihat lebih terkehadapan dalam mengulas tentang asnaf ini dengan mendatangkan idea-idea baharu dalam memastikan objektif zakat kepada asnafnya dimanfaatkan semaksimum mungkin iaitu dengan cadangan mengembangkan peruntukan zakat asnaf ini dan mewujudkan satu peruntukan khas untuk membantu golongan yang berhutang yang telah diisytihar sebagai bankrap.

Berikut disertakan jadual rumusan aspek-aspek pentafsiran daripada ulama' kontemporari berkenaan asnaf *al-ghārimīn*:

---

<sup>37</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 1:632

<sup>38</sup> *Ibid.*, 633.

<sup>39</sup> Lihat permasalahan hukum melunaskan hutang si mati menggunakan peruntukan zakat dalam kitab *Fiqh al-Zakah Dirāsah Muqāranah li Aḥkāmihā wa Filsafatihā fi Ḍau' al-Qur'an wa al-Sunnah* (Beirūt: Muassasah al-Risālah, 1973), 632-633 dan kitab *Aḥkām al-Zakāt 'alā Ḍau' al-Mazāhib al-Arba'ah* (Kāherah: Dār al-Salām, 2012), 33.

Jadual 2.4. Aspek penghutang dalam *al-ghārimīn* menurut ulama' kontemporari

Aspek penghutang dalam <i>al-ghārimīn</i>	Yūsuf al-Qaraḏāwī	Wahbah al-Zuhaylī	'Abdullah Nāṣih 'Ulwān	Sa'īd al-Qaḥṭonī
Hutang tersebut pada perkara <i>mubāḥ</i> (harus) dan bukan pada jalan maksiat.	√	√	√	√
Hutang tersebut tidak mampu dilunaskan oleh penghutang.	√	√	√	√
Meletakkan syarat fakir untuk tergolong dalam asnaf <i>al-ghārimīn</i> .	-	√	-	-

Sumber: Kitab Fiqh Kontemporari<sup>40</sup>

Jadual 2.5. Aspek tujuan hutang asnaf *al-ghārimīn* menurut ulama' kontemporari

Aspek tujuan hutang	Yūsuf al-Qaraḏāwī	Wahbah al-Zuhaylī	'Abdullah Nāṣih 'Ulwān	Sa'īd al-Qaḥṭonī
Berhutang untuk <i>maṣlahat</i> diri sendiri seperti nafkah, pakaian, makanan dan sebagainya.	√	√	√	√
Berhutang untuk <i>maṣlahat</i> umum seperti mendamaikan antara dua kumpulan yang bersengketa, membina hospital untuk golongan fakir miskin, madrasah dan sebagainya.	√	√	√	√

Sumber: Kitab Fiqh Kontemporari<sup>41</sup>

<sup>40</sup> Yūsuf al-Qaraḏāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Aḥkāmihā wa Filsafatihā fī Ḍau' al-Qur'ān wa al-Sunnah*, (Beirūt: Muassasah al-Risālah, 1973), 1:622, Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmiyy wa Adillatuhu* (Damshik: Dār al-Fikr, 2009), 2:782, 'Abdullah Nāṣih 'Ulwān, *Aḥkām al-Zakāt 'alā Ḍau' al-Mazāhib al-Arba'ah* (Kāherah: Dār al-Salām, 2012), 31-33 dan Sa'īd bin 'Alī al-Qaḥṭonī, *al-Zakāh fī al-Islām fī Ḍau' al-Kitāb wa al-Sunnah* (Saudi: Maktabah al-Mālik Fahd al-Waṭāniyah Asnā' al-Nashr, 2010), 3:269-272.

<sup>41</sup> *Ibid.*

Jadual 2.6. Aspek peruntukan zakat kepada *al-ghārimīn* menurut ulama' kontemporari

Aspek peruntukan zakat	Yūsuf al-Qaraḏāwī	Wahbah al-Zuhaylī	'Abdullah Nāṣih 'Ulwān	Sa'īd al-Qaḥṭonī
Mengutamakan peruntukan zakat untuk membayar hutang si mati berbanding yang masih hidup.	√	-	√	-
Hutang yang melibatkan nafkah, pakaian, perkahwinan, rawatan penyakit, membina rumah dan sebagainya dengan syarat bebas daripada unsur pembaziran serta syarat-syarat lain yang telah digariskan oleh syarak.	√	-	√	-
Mestilah menyerahkan zakat kepada asnaf itu sendiri dan tidak harus menyerahkannya kepada waris terdekatnya sama ada ayah atau datuknya sehingga jalur keturunan ke atas serta anak atau cucunya sehingga jalur keturunan ke bawah.	-	√	-	-

Sumber: Kitab Fiqh Kontemporari<sup>42</sup>

<sup>42</sup> *Ibid.*



## 2.4 TAFSIRAN ASNAF *AL-GHĀRIMĪN* DI MALAYSIA

Pengurusan zakat di Malaysia dari sudut kutipan dan agihannya kepada asnaf yang lapan diurus tadbir oleh Pusat Urus atau Pungutan Zakat Negeri, Lembaga Zakat, Jabatan Zakat Negeri atau Baitulmal yang terletak di bawah Majlis Agama Islam Negeri. Bagi setiap negeri, terdapat tafsiran yang berbeza dan tersendiri mengenai asnaf *al-ghārimīn* seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut:

Jadual 2.7. Tafsiran Asnaf *al-Ghārimīn* Mengikut Negeri di Malaysia

Institusi Zakat	Tafsiran Asnaf <i>al-Ghārimīn</i>
Kedah <sup>43</sup>	Orang Islam yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas diri dan tanggungannya atau kepentingan masyarakat dan tiada keupayaan untuk membayarnya. Mereka ini hendaklah berada dalam keadaan berikut: 1) Orang yang berhutang itu tidak mampu menjelaskan hutangnya. 2) Hutang itu hendaklah dalam perkara taat yang diharuskan syarak.
Pulau Pinang <sup>44</sup>	Orang yang berhutang sama ada hutang untuk dirinya sendiri atau hutang untuk orang lain dan sama ada hutang ini bertujuan untuk melakukan sesuatu kebaikan (taat kepada Allah SWT).
Perak <sup>45</sup>	Asnaf ini merangkumi bantuan menyelesaikan hutang pendaftaran di pusat pengajian tinggi dalam negeri, hutang tambang tiket kapal terbang dan sebagainya serta bayaran balik pinjaman berjadual kepada Kerajaan Negeri. Pemohon hendaklah mengemukakan bukti keberhutangan dan menunjukkan ikhtiar dan usaha yang telah dibuat untuk menyelesaikannya sebelum membuat permohonan tersebut. Hutang untuk perkara yang bukan untuk kepentingan syar'ie atau keperluan syar'ie atau keperluan untuk bermewah akan ditolak.
Selangor <sup>46</sup>	Orang Islam yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas diri dan tanggungannya atau kepentingan masyarakat dan tiada

<sup>43</sup> Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman, Takrifan Asnaf, dicapai 30 Julai 2017, <http://www.maik.gov.my/>.

<sup>44</sup> Zakat Pulau Pinang, Info Agihan, dikemaskini 27 Julai 2017, dicapai 30 Julai 2017, <http://www.zakatpenang.com/>.

<sup>45</sup> Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, Info Agihan, dikemaskini 27 Julai 2017, dicapai 30 Julai 2017, <http://www.maiamp.gov.my/>.

<sup>46</sup> Lembaga Zakat Selangor, Info Agihan, dikemaskini 27 Julai 2017, dicapai 30 Julai 2017, <http://www.zakatselangor.com.my/>.

Institusi Zakat	Tafsiran Asnaf <i>al-Ghārimīn</i>
	<p>keupayaan untuk membayarnya. Mereka ini perlulah dalam keadaan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Orang yang berhutang itu tidak mampu menjelaskan hutangnya.</li> <li>2) Hutang itu hendaklah dalam perkara taat yang diharuskan syarak.</li> <li>3) Hutang telah sampai tempoh untuk dijelaskan.</li> </ol> <p>Contohnya, hutang untuk persatuan kerana permasalahan ummah, hutang rawatan mesin dialisis, hutang perubatan dan pengurusan jenazah tanpa waris.</p>
Wilayah Persekutuan <sup>47</sup>	Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga tanggungannya atau masyarakat yang memerlukan penyelesaian segera dan dibenarkan oleh hukum syarak.
Negeri Sembilan <sup>48</sup>	Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga, tanggungannya atau masyarakat Islam yang memerlukan penyelesaian segera dan dibenarkan oleh hukum syarak.
Melaka <sup>49</sup>	Orang yang mempunyai hutang untuk kemaslahatan dirinya sendiri supaya dapat memenuhi kadar keperluan yang asas dan bukan bagi tujuan bermewah-mewahan dan kemaslahatan masyarakat yang dibenarkan oleh syarak seperti pengurusan anak yatim, rumah rawatan, pembinaan rumah ibadah atau apa-apa perbuatan baik dalam melayani kehendak atau keperluan am kebajikan masyarakat yang memerlukan kepada penyelesaian segera.
Johor <sup>50</sup>	Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas diri, keluarga, tanggungannya atau masyarakat dan memerlukan penyelesaian segera selaras dengan hukum syarak.
Pahang <sup>51</sup>	Golongan yang berhutang termasuk penjamin untuk memenuhi keperluan asas diri, keluarga, tanggungannya atau masyarakat dan memerlukan penyelesaian segera dan dibenarkan oleh syarak.

<sup>47</sup> Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Info Zakat, dicapai 30 Julai 2017, <http://www.zakat.com.my/>.

<sup>48</sup> Pusat Zakat Negeri Sembilan, Info Agihan, dikemaskini 26 Julai 2017, dicapai 30 Julai 2017, <http://www.zakatns.com.my/>.

<sup>49</sup> Majlis Agama Islam Melaka, Asnaf Zakat & Program, dicapai 30 Julai 2017, <http://www.maim.gov.my/>.

<sup>50</sup> Majlis Agama Islam Negeri Johor, Taktif Asnaf, dicapai 30 Julai 2017, <http://www.maij.gov.my/>.

<sup>51</sup> Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, Taktif Asnaf, dicapai 30 Julai 2017, <http://ezakat.muip.gov.my/zakatportal/>.

Institusi Zakat	Tafsiran Asnaf <i>al-Ghārimīn</i>
Terengganu <sup>52</sup>	Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga, tanggungannya atau masyarakat Islam yang memerlukan penyelesaian segera dan dibenarkan oleh hukum syarak.
Kelantan <sup>53</sup>	Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga, tanggungannya atau masyarakat Islam yang memerlukan penyelesaian segera dan dibenarkan oleh hukum syarak.
Sabah <sup>54</sup>	Seseorang yang berhutang wang atau harta untuk kegunaan awam sebagaimana dibenarkan oleh hukum syarak. Antaranya bantuan perubatan dan rawatan, pengurusan jenazah, bantuan baik pulih surau dan masjid, bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan Tajaan program Islamik.
Sarawak <sup>55</sup>	Orang yang terpaksa berhutang disebabkan keperluan mendesak yang tidak berlebih-lebihan bagi diri dan masyarakat Islam yang bukan kerana maksiat (nafsu).
Perlis <sup>56</sup>	Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga tanggungannya atau masyarakat yang memerlukan penyelesaian segera dan dibenarkan oleh hukum syarak.

Sumber: Laman sesawang institusi zakat negeri-negeri di seluruh Malaysia.

Berdasarkan kepada jadual di atas, dapat disimpulkan bahawa institusi-institusi zakat setiap negeri meletakkan garis panduan untuk mengesahkan seseorang itu layak dikategorikan sebagai asnaf *al-ghārimīn*. Kebanyakannya menjadikan keperluan asas sebagai kayu ukur untuk dikategorikan dalam asnaf ini seperti yang telah ditetapkan di Selangor, Negeri Sembilan, Kelantan, Kedah, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, Sarawak dan Perlis. Daripada pendefinisian setiap institusi zakat di atas juga, dapat

<sup>52</sup> Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu, Agihan Zakat, dicapai 30 Julai 2017, <http://www.maidam.terengganu.gov.my/>.

<sup>53</sup> Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Takrif Asnaf, dicapai 30 Julai 2017, <http://www.e-maik.my/>.

<sup>54</sup> Pusat Zakat Sabah, Info Agihan, dikemaskini 25 Julai 2017, dicapai 30 Julai 2017, <http://www.zakat.sabah.gov.my/>.

<sup>55</sup> Tabung Baitulmal Majlis Islam Sarawak, Takrif Asnaf, dicapai 30 Julai 2017, <https://www.tbs.org.my/>.

<sup>56</sup> Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Takrif Asnaf, dicapai 30 Julai 2017, <http://www.maips.gov.my/>.

dirumuskan bahawa pendefinisian asnaf *al-ghārimīn* ini dilihat dari tiga aspek iaitu definisi *al-ghārimīn* (penghutang), tujuan hutang dan peruntukan zakat.

#### **a) Definisi *al-ghārimīn* (penghutang)**

Merujuk kepada setiap definisi yang telah ditetapkan oleh institusi-institusi zakat di Malaysia, penulis dapati kebanyakan daripada institusi-institusi ini meletakkan *maṣlahah* diri sendiri dan *maṣlahah* umum sebagai kayu ukur kepada pendefinisian *al-ghārimīn* ini kecuali beberapa negeri sahaja yang hanya meletakkan *maṣlahah* umum seperti Perak dan Sabah.

Kemudian, terdapat beberapa negeri yang meletakkan ketidakmampuan penghutang untuk melunaskan hutangnya dalam pendefinisian ini iaitu Kedah dan Selangor. Seterusnya, didapati kebanyakan negeri yang meletakkan aspek keperluan untuk penyelesaian hutang segera dalam pendefinisian ini iaitu Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan dan Perlis.

#### **b) Tujuan hutang**

Seperti yang telah dinyatakan di atas, penulis dapati terdapat dua pecahan terhadap tujuan hutang yang telah ditetapkan oleh setiap institusi zakat di Malaysia iaitu pertama, atas tujuan *maṣlahah* diri sendiri dan *maṣlahah* umum yang diamalkan oleh kebanyakan negeri dan yang kedua, atas tujuan *maṣlahah* umum sahaja seperti yang diamalkan oleh Perak dan Sabah.

#### **c) Peruntukan zakat**

Dalam aspek ini, penulis akan membahagikan kepada dua pecahan iaitu peruntukan untuk *maṣlahah* diri sendiri dan *maṣlahah* umum yang mengambil kira kedua-dua *maṣlahāt* seperti berhutang untuk keperluan asas bagi *maṣlahah* diri, keluarga dan tanggungan serta masyarakat yang diamalkan oleh Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Johor, Melaka, Pahang, Terengganu, Kelantan,

Sarawak dan Perlis serta peruntukan untuk *maṣlahah* umum sahaja seperti yang diamalkan oleh Perak dan Sabah iaitu:

- a) Memenuhi keperluan perkara asasi atau darurat bagi masyarakat.
- b) Baik pulih pondok pengajian dan sumbangan kepada institusi khas (sekolah terencat akal/ anak yatim/ buta/ pekak).
- c) Bantuan baik pulih surau dan masjid, bantuan kepada sekolah agama rakyat, pertubuhan bukan kerajaan dan tajaan program Islamik.
- d) Hutang persatuan kerana permasalahan ummah.
- e) Berhutang untuk faedah awam seperti menghapuskan persengketaan dua puak.
- f) Pengurusan jenazah tanpa waris.
- g) Hutang pendaftaran di pusat pengajian tinggi dalam negeri, hutang tambang tiket kapal terbang dan sebagainya.
- h) Kesusahan berat atau hutang rawatan kronik dan dialisis.

Sebagai rumusan, dapat difahami daripada pendefinisian yang diberikan oleh setiap institusi zakat di atas, *al-ghārimīn* merupakan mereka yang berhutang untuk menyelesaikan permasalahan asasi seperti kesihatan, pelajaran di peringkat rendah dan menengah, makanan, tempat perlindungan sementara dan segala hutang untuk meninggikan martabat agama serta berhutang yang melibatkan *maṣlahah* umum seperti rawatan penyakit kronik atau dialisis, pengurusan jenazah tanpa waris dan sebagainya. Merujuk kepada pendefinisian di atas juga, didapati Pahang sahaja yang memasukkan penjamin dalam pendefinisian asnaf ini. Selain itu, didapati Sarawak merupakan satu-satunya negeri yang meletakkan hutang untuk keperluan mendesak dalam pendefinisiannya manakala Selangor dan Kedah pula meletakkan tiada keupayaan untuk membayar hutang dalam pendefinisiannya terhadap asnaf ini. Dari pengamatan penulis juga, daripada keseluruhan pendefinisian yang diberikan ini, tiada satu negeri pun yang melayakkan asnaf *al-ghārimīn* berhutang untuk perkara yang bukan untuk kepentingan

syar'ie menerima zakat. Individu yang berhutang untuk tujuan bermewah-mewah juga terkeluar daripada asnaf *al-ghārimīn*, manakala dari sudut penyelarasan definisi asnaf ini, didapati tiada penyelarasan antara setiap negeri disebabkan pelbagai faktor seperti perbezaan peruntukan zakat setiap negeri dan sebagainya.

## 2.5 SYARAT KELAYAKAN ASNAF *AL-GHĀRIMĪN* MENURUT INSTITUSI ZAKAT DI MALAYSIA

Berdasarkan pentakrifan *al-ghārimīn* yang diberikan institusi-institusi zakat di Malaysia, dapat dirumuskan bahawa syarat-syarat untuk seseorang itu dikategorikan sebagai asnaf *al-ghārimīn* seterusnya layak untuk mendapat bantuan daripada peruntukan asnaf ini adalah seperti berikut:

### a) *Al-ghārimīn* tidak mampu untuk melunaskan hutangnya dengan syarat setelah berusaha

Berdasarkan kepada realiti kehidupan rakyat di Malaysia, hutang telah menjadi satu keperluan demi memenuhi keperluan hidup seharian. Walaupun bukan semua yang menghadapi situasi ini, namun boleh dikatakan majoriti rakyat Malaysia yang terbelenggu dengan masalah hutang.

Hal ini menunjukkan, mereka yang berhutang sememangnya benar-benar tidak mampu membayar hutangnya. Untuk tergolong dalam asnaf *al-ghārimīn* ini, seseorang itu mestilah tidak memiliki harta dalam kadar yang mencukupi (*ḥad kifāyah*). *Ḥad kifāyah* bermaksud garis kecukupan minimum bagi keperluan asasi seseorang dan tanggungannya berdasarkan kos sara hidup masa kini.<sup>57</sup>

---

<sup>57</sup> Lembaga Zakat Selangor, Rasional *Ḥad Kifāyah*, portal rasmi LZS, dicapai 1 Julai 2017, <https://www.youtube.com/watch?v=inA6ZjAaR8w>, [www.e-zakat.com.my](http://www.e-zakat.com.my).

**b) Tujuan hutang hendaklah untuk perkara-perkara yang halal dan harus atau perkara yang shar'ie**<sup>58</sup>

Antara perkara penting dalam menentukan seseorang itu layak dikategorikan dalam asnaf ini atau tidak ialah melihat kepada tujuan seseorang itu berhutang. Kebanyakan institusi-institusi zakat di Malaysia merujuk kepada ulama' kontemporari seperti Yūsof al-Qaraḍāwī yang menjelaskan bahawa tujuan berhutang mestilah pada perkara yang harus atau bertujuan melaksanakan ketaatan pada Allah SWT. Bagi tujuan yang menyimpang daripada ini, seperti untuk berjudi atau untuk bermewah-mewahan, maka adalah tidak layak untuk dikategorikan dalam asnaf ini. Hal ini kerana Allah SWT melarang perbuatan berlebih-lebihan sebagaimana firman Allah SWT dalam al-Qur'ān:

﴿ يَا بَنِي آدَمَ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ

الْمُسْرِفِينَ ﴿٧١﴾

(Al-'Araf, 7:31)

Maksudnya: “Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadah (atau mengerjakan sembahyang) dan makanlah serta minumlah dan jangan pula kamu melampau; Sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas”

<sup>58</sup> Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman, Takrifan Asnaf, dicapai 30 Julai 2017, <http://www.maik.gov.my/>, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, Info Agihan, dikemaskini 27 Julai 2017, dicapai 30 Julai 2017, <http://www.maiamp.gov.my/>, Lembaga Zakat Selangor, Info Agihan, dikemaskini 27 Julai 2017, dicapai 30 Julai 2017, <http://www.zakatselangor.com.my/>, Pusat Zakat Negeri Sembilan, Info Agihan, dikemaskini 26 Julai 2017 dicapai 30 Julai 2017, <http://www.zakatns.com.my/>, Majlis Agama Islam Melaka, Asnaf Zakat & Program, dicapai 30 Julai 2017, <http://www.maim.gov.my/>, Majlis Agama Islam Negeri Johor, Takrif Asnaf, dicapai 30 Julai 2017, <http://www.maij.gov.my/>, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, Takrif Asnaf, dicapai 30 Julai 2017, <http://ezakat.muip.gov.my/zakatportal/>, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu, Agihan Zakat, dicapai 30 Julai 2017, <http://www.maidam.terengganu.gov.my/>, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Takrif Asnaf, dicapai 30 Julai 2017, <http://www.e-maik.my/>, Pusat Zakat Sabah, Info Agihan, dikemaskini 25 Julai 2017, dicapai 30 Julai 2017, <http://www.zakat.sabah.gov.my/>. dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Takrif Asnaf, dicapai 30 Julai 2017, <http://www.maips.gov.my/>.

**c) Tidak berlebih-lebihan dalam memenuhi keperluan diri dan masyarakat**

Syarat tidak berlebih-lebihan dalam memenuhi keperluan diri dan masyarakat ini telah dinyatakan dalam pendefinisian institusi zakat Sarawak. Ini bermakna, hutang tersebut hanya bertujuan untuk memenuhi perkara yang perlu sahaja. Sebagai contoh, dalam pengurusan jenazah, hutang untuk perbelanjaan batu nisan yang cantik dan membina binaan di kubur adalah termasuk dalam hutang yang membazir dan berlebih-lebihan. Ruang lingkup hutang yang berlebih-lebihan juga boleh bergantung kepada ‘*uruf setempat*.<sup>59</sup>

**d) Wujud keperluan menyelesaikan hutang dengan segera<sup>60</sup>**

Boleh dikatakan majoriti daripada institusi zakat di Malaysia meletakkan syarat ini dalam pendefinisian asnaf *al-ghārimīn*. Hal ini penting kerana kebiasaannya tuntutan hutang yang berbentuk segera ini, sekiranya tidak dapat dilunaskan dengan segera, kemungkinan akan memberi kesan yang buruk kepada penghutang seperti ancaman keselamatan, terdedah kepada bankrap dan sebagainya.

## **2.6 MAQĀSĪD AL-SHARĪ’AH DALAM AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF AL-GHĀRIMĪN**

Berdasarkan pemerhatian penulis, kebanyakan ulama’ *maqāsidī* sepakat mengatakan dalam penulisan mereka bahawa perubahan hukum yang berlaku dalam sejarah perkembangan Islam amat berkait rapat dengan perubahan masa dan tempat. Dalam menentukan status seseorang untuk dikategorikan sebagai *al-ghārimīn* juga memerlukan

---

<sup>59</sup> Tabung Baitulmal Majlis Islam Sarawak, Takrif Asnaf, dicapai 30 Julai 2017, <https://www.tbs.org.my/>.

<sup>60</sup> Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Info Zakat, dicapai 30 Julai 2017, <http://www.zakat.com.my/>, Pusat Zakat Negeri Sembilan, Info Agihan, dikemaskini 26 Julai 2017, dicapai 30 Julai 2017, <http://www.zakatns.com.my/>, Majlis Agama Islam Melaka, Asnaf Zakat & Program, dicapai 30 Julai 2017, <http://www.maim.gov.my/>, Portal Rasmi Majlis Agama Islam Negeri Johor, Takrif Asnaf, dicapai 30 Julai 2017, <http://www.maij.gov.my/>, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, Takrif Asnaf, dicapai 30 Julai 2017, <http://ezakat.muip.gov.my/zakatportal/>, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu, Agihan Zakat, dicapai 30 Julai 2017, <http://www.maidam.terengganu.gov.my/>, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Takrif Asnaf, dicapai 30 Julai 2017, <http://www.e-maik.my/>. dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Takrif Asnaf, dicapai 30 Julai 2017, <http://www.maips.gov.my/>.



kepada penelitian dari sudut *maṣlahah* yang dilihat sebagai salah satu agen perubahan hukum yang terdapat dalam Islam.<sup>61</sup>

Hakikat ini diakui oleh beberapa ahli ilmu *uṣūl al-fiqh*, antaranya ‘Alī Ḥasbillah yang menyokong keharusan perubahan hukum berdasarkan perubahan keadaan masa dan tempat. Beliau mengaitkan hukum yang dimaksudkan itu sebagai hukum ijtihad. Menurut beliau lagi, hukum ijtihad tidak perlu dilaksanakan di semua negara atau pada semua zaman kerana atas dasar inilah Saydinā ‘Umar bin al-Khaṭṭab RA berijtihad mengikut kesesuaian tempat dan *maṣlahat*. Berdasarkan fiqh yang diamalkan oleh Saydinā ‘Umar ini, adalah diakui bahawa beliau juga mengiktiraf perubahan hukum ijtihad dengan sebab perubahan keadaan semasa dan setempat di samping mengambil kira aspek *maṣlahat*.<sup>62</sup> Walau bagaimanapun, al-Nadwī ketika menyentuh perkara ini, telah mengaitkan hukum yang dimaksudkan dengan hukum yang dibina berteraskan ‘*uruf* dan *maṣlahāt*.<sup>63</sup> Pendapat al-Nadwī ini turut disokong oleh Ṣāliḥ bin Ghānim al-Sadlān. Bahkan beliau menambah bahawa perubahan hukum tersebut bukan sahaja berubah disebabkan perubahan zaman, malah disebabkan juga oleh perubahan tempat, suasana, ‘*uruf* dan *maṣlahat*.<sup>64</sup>

Oleh yang demikian, kajian ini akan menerangkan tentang konsep *maṣlahāt* serta elemen-elemen yang berkaitan dengannya yang berperanan sebagai penentu kepada kelayakan seseorang dikategorikan sebagai asnaf *al-ghārimīn*.

---

<sup>61</sup> Hasanah binti Khafidz, “Asnaf Lapan: Kesan Nilai Semasa dan Setempat dalam Menentukan Pentafsirannya di Malaysia,” 59.

<sup>62</sup> ‘Alī Ḥasbillah, *Uṣūl al-Tashrī’ al-Islāmiyy*, (Mesir: Dār al-Ma’ārif, 1964), 3:84.

<sup>63</sup> ‘Alī Aḥmad al-Nadwī, *al-Qawā’id al-Fiqhiyyah*, (Damshik: Dār al-Qalam, 1994), 3:65.

<sup>64</sup> Ṣāliḥ bin Ghānim al-Sadlān, *al-Qawā’id al-Fiqhiyyah al-Kubra* (Riyāḍ: Dār Bansiyah, 1997), 434.

### 2.6.1 Teori *Maqāṣid al-Sharī'ah* dalam Agihan kepada *al-Ghārimīn*

*Maqāṣid* dari sudut bahasa merupakan kata majmuk (jama') dari *maqṣūd* yang berasal daripada kata *qaṣada* yang bermaksud lurus, pertengahan, menuju, bertujuan, berkeinginan dan kesengajaan.<sup>65</sup> Dari sudut istilah pula, menurut Imām al-Shāṭibī,<sup>66</sup> *maqāṣid* terbahagi kepada dua pecahan iaitu pertama, merujuk kepada tujuan pensyariatan dan yang kedua merujuk kepada matlamat kepada hamba-Nya (mukallaf).

Perkataan *al-sharī'ah* berasal daripada *shara'a* "شَرَعَ" yang bermaksud memperkenalkan, mengadakan dan menetapkan. Dari sudut bahasa, *al-sharī'ah* membawa dua maksud iaitu yang pertama, jalan menuju sumber air yang diminum oleh manusia. Orang Arab tidak menamakannya sebagai syariat sehinggalah air tersebut telah tersedia dan tidak terputus. Maksud yang kedua pula ialah sesuatu yang disunnahkan (diwujudkan) oleh Allah SWT daripada urusan agama dan diperintahkan untuk melakukannya.<sup>67</sup> Dari sudut istilah pula, menurut Ibn Ḥazm ialah sesuatu yang disyariatkan Allah SWT melalui lisan nabi-Nya dalam urusan agama dan melalui lisan para *anbiyā'* sebelumnya yang dimansuhkan (*nasakh*) hukumnya.<sup>68</sup>

Menurut kebanyakan ulama', ungkapan yang khusus bagi *maqāṣid al-sharī'ah* ialah *maṣlaḥah* atau kebaikan-kebaikan yang utama yang dikehendaki oleh syarak daripada pensyariatan sesuatu hukum meliputi perkara-perkara *darūriyyāt*, *ḥājjiyyāt* dan *taḥsīniyyāt*. Sekiranya diamati daripada pendefinisian ulama' ini, dapat disimpulkan bahawa *maqāṣid al-sharī'ah* meliputi ruang lingkup kebaikan-kebaikan (*maṣāliḥ*) dan tujuan-tujuan (*ghāyāt*) syarak dalam pensyariatan sesuatu hukum kepada hamba-Nya.<sup>69</sup>

<sup>65</sup> Majma' al-Lughāt al-'Arabiyyah, *Mu'jam al-Wasīth*, 4:768.

<sup>66</sup> Abī Ishāk al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Usūl al-Tashrī'* (Beirūt: Dār al-Kutub al-'Alamiyyah, 2004), 219.

<sup>67</sup> Abī al-Faḍl Jamāluddīn Muḥammad bin Mukram Ibn Manẓūr al-Afīrīqī al-Maṣrī, *Lisān al-'Arab*, 8:175.

<sup>68</sup> Abī Muḥammad 'Alī bin Aḥmad bin Sa'īd bin Ḥazm al-Andalūsī, *al-Iḥkām fī Usūl al-Aḥkām* (Beirūt: Dār al-āfāq al-Jadīdah, 1983), 1:46.

<sup>69</sup> Aḥmad Wafāq bin Mukhtār, *Maqāṣid al-Sharī'ah 'Inda al-Imām al-Shāfi'e* (Kāherah: Dār al-Salām, 2014), 1:44.

Merujuk kepada perbincangan tentang agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* pula, apabila diteliti dengan lebih mendalam, tanggungjawab pengagihan zakat itu sebenarnya untuk mencapai kelima-lima unsur *maqāṣid al-sharī'ah* yang telah disebut oleh ulama'. Oleh yang demikian, terdapat beberapa unsur *maqāṣid al-sharī'ah* yang terkandung dalam agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* iaitu:<sup>70</sup>

#### **a) Prinsip Menjaga Kemuliaan Agama**

Prinsip ini merupakan prinsip yang amat penting dan wajib bagi seseorang muslim pertahankan. Ini bermaksud setiap muslim perlu memelihara kesucian agama dalam apa jua keadaan. Agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* yang merupakan salah satu asnaf yang disebut oleh Allah SWT dalam surah al-tawbah merupakan satu bentuk ketaatan perintah Allah SWT yang mana perbuatan ini termasuk dalam kategori menjaga kemuliaan agama. Menurut al-Syaṭībī, penjagaan Agama ini ialah melalui pelaksanaan setiap suruhan-Nya iaitu dari aspek *al-wujūd* (ada), dan meninggalkan setiap larangan-Nya iaitu dari aspek *al-'adam* (tiada).<sup>71</sup>

#### **b) Prinsip Menjaga Nyawa**

Nyawa merupakan suatu anugerah Ilahi yang tiada ganti dan tidak boleh dijual beli. Sebagai seorang muslim, sewajarnya kita bertanggungjawab bagi memastikan keperluan menjaga nyawa (termasuk nyawa orang Islam yang lain) ini dipenuhi demi kesejahteraan semua dan tidak melakukan sesuatu yang akan mengancam nyawa diri sendiri dan masyarakat. Perkara ini dikategorikan sebagai perkara *ḍarūriy* (penting) untuk dipelihara.<sup>72</sup> Menurut Abdul Karīm Zaydān, Islam mensyariatkan kepada umatnya untuk menjaga nyawa iaitu dengan mewajibkan melakukan apa sahaja yang membawa kepada pemeliharaannya seperti makan dan minum serta mengharamkan apa

---

<sup>70</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Dirāsah fī Fiqh Maqāṣid al-Sharī'ah Baina al-Maqāṣid al-Kulliyah wa al-Nuṣūṣ al-Juz'iyah* (Kāherah: Dār al-Shurūq, 2006), 27-29.

<sup>71</sup> Abī Ishāk al-Shaṭībī, *al-Muwāfaqāt fī Usūl al-Tashrī'*, 221.

<sup>72</sup> *Ibid.*

sahaja yang memberi ancaman kepadanya.<sup>73</sup> Agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* ini secara tidak langsung dapat memenuhi prinsip menjaga nyawa dari sudut melindungi diri penghutang daripada ancaman nyawa oleh pihak tertentu melalui bantuan untuk melunaskan hutang mereka.

### c) Prinsip Menjaga Akal

Akal merupakan anugerah Allah SWT kepada setiap manusia tanpa membezakannya.<sup>74</sup> Menjaga akal dan pemikiran merupakan salah satu daripada matlamat *sharī'ah* Islam. Melalui keistimewaan inilah manusia diberikan status sebagai khalifah untuk memakmurkan bumi bersesuaian dengan ketentuan dan perintah Allah SWT. Bersesuaian dengan tujuan ini dan agar akal dapat berfungsi dengan sewajarnya, *sharī'ah* Islam telah menegaskan mengenai kepentingan untuk menuntut dan menguasai ilmu pengetahuan.<sup>75</sup> Firman Allah SWT:

أَقْرَأْ بِأَسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ

(Surah al-'Alaq, 30:1)

Maksudnya: Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang Menciptakan.

Oleh itu, akal perlu dijaga kerana merupakan anugerah Allah SWT yang paling berharga kepada manusia. Menurut Aḥmad Raysūnī, pemeliharaan terhadap akal sama seperti memelihara Agama kerana Agama dan akal, walaupun berbeza dari sudut kedudukannya dalam *ḍarūriyyāt al-khams*, namun kedua-duanya merupakan alat perantaraan untuk menerima petunjuk Allah SWT serta menguruskan kehidupan dengan

<sup>73</sup> 'Abdul Karīm Zaydān, *al-Wajīz fī Usūl al-Fiqh* (Baghdād: Muassasah Qurṭubah, 1976), 379.

<sup>74</sup> *Ibid.*, 380.

<sup>75</sup> Al-Ghazālī, *al-'Aqlu 'Inda al-Imām al-Ghazālī*, ed. 'Abdul 'Azīm al-Dīb (Kuwait: Jāmi'ah Qatar, 1988), 6:461.

baik.<sup>76</sup> Melihat kepada impak agihan zakat ini, asnaf *al-ghārimīn* yang menerima zakat ini dapat memelihara akal daripada tekanan hidup dan perasaan. Ini kerana hutang yang gagal dilunaskan oleh penghutang menyebabkan fikiran mereka terganggu dan sentiasa dibayangi dengan perkara-perkara yang menakutkan seperti ancaman hidup dan sebagainya.

#### **d) Prinsip Menjaga Maruah dan Keturunan**

Islam sangat menitikberatkan kepada umatnya untuk menjaga maruah serta keturunan kerana perkara ini dapat mencegah umat Islam dari mewarisi keturunan dan akhlak yang rosak. Menurut Aḥmad Raysūnī, pemeliharaan maruah dan keturunan sama seperti pemeliharaan nyawa iaitu dari sudut larangan daripada merosakkannya.<sup>77</sup>

Dari perspektif agihan zakat kepada asnaf ini, orang Islam yang menunaikan kewajipannya membayar zakat akan melahirkan penghormatan daripada ahli masyarakat di samping keberkatan dalam kehidupannya.<sup>78</sup> Sebaliknya mereka yang tidak membayar zakat walaupun sudah memenuhi syarat-syaratnya akan dibenci bahkan dalam sejarah saydinā Abū Bakar RA pernah memerangi orang yang tidak membayar zakat.<sup>79</sup>

Melihat impak kepada agihan zakat ini, asnaf *al-ghārimīn* yang menerima zakat ini secara tidak langsung mendapat perlindungan hak mereka serta dapat melindungi keluarga serta keturunan mereka daripada perkara yang tidak tidak bermoral seperti mencuri dan sebagainya.

---

<sup>76</sup> Aḥmad Raysūnī, *Muḥāḍarāt fī Maqāṣidi al-Sharī'ah* (Mesir: Dar al-Kalimah li al-Nashr wa al-Tawzī', 2014), 155.

<sup>77</sup> *Ibid.*

<sup>78</sup> Mohamad Sobri Haron dan Riki Rahman, "Pengagihan Zakat dalam Konteks Kesejahteraan Masyarakat Islam: Satu Tinjauan Berasaskan Maqasid al-Syari'ah," *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, no. 10 (2016), 129-140.

<sup>79</sup> Abū al-Fidā' Ismā'īl Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah* (Beirut: Maktabah al-Ma'ārif, 1990), 6:311.

### e) Prinsip Menjaga Harta

Melalui agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn*, secara tidak langsung dapat memelihara harta asnaf ini daripada disita atau dibekukan kerana harta penting sebagai *wasīlah* (perantaraan) untuk mencapai penjagaan aspek-aspek lain sehingga kepada penjagaan terhadap agama dalam menjamin *maṣlahah* dan menolak kefasadan terhadap manusia.<sup>80</sup>

Apabila semua unsur-unsur *maqāṣid al-sharī'ah* dalam pengagihan zakat terpenuhi, maka kesejahteraan masyarakat akan dapat direalisasikan. Segala masalah ekonomi, kewangan, dan kemiskinan yang melanda umat Islam dewasa ini akan dapat dikurangkan secara maksima.

### 2.6.2 *Maṣlahah*

Agama Islam merupakan agama yang telah diiktiraf oleh Allah SWT sebagai agama yang direndah-Nya. Keunikan agama Islam tidak dapat dinafikan lagi kerana di dalamnya telah dibentangkan segala aturan serta panduan hidup ke jalan yang benar di dunia dan akhirat. Hal ini dibuktikan dengan adanya hukum-hakam serta garis panduan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dalam membimbing kehidupan manusia. Walau bagaimanapun, bagi permasalahan-permasalahan baharu yang tiada atau tidak jelas kedudukan hukumnya, maka Islam menyediakan jalan kepada para mujtahid untuk mencari hujah serta dalil dalam menentukan status hukum tersebut. Antara jalan yang dimaksudkan ialah *maṣlahah*.

### a) Definisi *Maṣlahah* dari Sudut Bahasa dan Istilah

Perkataan *maṣlahah* atau kata majmuknya *maṣlahāt* berasal daripada perkataan Arab, iaitu kata terbitan bagi *ṣalaha*, *yaṣlihu* bermaksud kebaikan atau lawan bagi kebinasaan.

---

<sup>80</sup> Zulkifly bin Muda, "Maqāṣid Sharī'ah dan Kefatwaan: Pengharmonian Fatwa Demi Kepentingan Insan dan Alam" (kertas kerja, Seminar Isu-isu Kefatwaan Kontemporari: Fiqh dalam Mendepani Realiti Semasa Masyarakat Malaysia, International Institute of Advance Islamic Studies (IAIS ) Malaysia, 10 Mac 2016), 2.

Kata majmuk bagi *maṣlahah* adalah *maṣāliḥ*.<sup>81</sup> Perkataan ini, apabila diterjemahkan ke dalam bahasa melayu menjadi ‘maslahat’ yang bermaksud sesuatu yang berfaedah (berguna), usaha dan sebagainya yang mendatangkan faedah.<sup>82</sup> Dalam *mu’jam al-wasīṭ*, *maṣlahah* dinyatakan sebagai kebaikan dan manfaat.<sup>83</sup>

Menurut istilah syarak, al-Ghazālī mentakrifkan *maṣlahah* sebagai *المحافظة على* "قصد ودل شرع", iaitu memelihara tujuan syarak (dalam menetapkan hukum). Selain itu, beliau dan Ibn Qudāmah juga mendefinisikannya sebagai *الجلب في دفع أذى مضررة*, iaitu mendapatkan manfaat kebaikan atau menghilangkan kemudaratan.<sup>84</sup> al-Ghazālī kemudiannya menjelaskan bahawa kedua-dua perkara itu bukan bertujuan memenuhi matlamat manusia tetapi untuk merealisasikan matlamat syarak. Matlamat tersebut ialah memelihara agama, diri atau jiwa, akal, keturunan dan harta.<sup>85</sup> Sementara itu, al-Khawarizmī mendefinisikan *maṣlahah* sebagai memelihara matlamat atau tujuan syarak dengan mengelakkan kerosakan dari manusia.<sup>86</sup>

### 2.6.2.1 *Maṣlahah* dalam Agihan Zakat kepada Asnaf *al-Ghārimīn*

Secara umumnya, dalam memahami konsep *maṣlahah*, syariah telah merangkumkan penjagaan *maṣlahah* ini dalam semua aspek dan turutannya. Antaranya ialah penjagaan *maṣlahah darūriyyāt*, *maṣlahah ḥājīyyāt* dan *maṣlahah taḥsīniyyāt*.

<sup>81</sup> Abī al-Faḍl Jamāluddīn Muḥammad bin Mukram Ibn Manzūr al-Afrīqī al-Maṣrī, *Lisān al-‘Arab*, 384 dan Majdi al-dīn Muḥammad al-Fairuzabadī, *al-Qāmus al-Muhīṭ*, 229.

<sup>82</sup> Hajah Noresah et al., *Kamus Dewan Edisi Keempat*, 1003.

<sup>83</sup> Ibrāhīm Mustafā et al., *Mu’jam al-Wasīṭ* (Istanbul: Dār al-Da’wah, 1989), 1:520.

<sup>84</sup> ‘Abdullah bin Aḥmad bin Muḥammad Qudāmah al-Muqaddasī, *Rauḍah al-Nāzir wa Junnāt al-Manāzir fī Usūl al-Fiqh*, (Riyād: Maktabah al-Rusd, 1993), 3:537.

<sup>85</sup> Al-Ghazālī, Abī Ḥamīd bin Muḥammad bin Muḥammad, *al-Mustaṣfā min ‘Ilm al-Uṣūl* (Beirūt: Mu’assasah al-Risālah, 1997), cet. 1, 1:416.

<sup>86</sup> Al-Shawkānī, Muḥammad ibn ‘Alī ibn Muḥammad, *Irshād al-Fuṣul ilā Tahqīq al-Haq min ‘Ilm al-Uṣūl* (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994), 1:358.

- a) *Maṣlahah ḍarūriyyāt*, iaitu segala yang paling penting dalam kehidupan manusia dimana kehidupan manusia akan menjadi rosak sama ada di dunia atau di akhirat jika kepentingan asas ini tidak ada atau tidak dipenuhi.<sup>87</sup>
- b) *Maṣlahah ḥājiyyah*, iaitu keperluan hidup untuk memudahkan kehidupan di dunia dan akhirat yang mana manusia akan menghadapi kesempitan sekiranya asas ini tidak dipenuhi.<sup>88</sup>
- c) *Maṣlahah taḥsīniyyāt*, iaitu keperluan yang berbentuk keselesaan dan kecantikan. *Maṣlahah* ini juga merupakan pelengkap atau penambahbaikan kepada *ḍarūriyyāt* dan *taḥsīniyyāt*.<sup>89</sup>

Setelah diteliti, *maṣlahah* yang diaplikasikan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* ini melibatkan dua *maṣlahah* sahaja iaitu *maṣlahah ḍarūriyyāt* dan *maṣlahah ḥājiyyāt*.<sup>90</sup> Penulis melihat, penggunaan *maṣlahah* ini adalah merujuk kepada tujuan hutang isi rumah itu sendiri. Hal ini kerana, tujuan hutang ini mampu memberi kesan kepada hukum syarak yang menolak segala bentuk hutang yang bertujuan untuk kemewahan dan perkara yang diharamkan.

Bagi *maṣlahah ḍarūriyyāt*, penulis dapati pihak LZS begitu mengambil berat terhadapnya dengan membantu dari sudut kewangan seperti peruntukan kepada hutang rawatan dialisis, pesakit yang menjalani pembedahan dan sebagainya.<sup>91</sup> Peruntukan kepada hutang dialisis dan perubatan ini merupakan peruntukan yang tertinggi dalam agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* ini.<sup>92</sup> Hal ini kerana kos perubatan ketika ini sangat tinggi dan mereka tidak mampu untuk membayarnya. Sekiranya mereka ini diabaikan, maka secara tidak langsung akan mengakibatkan ancaman kepada nyawa

<sup>87</sup> Ibrāhīm bin Mūsā al-Lakhmī al-Syātibī, *al-Muwāfaqāt fī Usūl al-Syarī'ah*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2004), 221.

<sup>88</sup> *Ibid.*, 222.

<sup>89</sup> *Ibid.*, 223.

<sup>90</sup> Informan A, dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2017.

<sup>91</sup> Lembaga Zakat Selangor, “Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2015”, Januari 2016, 54.

<sup>92</sup> Informan A, dalam temu bual dengan penulis, 18 september 2017.



mereka. Perkara ini sangat dititik-beratkan dalam Islam supaya memberi perlindungan nyawa kepada umatnya seperti yang terkandung dalam *maqāṣid al-sharī'ah*. Disebabkan itu, zakat memainkan peranan penting dalam memastikan nyawa umat Islam sentiasa dilindungi.

Kemudian, bagi *maṣlahah ḥājiyyāt* pula, penulis dapati pihak LZS mengambil kira aspek *maṣlahah* ini dalam meletakkan syarat-syarat serta kriteria asnaf *al-ghārimīn* ini. Sebagai contoh, LZS membantu asnaf ini dari sudut bayaran bil-bil utiliti seperti bil elektrik dan air di samping meletakkan syarat-syarat tertentu dalam memastikan tiada manipulasi yang berlaku daripada pihak asnaf.<sup>93</sup> Selain itu, pihak LZS juga memperuntukkan wang zakat untuk hutang badan persatuan untuk *maṣlahah* ummah seperti hutang memperbaiki madrasah atau surau dan termasuk juga pengurusan jenazah tanpa waris.<sup>94</sup> Bantuan-bantuan yang diberikan ini dilihat termasuk dalam *maṣlahah ḥājiyyāt* dalam meninggikan martabat agama Islam dan umatnya.

Seterusnya, pihak LZS juga mempraktikkan pengamalan *maṣlahah* dalam agihan zakat kepada asnaf ini melalui penetapan kadar bantuan berdasarkan tangga gaji. Prinsip *maṣlahah* yang diamalkan dalam penetapan tangga gaji ini ialah ketetapan bantuan yang didasari dengan sifat keadilan dalam mengangkat kesusahan pada asnaf. Keadilan yang dimaksudkan di sini ialah menghilangkan kesusahan mereka mengikut kepada tingkatan kesusahan tersebut di samping mengambil kira pendapatan dan tanggungan mereka. Sebagai contoh, mereka yang berpendapatan RM 5,000 dan ke bawah, pihak LZS akan membantu membiayai keseluruhan hutang tersebut setelah didapati menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan.<sup>95</sup> Penetapan kadar minimum ini dilakukan setelah mengambil kira kos sara hidup yang semakin tinggi saban hari ini terutama melibatkan isi rumah yang tinggal di bandar. Prinsip yang diamalkan ini juga

---

<sup>93</sup> *Ibid.*

<sup>94</sup> *Ibid.*

<sup>95</sup> *Ibid.*

bertepatan dengan *qawā'id al-fiqhiyyah* (kaedah-kaedah fiqh) iaitu الضراريزال<sup>96</sup> yang bermaksud, kemudharatan mesti dihindarkan. Kemudharatan yang dimaksudkan dalam perbincangan ini ialah bebanan hutang yang tidak mampu dilunaskan oleh asnaf.

## 2.7 KESIMPULAN

Setelah dibentangkan perbahasan para ulama' klasik dan kontemporari serta pencerahan daripada institusi-institusi zakat di Malaysia amnya berkenaan definisi *al-ghārimīn*, dapat difahami bahawa bukan semua golongan yang berhutang diklasifikasikan sebagai asnaf *al-ghārimīn*, bahkan perlu melalui proses penilaian yang ketat melalui kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Seterusnya, pendefinisian yang diberikan oleh institusi-institusi zakat di Malaysia adalah tidak selaras disebabkan kefahaman yang berbeza berkenaan asnaf ini serta faktor-faktor lain seperti jumlah peruntukan zakat yang berbeza-beza antara setiap negeri. Selain itu, ilmu *maqāṣid al-sharī'ah* juga menjadi rujukan utama kepada ulama' klasik dan kontemporari termasuk institusi-institusi zakat di Malaysia dalam memastikan agihan zakat ini diagihkan kepada asnaf yang betul dan tepat.

---

<sup>96</sup> Ahmad bin Muḥammad al-Zarqā, *Sharḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah* (Damsyiq: Dār al-Qalam, 1938), 179.

## **BAB 3: PENGAGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF *AL-GHĀRIMĪN* DI SELANGOR**

### **3.1 PENDAHULUAN**

Dalam bab ini, penulis akan menjelaskan tentang pentafsiran, pelaksanaan dan pengurusan agihan zakat terhadap asnaf *al-ghārimīn* di Selangor yang dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Selangor. Bagi mendapatkan gambaran menyeluruh terhadap kajian ini, penulis akan menyentuh tentang sejarah dan latar belakang Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) atau sebelumnya dikenali sebagai Pusat Zakat Selangor (PZS), statistik agihan zakat *al-ghārimīn* serta pendirian LZS dalam memberikan pentafsiran terhadap golongan *al-ghārimīn*. Seterusnya, disentuh juga tentang skim-skim bantuan yang ditawarkan oleh LZS terhadap golongan ini. Kemudian, penulis akan membicarakan tentang prinsip-prinsip agihan zakat kepada asnaf ini yang diaplikasikan oleh LZS dan yang terakhir, penulis akan memberikan kesimpulan keseluruhan untuk bab ini.

### **3.2 LATAR BELAKANG LEMBAGA ZAKAT SELANGOR**

Di Selangor, telah diketahui umum bahawa kedudukan zakatnya sentiasa mengalami perkembangan yang positif selaras dengan realiti semasa. Berhubung perkara yang berkaitan dengan pentadbiran zakat di negeri ini, iaitu telah diperutukkan dalam fasal 107 dan 108 di bawah Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor Bil. 3, tahun 1952 yang menyatakan mengenai kuasa dan tanggungjawab Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) berhubung pentadbiran urusan zakat. Dari aspek pelaksanaannya pula, segala urusan pentadbiran zakat diletakkan di bawah tanggungjawab Baitulmal Selangor

dan hal ini telah mendapat persetujuan daripada Sultan Selangor bagi mengendalikan urusan Baitulmal tersebut.<sup>1</sup>

Sejak pengurusan zakat diletakkan di bawah bidang kuasa Baitulmal Selangor, peranannya tidak dapat berjalan dengan sempurna pada tahap yang maksimum. Keadaan ini disebabkan oleh pengurusan zakat yang dilaksanakan secara konservatif, tradisional dan tidak arif. Faktor seperti kekurangan kakitangan dan tenaga terlatih yang berkemahiran tinggi terutamanya dalam bidang pengurusan, perakaunan, komputer dan sebagainya turut mempengaruhi keadaan tersebut. Di tambah pula dengan bebanan kerja yang terus meningkat, pengurusan zakat kelihatan seperti lemah, kurang berfungsi dan tidak cekap. Maka, keadaan itu secara tidak langsung memberi kesan negatif kepada jumlah kutipan zakat di negeri ini.

Namun, jika dilihat pada kedudukan ekonomi Islam di Selangor yang semakin memberangsangkan, jumlah kutipan di negeri ini sepatutnya mencatatkan angka yang lebih besar. Maka, atas dasar inilah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah melakukan satu reformasi dalam pengurusan zakat di negeri ini melalui langkah pertamanya iaitu dengan mengkorporatkan sebahagian daripada pengurusan zakatnya iaitu bahagian pungutan dengan menubuhkan Pusat Zakat Selangor (PZS), Majlis Agama Islam Selangor sekitar era tahun 1990.<sup>2</sup>

Merujuk kepada sejarah, Pusat Pungutan Zakat (Majlis Agama Islam Selangor) telah ditubuhkan dan didaftarkan secara rasmi pada 15 Februari 1994 di atas nama MAIS Zakat Sdn. Bhd. Institusi yang merupakan anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Majlis Agama Islam Selangor dengan bayaran modal sebanyak RM 500,000. Penubuhan PPZ (MAIS) ini bertujuan untuk memperbaiki kaedah pengurusan

---

<sup>1</sup> Ahmad Ibrahim, *Islamic Law In Malaysia* (Singapore: Malaysia Sociological Ltd., 1956), 151.

<sup>2</sup> Artikel PZS, *Pengkorperatan Bahagian Kutipan Zakat di Selangor Darul Ehsan*, (Selangor: Majlis Agama Islam Selangor, 2003), 1-2.

zakat yang sedia ada kepada sistem pengurusan yang lebih efektif dan profesional seperti yang diaplikasikan dalam dunia korporat masa kini.

Institusi ini mula beroperasi sepenuhnya pada Oktober 1995 setelah segala segala persiapan dan kelengkapan meliputi pengambilan baharu dan penambahan kakitangan, penyediaan perisian sistem komputer, penyediaan borang-borang dalam bentuk yang baharu termasuk resit zakat yang baharu, penyempurnaan kelengkapan pejabat, penyediaan peraturan-peraturan kerja, latihan kakitangan dan sebagainya dapat disempurnakan. Selaras dengan itu, nama PPZ (MAIS) telah ditukar kepada Pusat Zakat Selangor (MAIS) atau nama singkatannya PZS (MAIS) pada 30 Oktober 1996.<sup>3</sup>

Dengan beroperasinya PZS (MAIS) ini, maka secara rasminya institusi ini telah diberikan mandat untuk menguruskan pungutan dan agihan zakat di Selangor bagi pihak Majlis Agama Islam Selangor. Sehubungan dengan itu, segala urusan kutipan zakat di Selangor tidak lagi berada di bawah pentadbiran Baitulmal, tetapi diselia oleh sebuah Majlis Lembaga Pengarah yang dianggotai oleh pelbagai golongan yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing sama ada dalam bidang syariah mahupun profesional yang lain. Kesemua ahli yang menganggotai Lembaga Pengarah PZS (MAIS) ini adalah berdasarkan perlantikan yang dilakukan oleh pihak Majlis Agama Islam Selangor.<sup>4</sup>

Bagi memastikan pengurusan zakat dapat dilaksanakan dengan lebih efisien lagi, MAIS mengorak langkah ke hadapan dengan memberi mandat kepada PZS bagi

---

<sup>3</sup> Ahmad Shahir bin Makhtar, *Paradigma Pengurusan Institusi Zakat: Pengalaman Lembaga Zakat Selangor (MAIS)* (Selangor: Lembaga Zakat Selangor, 2007), 3.

<sup>4</sup> Noorhaslinda binti Kulub Abdul Rashid, "Pelaksanaan Agihan Zakat Terhadap Asnaf Fakir Dan Miskin Dalam Membasmi Kemiskinan: Kajian Khusus Di Pusat Zakat Selangor" (tesis sarjana, Universiti Malaya, 2004), 81-82.

menguruskan kutipan zakat fitrah dan padi serta agihan zakat pada tahun 1998.<sup>5</sup> Antara tujuan penyerahan mandat ini adalah bagi memastikan semua pengurusan zakat di negeri Selangor dapat diurus dengan lebih baik di bawah satu institusi dan MAIS dapat memberi fokus kepada urusan kepentingan umat Islam yang lain seperti pembangunan harta wakaf, pusaka dan sebagainya.

Kemudian, setelah berlakunya perkembangan yang positif ini, PZS (MAIS) sekali lagi bertukar nama kepada Lembaga Zakat Selangor (MAIS) atau nama singkatannya LZS (MAIS) yang telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor pada 31 Januari 2006 bersamaan 1 Muharram 1427H. Di antara justifikasi penukaran PZS kepada LZS adalah agar dapat memberi imej baharu kepada PZS dari segi urusan kutipan dan agihan zakat yang telah mencapai RM100 juta setahun, di samping membawa tanggungjawab yang lebih besar dari segi kutipan, pengagihan zakat, perkhidmatan pelanggan dan organisasi keseluruhannya. Kesemua pengurusan, operasi dan kepentingan PZS diserap terus kepada LZS termasuk kakitangan.<sup>6</sup>

### 3.3 KUTIPAN ZAKAT DI LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (2010-2016)

Zakat merupakan salah satu rukun Islam yang kelima. Kewajipan zakat ini telah dinyatakan oleh Allah SWT melalui firman-Nya:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٥٦﴾

(Surah al-Nūr, 24:56)

Maksudnya: dan dirikanlah sembahyang, tunaikanlah zakat, dan taatlah kepada rasul, supaya kamu diberi rahmat.

<sup>5</sup> Ahmad Shahir bin Makhtar et al., "Pengurusan Zakat di Negeri Selangor: Isu dan Cabaran" (Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan & Pengurusan Harta dalam Islam, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam Univerisiti Kebangsaan Malaysia, 14 Julai 2010), 1-3.

<sup>6</sup> *Ibid.*, 3.

Melalui pelaksanaan kewajipan zakat ini, umat Islam sebenarnya dapat membersihkan harta daripada perkara-perkara yang buruk sepertimana firman Allah SWT:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

(Surah al-Tawbah, 9:103)

Maksudnya: Ambillah zakat dari sebagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka dan mendoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. dan Allah Maha mendengar lagi Maha mengetahui.

Daripada ayat ini, dapat difahami bahawa zakat itu sebenarnya dapat membersihkan diri umat Islam dari kefakiran dan cinta yang berlebih-lebihan kepada harta benda dunia. Selain itu, zakat juga berperanan untuk menyuburkan sifat-sifat kebaikan dalam hati umat Islam dan memperkembangkan harta benda mereka.

Antara zakat yang wajib dibayar oleh umat Islam ialah zakat wang simpanan. Zakat ini dikenakan ke atas jumlah baki terendah dalam tempoh setahun simpanan apabila cukup nisab dan haulnya serta menyamai atau melebihi nisab selepas ditolak dengan faedah atau dividen untuk akaun konvensional. Seterusnya zakat perniagaan, zakat emas dan perak, zakat saham, zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), zakat tanaman seperti padi dan zakat ternakan.<sup>7</sup>


Zakat perlu diuruskan dengan sebaik mungkin agar peranannya dalam membantu umat Islam berjalan dengan lancar. Institusi Zakat setiap negeri ditubuhkan untuk memikul tanggungjawab ini. Di Selangor, Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah memainkan peranan penting dalam pengurusan zakat. Dari sudut kutipan zakat, LZS telah menyediakan pelbagai inisiatif kepada para pembayar zakat dalam memastikan

<sup>7</sup> Lembaga Zakat Selangor, *Zakat dan Anda* ((Selangor: Penerbit Lembaga Zakat Selangor, 2015), 10-18.

pembayaran dapat dilakukan dengan mudah. Sebagai contoh, pihak LZS telah melancarkan kaunter pembayaran zakat bergerak yang turun ke lapangan. Pihak LZS juga tidak ketinggalan dalam dunia teknologi yang serba canggih iaitu dengan memperkenalkan kaedah pembayaran zakat secara atas talian (*online*).<sup>8</sup> Antara ejen khidmat *online* ini ialah Maybank, CIMB Bank, Publik Bank, Bank Islam, RHB Bank, AFFIN Bank, ALLIANCE Bank, AMBANK dan banyak lagi.<sup>9</sup> Di samping itu, LZS telah membuka 28 cawangan di seluruh kawasan Selangor serta 13 kaunter ejen kutipan zakat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) bagi memudahkan proses pembayaran zakat.<sup>10</sup>

Semenjak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengkorporatkan bahagian pengurusan kutipan dan agihan zakat di bawah Lembaga Zakat Selangor (LZS) pada 15 Februari 1994,<sup>11</sup> laporan menunjukkan prestasi peningkatan yang memberangsangkan berlaku terhadap kutipan zakat di Selangor dari tahun 2010 sehingga 2016.<sup>12</sup> Rajah di bawah menunjukkan statistik kutipan zakat dari tahun 2010 hingga 2016:

Rajah 3.1. Statistik Kutipan Zakat Tahun 2010-2016



Sumber: Lembaga Zakat Selangor

<sup>8</sup> Lembaga Zakat Selangor, *Majalah Asnaf 2015* (Selangor: Penerbit Lembaga Zakat Selangor, 2015), 1:14.

<sup>9</sup> Lembaga Zakat Selangor, *Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2015* (Selangor: Penerbit Lembaga Zakat Selangor, 2016), 72.

<sup>10</sup> *Ibid.*


<sup>11</sup> Lembaga Zakat Selangor, *Majalah Asnaf 2015*, 1:14.

<sup>12</sup> Lembaga Zakat Selangor, "Laporan Kutipan dan Agihan Zakat Selangor", dicapai 9 Ogos 2017, [www.zakatselangor.com.my/laporan-kutipan-dan-agihan-zakat/](http://www.zakatselangor.com.my/laporan-kutipan-dan-agihan-zakat/).



Rajah di atas menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan terhadap kutipan zakat di Selangor dalam tempoh tujuh tahun. Peratusan kutipan ini meningkat di antara 7.4 sehingga 18.8 peratus. Rajah berikut menunjukkan peratusan agihan zakat dari tahun 2010 hingga 2016:

Rajah 3.2. Graf Peratusan Kutipan Zakat Tahun 2010-2016



Sumber: Lembaga Zakat Selangor

Rajah di atas menunjukkan graf peratusan kutipan zakat bagi tempoh tujuh tahun yang sedikit terumbang-ambing walaupun berlaku peningkatan jumlah kutipan setiap tahun. Dari tahun 2010 hingga 2011 menunjukkan sedikit penurunan iaitu sebanyak 2.1 peratus diikuti tahun 2011 hingga 2012, penurunan sebanyak 2.2 peratus. Walau bagaimanapun, dari tahun 2012 hingga 2013, menunjukkan sedikit peningkatan iaitu sebanyak 0.1 peratus. Seterusnya, peratusan kembali merosot dari tahun 2013 hingga 2014 iaitu 2.0 peratus, dan terus merosot dari 2014 hingga 2015 iaitu sebanyak 4.9 peratus. Kemerosotan peratusan ini berterusan sehingga tahun berikutnya iaitu sebanyak 0.3 peratus. Walaupun graf ini menunjukkan sedikit kemerosotan pada peratusan agihan, namun prestasi keseluruhan kutipan zakat masih lagi menunjukkan peningkatan yang positif setiap tahun.

Prestasi kutipan yang kukuh ini didorong oleh beberapa aspek, antaranya peningkatan kutipan yang sebahagian besarnya disumbangkan melalui zakat pendapatan iaitu sebanyak RM 386 juta diikuti dengan zakat perniagaan sebanyak RM 117.3 juta,

zakat harta sebanyak RM 39.3 juta, zakat simpanan sebanyak RM 38.1 juta, zakat saham sebanyak RM 10.2 juta, zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak RM 9.7 juta, zakat tanaman sebanyak RM 2.5 juta, zakat emas sebanyak RM RM 2.5 juta, zakat fitrah sebanyak RM 21.5 juta dan selebihnya melalui zakat perak dan zakat ternakan yang berjumlah RM 0.1 juta.<sup>13</sup>

Peningkatan kutipan zakat ini juga menunjukkan bahawa tahap kesedaran umat Islam terhadap kewajipan zakat di Selangor khususnya semakin meningkat. Ini kerana hasil usaha yang berterusan oleh pihak LZS dengan menyediakan pelbagai program dan kemudahan untuk memastikan kewajipan zakat dapat ditunaikan oleh umat Islam seperti yang dinyatakan sebelum ini. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan masih terdapat segelintir daripada umat Islam yang mengambil mudah terhadap kewajipan zakat ini sehingga tidak mengeluarkan zakat walaupun telah mencukupi syarat-syaratnya. Justeru, pihak LZS perlu sentiasa komited dalam melaksanakan program-program ini untuk memastikan kutipan zakat ini mencapai pada tahap yang optimum.

#### **3.4 AGIHAN ZAKAT DI LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (2010-2016)**

Pengagihan kekayaan dalam Islam terbina atas dasar hormat-menghormati hak individu dengan tujuan untuk memenuhi keperluan dan hajat mereka dengan menjaga prinsip-prinsip kemanusiaan.<sup>14</sup> Begitu juga terdapat prosedur-prosedur yang dilaksanakan di peringkat Divisyen Agihan, Lembaga Zakat Selangor (LZS) untuk merealisasikan konsep pengagihan bantuan zakat yang sebenar. Secara tidak langsung pelaksanaan ini dapat melicinkan urusan tadbir dalam proses pengagihan zakat.

Dari sudut agihan zakat di Selangor, LZS telah memperkenalkan pelbagai skim serta program bantuan yang tersusun dan sistematik bagi memudahkan agihan kepada

---

<sup>13</sup> Lembaga Zakat Selangor, *Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2015*, 5.

<sup>14</sup> Al-Şālihin, 'Abd al-Majīd, "Al-'Adālah al-Tawzī'iyyah fī Nizām al-Mālī al-Islāmiyy" *Majallāt al-Sharī'ah wa al-Qanūn*, 13 (2007), 320.

para asnaf. Antaranya, dipecahkan program-program agihan zakat ini kepada lima program utama iaitu:<sup>15</sup>

1. Program Pembangunan Sosial
2. Program Pembangunan Pendidikan
3. Program Pembangunan Insan
4. Program Pembangunan Institusi Agama
5. Program Pembangunan Ekonomi

#### a) Program Pembangunan Sosial

Asnaf	Jenis Bantuan
Fakir dan Miskin	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantuan kewangan dan makanan bulanan.</li> <li>• Sumbangan hari raya.</li> <li>• Bina dan baik pulih rumah.</li> <li>• Bantuan kecemasan/runcit.</li> <li>• Bantuan sewa rumah.</li> </ul>
Muallaf	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kewangan bulanan.</li> <li>• Bantuan sewa rumah.</li> <li>• Sumbangan hari raya.</li> <li>• Bina dan baik pulih rumah.</li> <li>• Pembinaan rumah perlindungan.</li> </ul>
<i>Fī Sabīlillah</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Elaun pegawai dan ahli jawatankuasa masjid.</li> </ul>
<i>Al-Ghārimīn</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hutang rawatan dialisis dan perubatan.</li> <li>• Hutang kerana keperluan hidup.</li> </ul>

Sumber: Lembaga Zakat Selangor

#### b) Program Pembangunan Pendidikan

Asnaf	Jenis Bantuan
Fakir dan Miskin	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keperluan pendidikan dan yuran sekolah menengah dan rendah.</li> <li>• Basiswa pelajaran.</li> </ul>
Muallaf	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Elaun kehadiran Kelas Agama Asas.</li> <li>• Dermasiswa.</li> <li>• Bantuan umum pelajaran.</li> </ul>
<i>Fī Sabīlillah</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantuan umum pelajaran.</li> <li>• Elaun guru KAFA.</li> <li>• Kolej Universiti Islam Selangor.</li> <li>• Dermasiswa pelajar luar negara.</li> <li>• Dermasiswa ḥuffāz Qur'ān.</li> </ul>

Sumber: Lembaga Zakat Selangor

<sup>15</sup> Lembaga Zakat Selangor, *Majalah Asnaf 2014* (Selangor: Lembaga Zakat Selangor, 2014), 8.

### c) Program Pembangunan Institusi Agama

Asnaf	Jenis Bantuan
<i>Fī Sabīlillah</i>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pembinaan atau baik pulih surau.</li><li>• Pembinaan atau baik pulih sekolah agama.</li><li>• Pembinaan atau baik pulih surau sekolah.</li><li>• Pembinaan atau baik pulih masjid.</li></ul>

Sumber: Lembaga Zakat Selangor

### d) Program Pembinaan Insan

Asnaf	Jenis Bantuan
Fakir dan Miskin	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengurusan rumah perlindungan.<ul style="list-style-type: none"><li>- Bayt Al-Ḥaṣānah (anak asnaf)</li></ul></li><li>• Pengurusan rumah perlindungan.<ul style="list-style-type: none"><li>- Bayt Al-Mawaddah (warga emas)</li></ul></li></ul>
Muallaf	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pusat latihan muallaf.</li><li>• Kursus dan latihan.</li></ul>
<i>Riqāb</i>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Program pemulihan akhlak (Baytul Eḥsān).</li><li>• Pusat pemulihan dadah tegar.</li><li>• Program pemulihan akidah (Baytul Imān).</li><li>• Pembinaan Kompleks Pemurnian Akidah.</li></ul>

Sumber: Lembaga Zakat Selangor

### e) Program Pembangunan Ekonomi

Asnaf	Jenis Bantuan
Fakir dan Miskin	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bantuan modal. (Perniagaan/Perikanan/Penternakan/Pertanian)</li></ul>
Muallaf	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bantuan modal. (Perniagaan/Perikanan/Penternakan/Pertanian)</li></ul>

Sumber: Lembaga Zakat Selangor

Dengan wujudnya program-program seperti ini, maka segala pengurusan agihan zakat dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan lancar di samping dapat memudahkan proses analisis terhadap keberkesanan agihan zakat ini. Menurut pengamatan penulis, transformasi yang dilakukan oleh LZS sangat efektif sehingga sejak kebelakangan ini, agihan yang dilakukan melebihi daripada jumlah kutipan zakat.<sup>16</sup>

<sup>16</sup> Lembaga Zakat Selangor, "Laporan Kutipan dan Agihan Zakat Selangor", dicapai 9 Ogos 2017.

Perkembangan ini didorong oleh sifat keterbukaan Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam menerima maklum balas serta komen daripada masyarakat terhadap pengurusan yang diurus tadbir oleh mereka. Selain itu, pelantikan kakitangan di dalamnya yang terdiri daripada pelbagai kepakaran ilmu membolehkan nilai tambah dalam memastikan institusi ini sentiasa di landasan yang terbaik dalam perkhidmatannya.<sup>17</sup>

Di samping itu, LZS juga berpegang teguh dengan prinsip agihan zakat yang mencakupi lima belas prinsip utama dalam memastikan agihan tersebut bertepatan dengan kehendak syarak. Sebelum pengagihan zakat itu dilakukan, LZS menerusi unit operasi agihan asnaf dari Divisyen Agihan akan turun padang meneliti serta menyiasat dahulu permohonan yang dilakukan oleh setiap asnaf.<sup>18</sup> Hal ini kerana terdapat sebilangan daripada mereka yang memohon zakat tidak jujur ketika mengisi borang zakat dan memberi maklumat yang palsu serta mengambil kesempatan di atas bantuan yang diberikan.<sup>19</sup> Oleh itu, melalui pelaksanaan yang dijalankan ini, diharapkan agihan zakat yang dilakukan oleh LZS disalurkan kepada asnaf yang tepat.

### **3.4.1 Statistik Agihan Zakat**

Di Selangor, data dari statistik portal rasmi Lembaga Zakat Selangor (LZS) menunjukkan perkembangan yang positif terhadap agihan kepada lapan asnaf zakat. Hal ini dibuktikan melalui peningkatan agihan dari tahun ke tahun terhadap agihan keseluruhan zakat kepada lapan asnaf ini.<sup>20</sup> Rajah di bawah menunjukkan statistik agihan zakat kepada seluruh asnaf yang lapan di Selangor bagi tempoh tujuh tahun:

---


<sup>17</sup> Mohamed Izam bin Mohamed Yusof, *Pengurusan Zakat di Negeri Selangor: Mengorak Langkah Menuju Peubahan* (Selangor: Lembaga Zakat Selangor, t.t.), 1-2.

<sup>18</sup> Informan A (Pegawai Bahagian Syariah Agihan Zakat Selangor, Lembaga Zakat Selangor), dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2017.

<sup>19</sup> *Ibid.*

<sup>20</sup> Lembaga Zakat Selangor, "Laporan Kutipan dan Agihan Zakat Selangor", dicapai 9 Ogos 2017, [www.zakatselangor.com.my/laporan-kutipan-dan-agihan-zakat/](http://www.zakatselangor.com.my/laporan-kutipan-dan-agihan-zakat/).


Rajah 3.3. Statistik Agihan Zakat kepada Lapan Asnaf Tahun 2010-2016



Sumber: Lembaga Zakat Selangor

Rajah di atas menunjukkan peningkatan yang berlaku terhadap agihan zakat kepada seluruh asnaf yang dilaksanakan oleh LZS. Peratusan peningkatan agihan zakat ini sekitar 3.2 hingga 28.5 peratus. Rajah berikut menunjukkan peratusan agihan zakat bagi keseluruhan asnaf zakat dari tahun 2010 hingga 2016:

Rajah 3.4 Graf Peratusan Agihan kepada Lapan Asnaf Tahun 2010-2016



Sumber: Lembaga Zakat Selangor

Rajah di atas menunjukkan graf peratusan agihan zakat bagi tempoh tujuh tahun yang tidak sekata iaitu turun dan naik dalam graf agihan ini walaupun berlaku konsistensi dalam peningkatan jumlah agihan setiap tahun terutamanya peningkatan yang mendadak pada tahun 2015. Graf di atas menunjukkan peratusan agihan zakat dari tahun 2010 hingga 2011, telah berlaku penurunan sebanyak 3.36 peratus. Seterusnya penurunan peratusan agihan terus berlaku dari tahun 2011 hingga tahun 2012 iaitu sebanyak 5.44 peratus. Manakala dari tahun 2012 hingga 2013 pula menunjukkan

peningkatan peratusan agihan sebanyak 7.8 peratus dan berterusan meningkat pada tahun 2014 iaitu sebanyak 13.1 peratus yang merupakan peratusan agihan yang tertinggi dalam tempoh tujuh tahun. Kemudian dari tahun 2014 hingga 2015 pula menunjukkan kemerosotan semula peratusan agihan ini iaitu sebanyak 15 peratus dan berterusan kemerosotan ini pada tahun berikutnya iaitu sebanyak 10.3 peratus. Walaupun graf ini menunjukkan keadaan peratusan yang tidak sekata pada peratusan agihan ini dalam tempoh tersebut, namun prestasi agihan keseluruhan zakat setakat ini masih lagi menunjukkan peningkatan yang positif setiap tahun bahkan agihan ini pernah melebihi daripada jumlah keseluruhan kutipan zakat.<sup>21</sup>

### 3.4.2 Prinsip Agihan Zakat

Lembaga Zakat Selangor (LZS) sentiasa berpegang dengan prinsipnya dalam apa jua perkara yang melibatkan dengan pengurusan zakat. Sebagai contoh, LZS telah mengaplikasikan lima belas prinsip dalam agihan zakat kepada semua asnaf termasuk asnaf *al-ghārimīn* di Selangor. Berikut adalah prinsip-prinsip yang diamalkan:

#### a) *Al-Isti'āb* (Menyeluruh)

Perkataan *isti'āb* dalam bab zakat ini membawa maksud harta zakat wajib diagihkan kepada semua asnaf yang wujud iaitu meliputi asnaf *muqaddam* (terawal) dan asnaf *muakhkhar* (kemudian). Menurut pendapat kebanyakan *fuqaha'* dan *nuha'*, asnaf *muqaddam* terdiri daripada asnaf fakir, miskin, *'amil* dan *muallaf*. Ini kerana Allah SWT telah menggunakan perkataan *li* (لِ) yang bermaksud untuk. Ia berasal daripada huruf *lam* yang tergolong dalam kumpulan *lam al-idāfah*, iaitu *lam* yang digunakan bagi tujuan menyandarkan sesuatu pada pemiliknya atau menisbahkan sesuatu yang boleh dimiliki kepada orang yang memilikinya menurut pandangan ulama' naḥu.<sup>22</sup> Kemudian,

---

<sup>21</sup>

<sup>22</sup> 'Abbās Ḥasan, *al-Nahwū al-Wāfi* (Mesir: Dār al-Ma'ārif, 2008), 5:636 dan Mahmūd Ḥusnī Maghālasah, *al-Nahwū al-Shāfi*, (Jordan: Dār al-Bashīr, 1991), 1:242-243.

asnaf *muakkhar* pula terdiri daripada asnaf *al-ghārimīn*, *fi sabīlillah*, *riqāb* dan *ibn sabīl*.

Harta ini wajib diagihkan kepada setiap asnaf mengikut keperluan asnaf tersebut. Walau bagaimanapun, keutamaan hendaklah diberikan kepada empat asnaf yang terawal. Selain itu, pemindahan peruntukan dari satu asnaf ke asnaf yang lain dibenarkan dan keadaan ini mestilah berdasarkan kepada keperluan dan lebihan zakat yang ada dan harus diberi kepada tiga golongan jika pemberian (agihan) tersebut terus kepada asnaf tidak termasuk asnaf '*amil*.

Dalam prinsip ini, terdapat dua metodologi yang diaplikasikan oleh LZS iaitu pertama, metodologi berdasarkan asnaf *muqaddam* dan *muakkhar* dan yang kedua, metodologi berdasarkan sebab atau tujuan penerimaan zakat.<sup>23</sup> Bagi metodologi yang pertama, huraian telah dikupas di atas manakala bagi metodologi yang kedua, terdapat tiga sebab yang difokuskan terhadap asnaf iaitu keperluan, *ujrah* (upah) dan manfaat. Menurut informan A lagi, sekiranya mereka berpegang dengan metodologi yang pertama sahaja, maka keputusannya agihan zakat tersebut hanya terarah kepada empat asnaf yang *muqaddam* sahaja, manakala sekiranya mereka berpegang dengan metodologi yang kedua sahaja, maka agihan tersebut hanya akan terarah kepada lima asnaf sahaja iaitu fakir, miskin, *al-ghārimīn*, *riqāb* dan *ibn sabīl*. Maka, disebabkan itulah LZS mengamalkan kedua-dua metodologi ini dalam prinsip ini.<sup>24</sup>

#### **b) *Al-Ikhtisāṣ* (Ketetapan)**

Allah SWT telah menyebut dengan jelas dalam surah al-tawbah, ayat 60 tentang lapan golongan asnaf yang layak menerima harta zakat. Maka, dapatlah difahami bahawa tidak boleh sewenang-wenangnya memberikan harta atau peruntukan zakat kepada

---

<sup>23</sup> Informan A, dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2017.

<sup>24</sup> *Ibid.*



seseorang melainkan mereka itu benar-benar tergolong dalam asnaf yang telah dijelaskan oleh Allah SWT dalam kitab-Nya. Sehingga kini, tiada lagi ijthad dalam masalah menentukan asnaf yang menerima zakat kecuali pada perkara-perkara yang berkaitan dengan definisi, kriteria asnaf dan bentuk agihan kepada asnaf. Malah, sebarang *qiyās* yang hendak dibuat mestilah tidak keluar dari kelompok asnaf yang lapan.

Bagi pemohon-pemohon yang selain dari lapan asnaf yang berhak menerima harta zakat, tiada sebarang peruntukan yang akan diberikan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan yang paling penting, pengagihan dibuat kepada mereka yang menetap di Selangor dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh MAIS sahaja.<sup>25</sup> Walau bagaimanapun, terdapat pengecualian kepada asnaf *ibn sabīl* dan *fi sabīlillah* bagi pernyataan ini.

### c) *Al-Haq*

Secara hukumnya, peruntukan atau harta zakat yang dikumpulkan adalah hak asnaf yang wajib disalurkan kepada mereka sama ada dalam bentuk zat atau manfaah.<sup>26</sup> Kehilangan harta zakat yang disebabkan oleh kecuaiian mesti diganti semula. Polisi pengagihan harta zakat wajar dibuat dalam usaha melancarkan proses pengagihan, tetapi tidak boleh sehingga menafikan hak asnaf, manakala peruntukan zakat hendaklah diagihkan segera mengikut keperluan semasa asnaf. Di samping itu, bagi agihan yang tertangguh atau tertunggak untuk asnaf penerima yang telah diluluskan, maka perlu

---

<sup>25</sup> Lembaga Zakat Selangor, laman sesawang Lembaga Zakat Selangor, dicapai 9 Ogos 2017, [www.zakatselangor.com.my/my/post-format-video/zakat-anda-memahami-enam-prinsip-agihan/](http://www.zakatselangor.com.my/my/post-format-video/zakat-anda-memahami-enam-prinsip-agihan/)

<sup>26</sup> Zat adalah agihan yang berbentuk pemilikan sempurna seperti pemilikan wang tunai, bantuan modal, mesin, bot, rumah dan sebagainya. Manfaah ialah agihan berbentuk bukan pemilikan sempurna seperti program perlindungan, rumah sementara dan *qard al-ḥasan*.

diserahkan kepadanya sekalipun pada ketika itu beliau telah terkeluar daripada ciri-ciri sebagai asnaf.<sup>27</sup>

#### **d) *Al-Murāqabah* (Pengawasan)**

Prinsip kawalan dan pengawasan ini adalah yang paling rapi dalam urusan harta zakat di mana seorang pegawai yang menjaga bahagian akaun iaitu pegawai audit akan dilantik bagi tujuan untuk mengawal harta tersebut. Di LZS, wujud satu terma iaitu sekiranya di dapati pegawai yang mengawal harta tersebut lalai atau berlaku kehilangan, maka dia akan dipertanggungjawabkan untuk membayar kembali harta yang hilang itu.

Dalam prinsip ini juga, sebarang pengagihan zakat yang meragukan serta memerlukan kepada *qiyās* dan *ijtihad* baharu mestilah mendapat persetujuan dari Mufti Kerajaan Negeri Selangor. Selain itu, setiap pemohon hendaklah disiasat dan disahkan oleh sekurang-kurangnya dua orang yang dipercayai. Setiap peringkat keputusan dan kelulusan berkaitan pengurusan zakat juga perlulah dibuat dengan ciri-ciri sifat berikut:

- i) Takut kepada Allah SWT
- ii) Ikhlas
- iii) Amanah
- iv) Bertanggungjawab

Tidak memadai dengan itu, peringatan amanah terhadap penggunaan peruntukan zakat hendaklah diberikan kepada penerimanya setelah permohonan mereka disiasat dan disahkan oleh sekurang-kurangnya dua orang yang jujur dan boleh dipercayai. Di samping itu, pihak '*amil* berhak untuk mengawasi dan bertindak terhadap asnaf yang gagal menggunakan bantuan zakat sebaiknya mengikut pandangan syarak.

---

<sup>27</sup> Fatwa Selangor [bil.(10) dlm.Mufti Sel.500-1 Jld. 2]-2003.

Kembali kepada fokus kajian penulis mengenai asnaf *al-ghārimīn*, melalui prinsip ini, LZS telah membuat pantauan kepada pusat dialisis, tabung-tabung hospital yang telah diberikan geran oleh mereka.<sup>28</sup>

#### **e) *Al-Kifāyah* (Mencukupi had pemberian)**

Prinsip ini membawa maksud kecukupan dalam had pemberian iaitu memberikan dengan kadar yang secukupnya kepada asnaf yang telah dinyatakan dalam al-Qur'ān. Prinsip ini lebih tertumpu kepada asnaf fakir dan miskin. Peruntukan kepada asnaf hendaklah menepati keperluan asasi sebenar asnaf tersebut. Sebagai contoh, jika seseorang itu berhutang dan dia perlu membayar hutangnya dengan segera, sedangkan dia sudah tiada wang melainkan cukup untuk sara hidupnya sahaja, maka pihak LZS akan memberikannya peruntukan zakat sekadar untuk melunaskan hutangnya sahaja.

Setiap pemohon zakat akan dinilai kelayakannya berdasarkan kadar *had kifāyah* yang disediakan dan ditetapkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. Sekiranya kelayakan pemohon melebihi *had kifāyah*, maka *'amil* mesti mengambil kira kesukaran lain bagi pemohon jika ada untuk turut dipertimbangkan seperti:

- i- Status pekerjaan pemohon iaitu samada tetap atau sementara.
- ii- Pemohon atau ahli keluarga menghadapi masalah kesihatan kronik, sakit yang memerlukan kos rawatan berterusan atau kecacatan anggota yang menghalang daripada bekerja secara aktif.
- iii- Pemohon berumur lanjut atau tidak berupaya bekerja.
- iv- Pemohon menanggung anak yang ramai.
- v- Ibu bekerja atau bapa tunggal yang memerlukan kos tambahan kos penjagaan anak- anak semasa bekerja.
- vi- Lain-lain kesusahan yang dikenalpasti.

---

<sup>28</sup> Informan A, dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2017.

Kemudian, zakat yang diberikan kepada asnaf hendaklah berdasarkan kepada hak yang ditetapkan oleh syarak kepada asnaf. Pemohon juga diberi hak menerima zakat apabila pendapatannya adalah tidak memenuhi *ḥad kifāyah* yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor.

Menurut informan A, bantuan kepada asnaf *al-ghārimīn* adalah berdasarkan kepada tangga gaji.

*“Bantuan pada ghārimīn ni tak sama dengan bantuan fakir miskin yang dibantu penuh. Kami salurkan bantuan pada mereka berdasarkan tangga gaji”.*<sup>29</sup>

Berikut merupakan jadual tangga gaji yang dijadikan sebagai rujukan kepada LZS:

Jadual 3.1. Jadual tangga gaji untuk bantuan ke atas asnaf *al-ghārimīn*

Tangga gaji mengikut isi rumah (RM)	Peratusan bantuan untuk melunaskan hutang (%)
5,000 ke bawah	100
5,001 – 7,000	75
7,001 - 15,000	50
15,001 ke atas	0 (Tidak dibantu)

Sumber: Temu bual<sup>30</sup>

Berdasarkan jadual di atas, LZS akan merujuk tangga gaji yang ditetapkan ini bagi semua skim bantuan di bawah asnaf *al-ghārimīn*. Sebagai contoh hutang yang melibatkan keperluan hidup, sekiranya seseorang itu berpendapatan di bawah RM 5,000 dan berlaku tunggakan pembayaran utiliti Tenaga Nasional Berhad (TNB) sehingga dikeluarkan surat untuk dipotong bekalan elektrikanya, maka LZS akan membantu melangsaikan keseluruhan jumlah hutang tersebut (seratus peratus).<sup>31</sup>

<sup>29</sup> *Ibid.*

<sup>30</sup> Informan B (Ketua Jabatan Pengurusan Sosial dan Kebajikan) dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2017.

<sup>31</sup> *Ibid.*

**f) *Al-Fawriyyah* (Serta-merta)**

Dalam prinsip ini, *'amil* yang terlibat dalam memproses permohonan hendaklah menjalankan tugas dengan segera bersesuaian dengan prinsip *al-fawr* (serta merta). Prinsip ini menunjukkan bahawa agihan hendaklah dilaksanakan dengan segera setelah dipastikan asnaf yang menerimanya adalah layak menurut kaca mata syarak.

Bekenaan prinsip ini dalam asnaf *al-ghārimīn*, LZS akan melakukan pemprosesan segala dokumen dan yang berkaitan dengannya dalam tempoh empat belas hari waktu bekerja. Menurut informan A, mereka mengambil masa dua hari untuk proses *key in data* (memasukkan maklumat dalam rekod mereka), lima hari untuk melakukan siasatan terhadap asnaf yang memohon, dua hari untuk proses kelulusan, dan dua atau tiga hari untuk urusan kewangan dan pengeluaran surat.

**g) *Al-Amānah* (Amanah)**

Melalui prinsip ini, semua hasil kutipan zakat adalah merupakan amanah di tangan pengurusan (*'amil*) yang wajib diagihkan kepada asnaf yang berhak menerimanya. Di samping itu, segala urusan kutipan dan agihan zakat di Selangor akan diaudit oleh badan yang berautoriti setiap tahun bagi mengelakkan perkara seperti pecah amanah serta ketirisan peruntukan zakat berlaku.

**h) *Al-Khabar al-Sādiq* (Telus)**

Melalui prinsip ini, segala pengurusan agihan zakat hendaklah dilaksanakan dengan telus serta perlu dibentangkan dan diaudit. Berkenaan prinsip ini dalam asnaf *al-ghārimīn*, unit-unit dalam pengurusan di LZS akan di audit ke atas tempoh serta kelulusan bantuan. Di samping itu, penerima bantuan zakat juga hendaklah jujur memaklumkan serta tidak menyembunyikan maklumat bantuan yang diterima. Hal ini kerana terdapat

kes pesakit dialisis yang mendapat bantuan dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)<sup>32</sup> dan dalam masa yang sama, dia mendapat bantuan zakat.

**i) *Al-Taswiyah* (Wajar)**

Berkenaan dengan prinsip ini, segala hasil kutipan hendaklah diagihkan secara wajar kepada semua asnaf. Walau bagaimanapun, peruntukan bagi mana-mana asnaf yang tidak dapat dihabiskan, bolehlah dipindahkan kepada asnaf-asnaf lain mengikut keutamaan. Di samping itu, prinsip ini dalam asnaf *al-ghārimīn*, LZS akan selidiki lagi kewajaran untuk membantu mereka yang tidak menepati syarat, sebagai contoh bagi mereka yang tangga gaji mereka sejumlah RM 15,001 ke atas. Sekiranya terdapat kewajaran untuk dibantu, maka LZS akan menyalurkan bantuan juga berdasarkan kadar hajat sahaja.<sup>33</sup>

**j) *Al-Istiqlāl* (Berasingan)**

Prinsip ini bermaksud harta zakat yang diperolehi hendaklah diasingkan dari dana-dana lain yang tidak berkenaan dengan harta zakat.

**k) *Al-Iqtisād* (Berhemah)**

Melalui prinsip ini, segala perbelanjaan zakat hendaklah diurus secara berhemah. Maka dapat difahami bahawa segala perbelanjaan atau penggunaan peruntukan zakat yang tidak cekap dan penyelewengan adalah bertentangan dengan prinsip ini.

**l) *Al-Mas'ūliyyah* (Pertanggungjawaban)**

Segala perkara yang berkaitan dengan pengurusan zakat di Selangor adalah di bawah tanggungjawab LZS. Dalam prinsip ini, *'amil* yang dilantik hendaklah

---

<sup>32</sup> Portal Rasmi Bahagian Pasca Perkhidmatan, "Pesara", laman sesawang Jabatan Perkhidmatan Awam, dicapai 20 September 2017, [www.jpapencen.gov.my/pesara](http://www.jpapencen.gov.my/pesara)

<sup>33</sup> Informan A, dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2017.

bertanggungjawab terhadap harta zakat yang dikutip serta yang diagihkan olehnya. 'Amil juga diberi hak untuk menentukan syarat kelayakan dan kadar bantuan di samping perlu merujuk kepada Fatwa Negeri Selangor. Bagi pihak penerima bantuan zakat pula, mereka hendaklah bertanggungjawab terhadap penggunaan peruntukan zakat yang diterima agar digunakan untuk tujuan yang menepati syarak dan memenuhi keperluan.

**m) *Al-iḥṣā'* (Mendapatkan maklumat dengan lengkap)**

Prinsip *al-iḥṣā'* merupakan antara prinsip yang sangat penting dalam memastikan agihan zakat itu diagihkan kepada asnaf yang sebenar. Dalam prinsip ini, agihan zakat hendaklah dibuat berdasarkan bancian oleh 'amil yang meliputi kerja-kerja mengesan, menyiasat dan memperakukan calon yang berhak menerima zakat.

**n) *Al-ta'yīn* (Pencalonan)**

Melalui prinsip ini, agihan zakat boleh diberi kepada mereka yang dicalonkan oleh pembayar zakat sekiranya menepati syarat asnaf yang dipersetujui oleh 'amil.

**o) *Al-awlawiyyah* (Keutamaan)**

Prinsip yang terakhir ialah *al-awlawiyyah*. Dalam prinsip ini, agihan zakat hendaklah dilaksanakan mengikut keutamaan iaitu asnaf fakir, miskin, 'amil dan *muallaf*. Berdasarkan prinsip ini juga, sekiranya peruntukan untuk keempat-empat asnaf ini tidak mencukupi, maka pindahan peruntukan dari asnaf yang lain hendaklah dilakukan dengan mengutamakan keempat-empat asnaf ini. Selain itu, pengagihan zakat hendaklah dilaksanakan berdasarkan keutamaan dan keperluan asnaf.

Berkenaan prinsip ini dalam asnaf *al-ghārimīn*, LZS akan membantu mereka yang tidak mendapat bantuan atau yang lebih layak dibantu. Sebagai contoh, LZS akan mengutamakan asnaf yang bukan dari golongan fakir dan miskin, tetapi pendapatannya bawah daripada RM 5,000 berbanding mereka yang tangga gajinya RM 5,001 dan ke

atas. Contoh yang lain pula ialah mengutamakan bantuan rawatan di hospital kerajaan berbanding hospital swasta.

### **3.5 AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF *AL-GHĀRIMĪN* DI LEMBAGA ZAKAT SELANGOR**

Dalam memastikan hak-hak golongan yang termaktub dalam al-Qur'ān sebagai asnaf zakat terpenuhi, Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah mengambil inisiatif dengan merangka skim program atau skim bantuan agihan dana zakat kepada asnaf berlandaskan hukum syarak. Memandangkan kajian ini lebih tertumpu kepada asnaf *al-ghārimīn*, maka, penulis hanya akan menyentuh dan membicarakan tentang skim-skim di bawah asnaf ini sahaja.

Dalam program ini, skim bantuan zakat yang dilaksanakan oleh LZS kepada asnaf *al-ghārimīn* terbahagi kepada lima yang utama, iaitu bantuan untuk keperluan hidup, bantuan dialisis, bantuan hutang perubatan, bantuan hutang badan atau persatuan untuk masalah ummah dan bantuan pengurusan jenazah muslim tanpa waris. Manakala skim bantuan tambahan yang diletakkan di bawah asnaf ini ialah bantuan tabung perubatan hospital, bantuan hutang pendidikan dan bantuan hutang lain yang tidak bercanggah dengan hukum syarak.<sup>34</sup>

#### **3.5.1 Statistik Agihan Zakat kepada Asnaf *al-Ghārimīn* di Selangor tahun 2016**

Setelah kutipan zakat di Lembaga Zakat Selangor menunjukkan prestasi yang memberangsangkan setiap tahun, situasi yang sama juga berlaku kepada agihan zakat kepada lapan asnaf zakat. Dalam sub topik ini, penulis akan membincangkan dua aspek yang utama iaitu aspek statistik dan peratusan agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* di Selangor dan yang kedua, kedudukan asnaf *al-ghārimīn* dalam agihan keseluruhan zakat kepada asnaf yang lapan.


---

<sup>34</sup> *Ibid.*



**Pertama**, disebabkan kajian penulis memfokuskan kepada asnaf *al-ghārimīn* di Selangor, penulis datangkan statistik berkenaan agihan zakat kepada asnaf ini dalam tempoh tujuh tahun. Berikut merupakan statistik agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn*:


Rajah 3.5. Statistik Agihan Zakat kepada Asnaf *al-Ghārimīn* Tahun 2010-2016



Sumber: Lembaga Zakat Selangor

Rajah di atas menunjukkan peningkatan yang konsisten terhadap agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* sepanjang tempoh tujuh tahun. Berdasarkan rajah di atas, peningkatan yang sederhana berlaku kepada agihan ini dari tahun 2010 hingga 2012 dan 2014 hingga 2015. Kemudian, berlaku peningkatan yang mendadak pada tahun 2014 iaitu sejumlah RM 9.3 juta dan tahun 2016 iaitu sebanyak RM 13.33 juta. Peningkatan ini membuktikan LZS telah melaksanakan tanggungjawabnya sebaik mungkin. Di samping itu, disertakan juga di sini graf peratusan agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* bagi tempoh tujuh tahun seperti dalam rajah berikut:

Rajah 3.6. Graf Peratusan Agihan Zakat kepada Asnaf *al-Ghārimīn* Tahun 2010-2016



Sumber: Lembaga Zakat Selangor

Rajah di atas menunjukkan graf peratusan agihan zakat yang difokuskan kepada asnaf *al-ghārimīn*. Daripada graf ini, dapat dilihat kedudukan peratusan agihan ini yang turun dan naik bagi tempoh tujuh tahun. Pada tahun 2011 dan 2012, masing-masing berlaku penurunan sebanyak 0.2 peratus. Kemudian, pada tahun 2013, graf menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu sebanyak 1.5 peratus. Namun, pada tahun 2015, berlaku sekali lagi penurunan iaitu sebanyak 1.5 peratus. Akhir sekali, pada tahun 2016 menunjukkan peningkatan yang sangat mendadak iaitu sebanyak 2.6 peratus.

Sebagai rumusan, walaupun berlaku peningkatan kepada jumlah agihan zakat kepada keseluruhan asnaf dan khususnya kepada asnaf *al-ghārimīn*, namun kesannya kepada skala peratusan agihan kepada asnaf *al-ghārimīn* ini adalah kecil iaitu antara 8.4 peratus sehingga 10.4 peratus berbanding peratusan agihan asnaf yang lain. Hal ini menunjukkan bahawa agihan zakat di Selangor ini lebih memfokuskan kepada asnaf lain yang utama berbanding asnaf *al-ghārimīn* seperti asnaf fakir dan miskin, *fi sabīlillah* dan *‘amil*.

**Yang kedua**, sebelum menganalisis kedudukan asnaf *al-ghārimīn* dalam agihan zakat kepada asnaf yang lapan, penulis perlu memilih salah satu data agihan zakat yang terdapat dalam tempoh tujuh tahun ini. Justeru, penulis memilih untuk menggunakan data agihan zakat tahun 2016 kerana data ini adalah data yang terkini berbanding tahun-tahun yang sebelumnya. Jadual berikut menunjukkan agihan zakat kepada lapan asnaf di LZS bagi tahun 2016:

Jadual 3.2. Statistik agihan zakat di Selangor tahun 2016

Bil.	Kedudukan Asnaf	Jumlah Agihan Zakat (RM)	Peratusan (%)
1.	Miskin	200,234,552	28.7
2.	<i>Fī Sabīlillah</i>	150,174,800	21.5
3.	Fakir	98,441,593	14.1
4.	<i>‘Amīl</i>	84,217,035	12.1
5.	<i>Al-Ghārimīn</i>	72,864,047	10.4
6.	Muallaf	60,924,010	8.7
7.	<i>Riqāb</i>	30,431,614	4.4
8.	<i>Ibn Sabīl</i>	206,362	0.1

Bil.	Kedudukan Asnaf	Jumlah Agihan Zakat (RM)	Peratusan (%)
	<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>697,494,013</b>	<b>100</b>

Sumber: Laporan agihan zakat Selangor tahun 2016<sup>35</sup>

Daripada statistik agihan kepada asnaf di Selangor ini, didapati bahawa asnaf miskin menjadi penerima bantuan zakat yang utama berbanding asnaf-asnaf yang lain. Hal ini menunjukkan betapa komitednya LZS dalam menangani isu kemiskinan yang melanda umat Islam kini khususnya di Selangor. Kembali kepada fokus penulis, berdasarkan statistik agihan ini juga, didapati asnaf *al-ghārimīn* telah menduduki carta yang kelima tertinggi menerima agihan ini selepas daripada asnaf miskin, *fi sabīlillah*, fakir dan *‘amil* iaitu sebanyak 10.4 peratus daripada jumlah agihan keseluruhan tahun 2016.

Berdasarkan kedudukan asnaf yang dinyatakan ini, semua mempunyai hubungan rapat dengan susunan yang telah disebut oleh Allah SWT dalam surah al-Tawbah, ayat 60. Ayat ini mengandungi unsur *balāghah* (kesusteraan) yang amat halus. Sebagai contoh, Allah SWT telah menggunakan lafaz *li* (لِ) dan *fi* (فِي) ketika menyenaraikan lapan asnaf zakat ini. Ulama’ naḥū telah membahaskan dengan panjang lebar berkenaan penggunaan lafaz ini yang mempengaruhi kedudukan agihan asnaf-asnaf ini. Hasil perbincangan ulama’ naḥū ini,<sup>36</sup> mereka telah mengkategorikan asnaf *al-ghārimīn* dalam kumpulan asnaf *mutaakkhirīn* (terkemudian) disebabkan huruf *fi* ”فِي” yang terdapat pada ayat, maka disebabkan itu, kedudukan agihan asnaf ini berada dipertengahan dalam kedudukan agihan zakat di Selangor di samping kerana keutamaannya lebih rendah berbanding asnaf *mutaqaddimīn* (utama).

Berdasarkan jadual di atas, penulis dapati Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah mengagihkan zakat kepada seluruh asnaf zakat seperti yang telah disebut oleh Allah

<sup>35</sup> Lembaga Zakat Selangor, “Laporan Kutipan dan Agihan Zakat Selangor”, laman sesawang Lembaga Zakat Selangor, dicapai 9 Ogos 2017, [www.zakatselangor.com.my/laporan-kutipan-dan-agihan-zakat/](http://www.zakatselangor.com.my/laporan-kutipan-dan-agihan-zakat/).

<sup>36</sup> ‘Abbās Ḥasan, *al-Naḥwu al-Wāfi*, (Mesir: Dār al-Ma’ārif, 2008), 2:431.

SWT dalam surah al-Tawbah dan juga bertepatan dengan prinsip *isti'āb* iaitu agihan secara menyeluruh.

### 3.5.2 Skim Agihan Zakat kepada Asnaf *al-Ghārimīn*

Jadual di bawah menunjukkan skim bantuan di bawah asnaf *al-ghārimīn* yang telah dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Selangor:

Jadual 3.3. Skim bantuan di bawah asnaf *al-ghārimīn*

Bil.	Skim bantuan di bawah asnaf <i>al-ghārimīn</i>
1.	Hutang Rawatan Dialisis
2.	Hutang Perubatan <sup>37</sup>
3.	Hutang Kerana Keperluan Hidup
4.	Hutang Badan/Persatuan untuk <i>Maṣlahah</i> Ummah
5.	Pengurusan Jenazah Tanpa Waris

Sumber: Lembaga Zakat Selangor

#### a) Hutang kerana Keperluan Hidup

Sebelum mengulas lanjut berkenaan dengan bantuan hutang untuk keperluan hidup ini, penulis ingin menyatakan pencerahan daripada informan A berkenaan pentakrifan serta skop keperluan hidup ini. Menurut beliau, bantuan ini merangkumi keperluan asas untuk hidup.

*“Apa tu keperluan hidup? Iaitu lima perkara yang kita jaga tu, ḍaruriyyāt khamsah tu, aa.. perumahan untuk tempat tinggal, kesihatan, pendidikan, pengangkutan, satu lagi, aa.. makan minum”*<sup>38</sup>

Pentakrifan ini dikuatkan lagi dengan pencerahan yang diberikan oleh informan C yang meletakkan tempat tinggal, pakaian dan makanan di antara perkara yang penting dalam keperluan asas hidup.

*“Rumah, kemudian pakaian, kemudian makanan. Itu yang antara yang utama lah”*.<sup>39</sup>

<sup>37</sup> Hutang perubatan adalah hutang selain daripada hutang dialisis.

<sup>38</sup> Informan A, dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2017.

<sup>39</sup> Informan C, dalam temu bual dengan penulis, 30 Januari 2019.

Bantuan untuk keperluan hidup ini mencakupi keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal, utiliti, pengangkutan dan pendidikan. Bagi keperluan diri sendiri, fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor menetapkan syarat-syaratnya iaitu mestilah orang Islam, penghutang tidak mempunyai sumber kewangan untuk melangsaikan hutang, penghutang yang berhutang untuk keperluan asas dan tujuan yang berlandaskan hukum syarak, berhutang untuk diri dan tanggungan serta hutang-hutang yang mendesak yang tidak berulang dan tidak terancang.<sup>40</sup>

*“Untuk hutang yang tidak berulang ni ada kes, selalu kita bantu hutang utiliti. Contoh orang selalu ambik kesempatan ialah dia akan tunggak tiga bulan atau lima bulan, dia bagi zakat bayar, lepas tu dia tunggak lagi”.*<sup>41</sup>

Disebabkan sebelum ini pemohon telah melakukan penipuan dan merancang tunggakan hutang seperti utiliti, maka, LZS telah mengambil langkah untuk memperketatkan lagi syarat-syarat bantuan seperti yang telah dinyatakan di atas.

Menurut informan A lagi, hutang-hutang yang berjadual dan bertempoh tidak termasuk dalam kriteria-kriteria asnaf *al-ghārimīn* yang perlu dibantu. Tetapi, sekiranya berlaku tunggakan kepada hutang tersebut yang menyebabkan membawa kemudaratan kepada penghutang, maka LZS akan mempertimbangkan untuk membantu.

*“Bagi hutang yang bertempoh seperti bayaran ansuran rumah dan kereta, tak termasuk dalam kriteria untuk dibantu. Tapi, sekiranya hutang yang tertunggak itu boleh membawa kepada mudarat, proses bantuannya akan dipertimbangkan”.*<sup>42</sup>

Walau bagaimanapun, pihak LZS akan mempertimbangkan juga bantuan bagi kes hutang perumahan yang tertunggak sebagai contoh tunggakan selama tiga bulan berturut-turut sehingga dikeluarkan surat atau notis lelongan, tetapi dengan syarat

---

<sup>40</sup> Informan A, dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2017.

<sup>41</sup> Informan B, dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2017.

<sup>42</sup> Informan A, dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2017.

penghutang tersebut telah berusaha dan berikhtiar terlebih dahulu untuk melunaskannya. Jika akad pinjaman rumah itu dilakukan secara konvensional, maka penghutang perlu menukar terlebih dahulu akad tersebut kepada akad yang Islamik.<sup>43</sup>

Seterusnya menurut informan A dan informan B, bantuan yang akan dipertimbangkan oleh LZS juga ialah hutang kenderaan iaitu jika terbukti kenderaan tersebut merupakan satu-satunya sumber pendapatannya. Bantuan ini akan diberikan berdasarkan prinsip kewajaran setelah diselidiki oleh pihak LZS.

Berkenaan hutang kad kredit, informan A menyatakan bahawa LZS akan menyiasat dahulu tujuan hutang kad kredit itu sama ada untuk tujuan kemewahan, perubatan atau tujuan yang lain. Tetapi kebiasaannya di LZS, hutang kad kredit ini dibantu disebabkan perubatan dengan syarat setelah disemak dan terbukti jumlah hutang kad kredit dengan bil perubatannya adalah sama serta terdapat bukti pembayaran.

*“In case kad kredit, kita akan siasat dulu kad kredit ni dia hutang sebab apa, atas sebab mewah ataupun dia hutang kad kredit ni sebab perubatan”.*<sup>44</sup>

Seterusnya, bagi kes berhutang dengan *ah long* pula, pada dasarnya fatwa membenarkan bantuan terhadap kes ini kerana boleh dikategorikan sebagai keperluan hidup dengan syarat hutang tersebut digunakan untuk perkara kebaikan dan melibatkan keperluan hidup.

*“Dalam amalan di Selangor, kita semak dia termasuk dalam hutang keperluan hidup, tapi syaratnya kalau hutang tersebut digunakan untuk perkara kebaikan dan ia berkaitan dengan keperluan hiduplah”.*<sup>45</sup>

---

<sup>43</sup> *Ibid.*

<sup>44</sup> *Ibid.*

<sup>45</sup> Informan C, dalam temu bual dengan penulis, 30 Januari 2019.

Setelah itu, pada tahun 2004, Fatwa Negeri Selangor telah memutuskan bahawa tidak dibenarkan lagi bantuan kepada hutang *ah long* ini kerana terdapat kes di mana segelintir daripada masyarakat Islam yang mengambil kesempatan terhadap kelonggaran yang diberikan ini.

*“Selepas menilai, mungkin satu-satu ketika di satu peringkat kalau dibenarkan berterusan, orang akan ambil kesempatan pergi ke ah long. Jadi, atas dasar sad al-zari’ah (بريدالذويعه), tak dibenarkanlah selepas tu”.*<sup>46</sup>

Oleh yang demikian, LZS berpegang kepada Fatwa Negeri Selangor yang tidak membenarkan bantuan ke atasnya.

*“Ah long ni dia ada kes sebab fatwa tak benarkan”.*<sup>47</sup>

Perkara ini boleh dirujuk pada seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2004, no. 2 yang menyebut pinjaman yang dibuat di dalam perkara-perkara yang halal dan harus.<sup>48</sup> Maka, LZS telah menjadikan fatwa ini sebagai rujukan bagi kes hutang *ah long* ini.

Walaupun begitu, seandainya penghutang tersebut jatuh fakir disebabkan kadar faedah yang tinggi dikenakan oleh *ah long* tersebut, maka LZS akan membantunya dengan cara mengisytiharkan penghutang tersebut sebagai fakir miskin, kemudian LZS akan membantu mereka dari aspek makanan dan minuman, tempat tinggal, pendidikan dan sebagainya melalui zakat.

*“Zakat takkan bantu untuk bayar ah long, zakat hanya bantu untuk memenuhi keperluan je”.*<sup>49</sup>

---

<sup>46</sup> *Ibid.*

<sup>47</sup> Informan A, dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2017.

<sup>48</sup> Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2004.

<sup>49</sup> Informan A, dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2017.

Perkara ini turut disokong oleh informan C sekiranya keadaan seperti itu berlaku kepada penghutang.

*“Mungkin waktu tu dia dalam keadaan tak tahu punca, ada orang tunjukkan, lepas tu, dia berhutang dengan ah long, maka lepas tu dia jadi terikat kan. Dengan ah long, dia punya bunga Ma Sya Allah. Bila disiasat, memang betul punca dia ambil tu kerana kesempitan yang teramat sangat, dia tak jumpa yang lain, yang ni boleh dibantu”.*<sup>50</sup>

Kemudian dalam keadaan tersebut, sekiranya penghutang tersebut masih mempunyai duit lebih daripada pinjaman *ah long* atau mempunyai aset yang boleh dicairkan, maka duit itu akan digunakan untuk membayar kepada *ah long* tersebut.<sup>51</sup>

Sebagai tambahan daripada informan A, bagi kes penghutang *ah long* yang langsung tidak mempunyai wang, LZS akan bekerjasama dengan Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) melalui unit pencegahan *ah long*.

*“Ada kes yang mana ntah dia tak ada duit langsung. Selalu Lembaga Zakat Selangor akan bekerjasama dengan PPIM. PPIM memang dia ada unit khusus untuk cegah ah long ni”.*<sup>52</sup>

PPIM ini akan berunding dengan *ah long* untuk menetapkan sejumlah wang yang perlu dibayar oleh penghutang itu tanpa tambahan faedah (bunga) mengikut tempoh tertentu yang dipersetujui antara kedua-dua belah pihak. Kemudian, sumber wang itu akan diikhtiar oleh pihak PPIM bagaimana untuk mendapatkannya.<sup>53</sup>

Selain daripada bentuk-bentuk bantuan yang telah dinyatakan ini, terdapat satu lagi bantuan yang diletakkan di bawah skim bantuan keperluan hidup iaitu bantuan pendidikan. Melalui bantuan ini, pihak LZS hanya membantu seseorang pelajar dalam tempoh pengajiannya dan dalam beberapa keadaan sahaja. Menurut informan A, sebagai

---

<sup>50</sup> Informan C, dalam temu bual dengan penulis, 30 Januari 2019..

<sup>51</sup> Informan A, dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2017.

<sup>52</sup> *Ibid.*

<sup>53</sup> *Ibid.*



contoh bagi beberapa keadaan tersebut ialah, pelajar yang terpaksa melanjutkan tempoh pengajiannya disebabkan sakit yang menyebabkan dia terpaksa menanggung kos tambahan pengajiannya. Maka, LZS akan membantu pembayaran bagi kos tambahan pengajiannya sahaja. Kemudian informan B memberikan contoh yang lain pula,

*“Contoh dia sangkut satu sem dan kena tambah kos, PTPTN dia hanya cover contoh sepuluh ribu, dia sangkut kena tambah duit lagi. Ok, kemudian dia dah habis belajar, namun ada yang berbaki tu yang dia sangkut tadi, dia tak dapat bayar dan disebabkan tu dia tak boleh ambik scroll, bila tak boleh ambik scroll, dia tak dapat keje, bila tak dapat keje macam mana dia nak sara hidup? Itu yang kita bantu”.*<sup>54</sup>

Walau bagaimanapun, bagi kes di atas, hutang PTPTN pelajar tersebut tidak akan dibantu kerana hutang ini bertempoh dan berjadual. Disebabkan itu, hutang ini terkeluar daripada kriteria-kriteria yang layak untuk dibantu.

#### **b) Hutang Dialisis**

Hutang dialisis merupakan bantuan yang terbesar diperuntukkan oleh LZS berbanding hutang-hutang yang lain. Hal ini kerana, menurut informan A dan informan B, sekiranya mereka ini tidak dibantu, mereka berkemungkinan besar akan jatuh fakir miskin.

*“Sebab dialisis ni kos dia mahal dan kalau tak dibantu, dia akan jatuh fakir miskin”.*<sup>55</sup>

Mengikut data sehingga kini (2017), seramai 3,509 orang pesakit dialisis yang menerima bantuan daripada peruntukan zakat *al-ghārimīn*. Menurut informan B lagi, jumlah bantuan bagi pesakit dialisis ini berbeza-beza mengikut tangga gaji isi rumah seperti dalam jadual 3.4 berikut:

---

<sup>54</sup> Informan B, dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2017.

<sup>55</sup> *Ibid.*

Jadual 3.4. Bantuan dialisis mengikut tangga gaji isi rumah

Gaji/Pendapatan isi rumah (RM)	Peratusan bantuan (%)	Kos cucian/suntikan (RM)	Jumlah setahun (RM)
5,000 ke bawah	100	Cucian: RM 150 x 12 bulan Suntikan: RM 70 x 8 bulan	Cucian: 1,800 <u>Suntikan: 560</u> Jumlah: 2,360
5,001 - 7,000	75	Cucian: RM 130 x 12 bulan Suntikan: RM 70 x 8 bulan	Cucian: 1,560 <u>Suntikan: 560</u> Jumlah: 2,360
7,001 - 15,000	50	Cucian: RM 75 x 12 bulan Suntikan: RM 35 x 8 bulan	Cucian: 900 <u>Suntikan: 280</u> Jumlah: 1,180

Sumber: Temu bual<sup>56</sup>

Menurut informan B, sebagai prosedur bagi pesakit dialisis ini, mereka dikehendaki untuk memperbaharui permohonan bantuan dialisis ini setiap tahun. Peruntukan tahunan untuk dialisis ini ialah RM 57 juta kepada 3,000 orang pesakit, kemudian rekod nama-nama pesakit ini akan dibawa kepada tahun hadapan beserta dengan penambahan pesakit-pesakit baharu.

Tambahnya lagi, asnaf *al-ghārimīn* termasuk pesakit dialisis yang tangga gajinya melebihi RM 15,000, mereka tidak akan dibantu daripada peruntukan zakat ini melainkan atas sebab-sebab yang menunjukkan kewajaran untuk dibantu.

### c) Hutang Perubatan

Bagi hutang perubatan, direkodkan seramai 2,900 orang pesakit yang telah dibantu setakat ini (2017) daripada peruntukan asnaf ini. Menurut informan B, bantuan hutang perubatan ini dipecahkan kepada tiga pecahan iaitu:

- i) Bantuan hutang perubatan bulanan seperti membeli peralatan susu-susu khas, katil, mesin oksigen, kerusi roda serta alat sokongan seperti tongkat dan

<sup>56</sup> *Ibid.*

sebagainya. Semua peralatan mestilah disahkan oleh doktor pakar (kerajaan) untuk menentukan kewajarannya.

- ii) Bantuan hutang perubatan berbentuk *one-off* seperti pembedahan.
- iii) Bantuan hutang perubatan untuk pengangkutan seperti tambang pergi dan balik hospital.

Peruntukan tahunan bagi bantuan perubatan ini ialah sejumlah RM 5.4 juta. Sebagai kesimpulan kepada hutang perubatan ini, informan B menyatakan bahawa hutang perubatan yang dibantu ialah yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan mendapat pengesahan daripada doktor-doktor pakar dalam bahagian masing-masing seperti pakar jantung, hati dan sebagainya. Manakala hutang perubatan yang tidak dibantu ialah perubatan alternatif seperti minuman jus kesihatan contohnya jus Pamoga, *supplement* dan sebagainya.

*“Contohnya dia datang kat kita, dia kata dia nak pakai jus pamoga. Tak bolehlah. Ha, yang mana yang dibenarkan oleh doktor kerajaan sahaja”.*<sup>57</sup>

Selain itu, setakat ini pihak LZS juga telah menjalinkan hubungan kerjasama dengan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan Tabung Kebajikan Pesakit Malaysia (TKPM) bagi memudahkan proses bantuan ini.

**d) Hutang Badan atau Persatuan untuk *Maṣlahah Ummah***

Hutang badan atau persatuan ini ialah bantuan yang disalurkan oleh LZS kepada badan-badan atau institusi-institusi yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) atau badan-badan yang berautoriti untuk peruntukan yang memberi mafaat kepada ummah.

---

<sup>57</sup> Informan B, dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2017.

*“Bantuan untuk masalah ummah ni ialah kita memberi sumbangan ataupun kita membantu kepada badan-badan ataupun institusi yang berdaftar dengan institusi agama dengan MAIS ataupun JAIS”.*<sup>58</sup>

Contohnya seperti pembinaan sekolah tahfiz, penyelenggaraan (*maintainance*), kos pembinaan yang tidak mampu dibayar serta bantuan kepada masjid atau surau-surau yang kecil yang jumlah kutipan tabungnya kurang memuaskan. Kebiasaannya melibatkan bantuan hutang utiliti seperti bil elektrik dan sebagainya. Menurut informan B lagi, peruntukan tahunan untuk bantuan ini ialah sebanyak RM 50,000.

**e) Hutang Pengurusan Jenazah tanpa Waris**

Bantuan hutang pengurusan jenazah tanpa waris ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama dan ditambah satu lagi bahagian iaitu:

- 1) Kanak-kanak
- 2) Perempuan
- 3) Lelaki
- 4) Jenazah tanpa waris yang kritikal (tambahan)

Kesemua bahagian ini dibantu oleh LZS termasuk bayaran untuk kos bunjut iaitu RM 50 untuk setiap satu. Peruntukan maksimum bagi bantuan ini ialah RM 1,300 untuk satu kes dan RM 100,000 untuk setahun. Antara sebab diletakkan jumlah maksimum ini ialah kerana tiada pihak yang memantau harga pengurusan ini, secara tidak langsung dikhuatiri berlaku tuntutan bil yang tidak sepatutnya.

*“Dia sebab yang urus ni swasta. Bila swasta, dia tak ada kawalan. Dia akan buat bil yang tak sepatutnya”.*<sup>59</sup>

Menurut informan A, antara mereka yang terlibat dengan pengurusan jenazah ini ialah Pegawai Agama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang dibantu oleh sahabat hospital. Setelah selesai urusan ini, mereka akan menghantar tuntutan (*claim*)

---

<sup>58</sup> *Ibid.*

<sup>59</sup> Informan A, dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2017.

pengurusan ini kepada LZS. Setakat ini, hampir 40 orang jenazah yang telah diuruskan di bawah LZS.

### **3.5.2.1 Syarat-syarat Permohonan Asnaf *al-Ghārimīn***

Bagi menentukan seseorang itu sama ada layak atau tidak dikategorikan dalam asnaf *al-ghārimīn* ini, Fatwa Negeri Selangor telah meletakkan lima syarat permohonan. Berikut merupakan syarat-syarat yang telah ditetapkan:

#### **1) Orang Islam yang bermustautin di Selangor**

Menurut informan A, takrifan mustautin ialah mestilah seseorang itu tinggal di sesuatu kawasan atau tempat dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun.

*“Takrifan mustautin ni tempohnya tiga tahun, mesti tiga tahun tinggal kat Selangor”.*<sup>60</sup>

#### **2) Pembuktian yang sah tentang hutang dan kemudaran yang berlaku jika tidak dibantu**

Pembuktian ini merupakan antara syarat penting yang perlu ditunjukkan oleh pemohon kepada LZS. Hal ini sebagai langkah untuk mengelak daripada penipuan dalam maklumat yang diberikan dalam borang permohonan. Kebiasaannya syarat ini melibatkan hutang kad kredit, hutang kenderaan dan sebagainya.

#### **3) Bersedia mengikuti kursus pembangunan insaniah yang dianjurkan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS)**

Bagi syarat ini, LZS telah menetapkan kepada pemohon supaya mengikuti program yang dianjurkan ini kerana pihak LZS akan memberi bimbingan supaya keluar daripada permasalahan hutang ini. Antara bimbingan yang biasa diberikan ialah menasihati penghutang untuk menukar akad pinjaman konvensional kepada akad yang Islamik.

---

<sup>60</sup> *Ibid.*

#### **4) Pemberian bantuan berdasarkan kelayakan dan keperluan asnaf**

Syarat ini dikenakan supaya bantuan yang diberikan bertepatan dengan kriteria dan keperluan asnaf itu sendiri. Contohnya, sekiranya penghutang itu tertunggak bayaran hutangnya selama tiga bulan, LZS akan melihat dahulu kepada kemampuannya untuk membayar hutang pada bulan hadapan. Sekiranya betul-betul tidak mampu, barulah LZS akan memberi bantuan.

#### **5) Hutang yang disebabkan perkara yang ditegah oleh syarak tidak layak dijelaskan dengan wang zakat walaupun penghutang telah bertaubat**

Kebiasaannya hutang ini melibatkan hutang *ah long*. LZS berpegang kepada keputusan fatwa yang dikeluarkan oleh mufti Selangor untuk tidak memberi bantuan kepada hutang ini. Walau bagaimanapun, LZS tetap membantu mereka ini melalui kerjasama dengan pihak kedua iaitu PPIM untuk membantu mangsa hutang *ah long* ini.

### **3.5.3 Kaedah Pembayaran kepada Asnaf *al-Ghārimīn***

Berkenaan dengan kaedah pembayaran ini, pihak LZS telah membahagikannya kepada dua kaedah iaitu:

- 1) *One-off* atau *lump sum*. Sebagai contoh hutang utiliti seperti bil elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB), hutang pembedahan dan sebagainya.
- 2) Bantuan bulanan secara berkala. Contohnya seperti bantuan hutang dialisis yang memerlukan surat atau sebut harga kos rawatan dari pusat rawatan dialisis yang diiktiraf bagi setiap kali rawatan. Pihak LZS akan membuat pembayaran secara berkala dari bulan Januari sehingga bulan Disember dengan kadar setiap bulan sebanyak RM 2,360. Antara contoh yang lain juga ialah pembelian lampin (*pampers*), susu dan seumpama dengannya.

Bantuan-bantuan ini akan disalurkan mengikut kaedah-kaedah yang telah dinyatakan di atas setelah selesai diselidiki, menepati kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh LZS dan lulus permohonannya. Bantuan-bantuan ini juga disalurkan terus kepada pihak yang berkenaan. Sebagai contoh, bantuan dialisis dibayar terus kepada pusat dialisis, bantuan hutang utiliti seperti elektrik, dibayar terus kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan sebagainya. Hal ini supaya peruntukan zakat tersebut disalurkan pada tempatnya di samping dikhuatiri akan disalahgunakan sekiranya diberi terus peruntukan tersebut terus kepada asnaf. Kesimpulannya, asnaf *al-ghārimīn* hanya menerima manfaat sahaja daripada bantuan zakat yang diberikan.

### 3.6 KESIMPULAN

Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah melakukan transformasi yang sangat baik terhadap pengurusannya. Sifat profesional dan keterbukaannya dalam menerima maklum balas serta komen daripada masyarakat menjadikan institusi ini sentiasa diyakini oleh masyarakat setempat yang menatijahkan sedikit peningkatan pada statistik kutipan dan agihan zakat sejak kebelakangan ini. Di Selangor, kesemua lima belas prinsip agihan zakat telah diaplikasikan ke atas semua asnaf termasuk *al-ghārimīn* dan terdapat beberapa prinsip yang memfokuskan kepada asnaf *al-ghārimīn* ini iaitu *al-murāqabah* (pengawasan), *al-kifāyah* (mencukupi had pemberian), *al-fauriyyah* (serta-merta), *al-khabar al-sādiq* (telus), *al-taswiyah* (kewajaran), *al-iḥṣā'* (mendapatkan maklumat dengan lengkap) dan *al-awlawiyyah* (keutamaan). Dari sudut skim agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* pula, penilaian semula terhadap keutamaan agihan dalam kalangan asnaf *al-ghārimīn* perlu dinilai semula agar bantuan disalurkan meraikan *maṣlahah* dan realiti semasa.

## **BAB 4: ANALISIS AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF *AL-GHĀRIMĪN* DI LEMBAGA ZAKAT SELANGOR MENURUT PERSPEKTIF FIQH**

### **4.1 PENDAHULUAN**

Bab ini akan membincangkan tentang pelaksanaan agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS). Dalam kajian ini, penulis memfokuskan pada Divisyen Agihan Zakat di LZS ini. Bab ini akan menganalisa kajian yang merangkumi tiga fokus utama iaitu pentafsiran asnaf *al-ghārimīn*, pelaksanaan agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* yang melihat kepada skim-skim yang diaplikasikan oleh LZS dan sudut pandangan fiqh terhadap pelaksanaan agihan zakat oleh LZS. Ketiga-tiga fokus ini sangat penting bagi memastikan pencapaian objektif kajian ini tercapai.

### **4.2 ANALISIS PENTAFSIRAN ASNAF *AL-GHĀRIMĪN* BERDASARKAN PANDANGAN ULAMA' KLASIK DAN KONTEMPORARI**

Pentafsiran asnaf *al-ghārimīn* telah dihuraikan oleh penulis sebelum ini dalam bab 2. Dapatan kajian mendapati Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah mendefinisikan asnaf ini sebagai orang Islam yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas diri dan tanggungannya atau kepentingan masyarakat dan tiada keupayaan untuk membayarnya.

*“Kami gunakan fatwa tahun 2013. Dia punya fatwa ni tajuknya, emm..Fatwa Sistem Pengurusan Agihan Lembaga Zakat Selangor yang telah difatwakan pada 2013 telah mendefinisikan al-ghārimīn ni kepada orang Islam yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas diri dan tanggungannya atau kepentingan masyarakat dan tiada keupayaan untuk membayarnya”.*<sup>1</sup>

*“Maknanya definisi yang digunapakai ada dua golonganlah yang akan dibantu. Hutang diri sendiri atau tanggungannya dan hutang untuk kepentingan masyarakat”.*<sup>2</sup>

Pendefinisian yang diguna pakai oleh LZS ini bertepatan dengan takrifan yang telah diberikan oleh Mufti Selangor.

---

<sup>1</sup> Informan A, dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2017.

<sup>2</sup> *Ibid.*



“*Al-ghārimīn* sebagaimana yang disebut dalam ayat 60 surah *al-Taubah*, yang dipakai di Selangor sebagaimana yang diamalkan di LZS adalah mengikut takrifan mazhab *Shāfi’e* dan juga *Hanbalī*”.<sup>3</sup>

“Secara ringkasnya, orang yang berhutang sama ada hutang untuk dirinya sendiri atau hutang untuk orang lain dan sama ada hutang itu bertujuan untuk melakukan suatu kebaikan dan ketaatan kepada Allah SWT. Itu yang diamalkan di negeri Selangor”.<sup>4</sup>

Pendefinisian ini adalah merujuk kepada perbincangan yang dilakukan oleh ulama’-ulama’ klasik dan kontemporari. Daripada pendefinisian ini juga, dapatan kajian mendapati tafsiran ini hampir kepada tafsiran yang diberikan oleh ulama’ *Mālikī* iaitu:

“الغارم هو المدين الذي لا يملك ما يوفي به دينه”<sup>5</sup>

Maksudnya: *al-Ghārim* ialah orang yang mempunyai hutang sedangkan dia tidak mempunyai harta yang cukup untuk melunaskannya.

Tafsiran yang diberikan oleh LZS berkenaan *al-ghārimīn* iaitu tiada keupayaan untuk membayar hutang menyamai tafsiran yang diberikan oleh ulama’ *Mālikī* seperti di atas. Seterusnya, dapatan kajian ini mendapati tafsiran ini hampir kepada tafsiran yang diberikan oleh ulama’ *Shāfi’e* iaitu:

“الغارم هو المدين للإصلاح بين المتخاصمين و من استدان في مصلحة نفسه ليصرف في مباح ومن عليه دين بسبب ضمان لغيره”<sup>6</sup>

Maksudnya: *al-Ghārim* ialah Orang yang berhutang untuk mendamaikan antara dua puak yang bersengketa dan orang yang berhutang untuk *maṣlahah* diri sendiri serta orang yang berhutang disebabkan menjadi penjamin kepada orang lain.

Titik persamaan yang terdapat dalam pendefinisian *al-ghārimīn* oleh LZS dengan ulama’ *Shāfi’e* ialah dari sudut pembahagiannya iaitu dibahagikan kepada berhutang untuk *maṣlahah* umum dan *maṣlahah* diri sendiri. Selain itu, hasil daripada temu bual yang dijalankan sebelum ini mendapati LZS juga meletakkan hutang kerana menjadi

<sup>3</sup> Informan C, dalam temu bual dengan penulis, 30 Januari 2019.

<sup>4</sup> *Ibid.*

<sup>5</sup> ‘Abd. Raḥman al-Jazayrī, *Kitāb al-Fiqh ‘Alā al-Mazāhib al-Arba’ah* (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), 1:465.

<sup>6</sup> *Ibid.*, 1:566.

penjamin dalam pendefinisian asnaf ini seperti yang dinyatakan oleh mazhab Shāfi'e dalam tafsiran *al-ghārimīn* ini.

Akhir sekali, dapatan kajian ini juga mendapati pendefinisian ini hampir kepada tafsiran yang diberikan oleh ulama' Ḥanbalī iaitu:

"الغارم هو من استدان للإصلاح بين الناس و من استدان لإصلاح نفسه في أمر مباح"<sup>7</sup>

Maksudnya: *al-Ghārim* ialah orang yang berhutang untuk tujuan mendamaikan sesama manusia dan orang yang berhutang untuk *maṣlahah* diri sendiri pada perkara yang diharuskan syarak.

Persamaan pendefinisian oleh LZS dengan tafsiran yang diberikan oleh ulama' Ḥanbalī ialah dari sudut pembahagiannya. Tidak terhenti di situ, penulis juga dapati pendefinisian *al-ghārimīn* oleh LZS merujuk kepada perbincangan yang dilakukan oleh ulama'-ulama' kontemporari. Antaranya merujuk kepada tafsiran yang diberikan oleh Yūsuf al-Qaraḍāwī dan 'Abdullah Nāṣih 'Ulwān iaitu:

"الغارمون نوعان: غارم لمصلحة نفسه، وغارم لمصلحة المجتمع"<sup>8</sup>

Maksudnya: *al-Ghārimūn* terbahagi kepada dua iaitu orang yang berhutang untuk tujuan *maṣlahah* diri sendiri dan orang yang berhutang untuk tujuan *maṣlahah* umum.

Titik persamaan pendefinisian *al-ghārimīn* oleh LZS dengan kedua-dua ulama' ini ialah pada pembahagian asnaf ini iaitu berhutang untuk *maṣlahah* diri sendiri dan *maṣlahah* umum seperti yang dinyatakan oleh ulama' Shāfi'e dan Ḥanbalī sebelum ini. Kemudian, pendefinisian *al-ghārimīn* oleh LZS juga merujuk kepada tafsiran yang diberikan oleh Sa'īd al-Qaḥṭonī iaitu:

<sup>7</sup> *Ibid.*, 1:565.

<sup>8</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Ahkāmihā wa Filsafatihā fī Ḍaw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*, (Beirūt: Muassasah al-Risālah, 1973), 1:623 dan 'Abdullah Nāṣih 'Ulwān, *Ahkām al-Zakāt 'alā Ḍaw' al-Mazāhib al-Arba'ah* (Kāherah: Dār al-Salām, 2012), 31.

"الغارمون: هم المدينون العاجزون عن وفاء ديونهم"<sup>9</sup>

Maksudnya: *al-Ghārimūn* ialah mereka yang berhutang dan tiada kemampuan untuk melunaskan hutang mereka.

Titik persamaan yang terdapat di sini ialah pada tafsiran iaitu tiada kemampuan untuk melunaskan hutang seperti yang dinyatakan oleh ulama' Mālikī. Seterusnya, hasil daripada pendefinisian ini, LZS telah menetapkan beberapa kriteria berkaitan asnaf *al-ghārimīn* iaitu:

- 1) Tiada kemampuan untuk menjelaskan hutang.
- 2) Hutang bertujuan untuk keperluan asas yang tidak bercanggah dengan hukum syarak.
- 3) Wujud mudarat jika hutang tidak dilunaskan dengan segera.

Kriteria yang telah ditetapkan ini dikuatkan lagi dengan pandangan informan C yang mengesahkan ketiga-tiga kriteria ini diamalkan di Selangor.

*"2013, kita dah buat kajian dan kita tetapkan kriteria ada tiga"*.<sup>10</sup>

Menurut informan A, kriteria-kriteria yang telah ditetapkan ini adalah hasil daripada penelitian yang dilakukan terhadap pendapat-pendapat ulama' yang meliputi ulama' klasik dan kontemporari di samping merujuk kepada keputusan Fatwa Negeri Selangor.

*"Kriteria ni yang telah difatwakan ada tiga kriteria. Maknanya, mana-mana umat Islam ataupun badan-badan persatuan yang mempunyai kriteria ni akan dipertimbangkanlah untuk asnaf ghārimīn"*.<sup>11</sup>

<sup>9</sup> Sa'īd bin 'Alī al-Qaḥṭonī, *al-Zakāh fī al-Islām fī Ḍau' al-Kitāb wa al-Sunnah* (Saudi: Maktabah al-Mālik Fahd al-Waṭaniyyah Asnā' al-Nashr, 2010), 3: 270.

<sup>10</sup> Informan C, dalam temu bual dengan penulis, 30 Januari 2019.

<sup>11</sup> Informan A, dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2017.

Berkenaan dengan kriteria ini, informan C telah mengulas tentang ketiga-tiga kriteria tersebut iaitu menegaskan bahawa penghutang tersebut mestilah membuktikan ketidakmampuan untuk melunaskan hutang tersebut, hutang tersebut tidak dikategorikan sebagai berlebih-lebihan dan menolak segala bentuk hutang yang tidak membawa kepada kemudharatan.

*“tak mampu, bukan berlebih-lebihan dan kalau boleh ditangguh, tak ada mudarat, yang ni tak termasuk”*.<sup>12</sup>

Sebagai rumusan, LZS telah mengambil kira pentafsiran yang telah diberikan oleh ulama'-ulama' klasik dan kontemporari serta Fatwa negeri Selangor dalam memberikan pendefinisian terhadap asnaf *al-ghārimīn* di Selangor. Di samping itu, LZS juga telah mengambil pendekatan *maqāṣid al-sharī'ah* dalam pentafsiran ini seperti yang diutarakan oleh Yūsuf al-Qaraḍāwī.

Namun terdapat beberapa perkara yang perlu dinilai semula untuk diberi perhatian iaitu berkenaan hutang-hutang lain yang boleh membawa kepada kebangkrutan seperti hutang yang melibatkan keperluan hidup sebagai contoh, supaya dimasukkan juga dalam definisi *al-ghārimīn* ini dengan syarat hutang tersebut menepati kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Hal ini kerana kemudharatan yang besar juga dihadapi oleh mereka yang diisytihar sebagai bankrap ini.

Perkara ini bersesuaian dengan kaedah fiqh “*موربمقاصدها*” yang bermaksud sesungguhnya hukum itu bergantung kepada maksud atau niat pelakunya,<sup>13</sup> serta kaedah “*إذا ضاق مرتاسع*” yang bermaksud sekiranya darurat yang mendatang pada sesuatu perkara itu lebih besar, maka diluaskan perkara tersebut sekadar mencegah dan menghilangkan kemudharatan dan kesusahan tersebut. Namun, sekiranya darurat itu

<sup>12</sup> Informan C, dalam temu bual dengan penulis, 30 Januari 2019.

<sup>13</sup> Aḥmad bin Muḥammad al-Zarqā, *Sharḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah* (Damsyiq: Dār al-Qalam, 1938), 47.

hilang, maka perkara tersebut kembali kepada (hukum) asal.<sup>14</sup> Sebagai contoh dalam definisi dan kriteria asnaf ini, kemungkinan pihak LZS boleh memperluaskannya kepada permasalahan hutang yang dinyatakan di atas berlandaskan kaedah fiqh yang dinyatakan ini.

### 4.3 ANALISIS PELAKSANAAN AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF *AL-GHĀRIMĪN*

Analisis tentang pelaksanaan agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* dari sudut pandangan fiqh yang dilaksanakan oleh LZS ialah seperti berikut:

#### 4.3.1 Skim Agihan Zakat kepada Asnaf *al-Ghārimīn*

Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah menawarkan lima skim bantuan di bawah asnaf *al-ghārimīn*. Jadual di bawah menunjukkan skim-skim yang diaplikasikan oleh LZS:

Jadual 4.1. Skim bantuan di bawah asnaf *al-ghārimīn*

Bil.	Skim bantuan di bawah asnaf <i>al-ghārimīn</i>
1.	Hutang Rawatan Dialisis
2.	Hutang Perubatan
3.	Hutang Kerana Keperluan Hidup
4.	Hutang Badan/Persatuan untuk <i>Maṣlahah</i> Ummah
5.	Pengurusan Jenazah Tanpa Waris

Sumber: Temu bual<sup>15</sup>

Skim-skim yang ditawarkan ini semestinya merujuk kepada pendapat-pendapat ulama' yang muktabar sama ada ulama' klasik mahupun kontemporari. Oleh kerana tidak disebut secara terperinci tentang kaedah pelaksanaan agihan zakat ini dalam al-Qur'an ataupun ḥadīth, maka keputusan yang berbentuk *ijtihādī* diperlukan melalui perbincangan pakar-pakar dalam ilmu fiqh dengan menggunakan kaedah ijtihad. Sebagai contoh di Selangor, skim-skim ini telah diputuskan melalui perbincangan di

<sup>14</sup> *Ibid.*, 163.

<sup>15</sup> Informan A, dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2017.

Jabatan Mufti Selangor, dan LZS sebagai badan pelaksana mengaplikasikan skim-skim tersebut seperti yang dinyatakan di atas.

Berdasarkan konsep dan pendefinisian asnaf *al-ghārimīn* oleh ulama' klasik dan kontemporari yang telah dibentangkan oleh penulis dalam bab 2, didapati skim-skim kepada asnaf ini dibina berdasarkan gabungan beberapa pendapat daripada dua kelompok ulama' ini. Sebagai contoh, skim bantuan untuk keperluan hidup adalah berdasarkan kepada persepakatan ulama' empat mazhab dan disokong oleh ulama' kontemporari seperti Yūsuf al-Qaradāwī, Wahbah al-Zuhaylī, 'Abdullah Nāṣih 'Ulwān dan sebagainya.

Walaupun begitu, timbul satu persoalan di sini berkenaan maksud sebenar keperluan hidup tersebut. Jika melihat kepada perbincangan ulama' klasik, mereka tidak memperincikan maksud ini melainkan ulama'-ulama' kontemporari yang mengambil tanggungjawab ini untuk memperincikannya sebagai panduan kepada masyarakat kini. Sebagai contoh, Yūsuf al-Qaradāwī yang telah memberikan contoh keperluan hidup seperti memberi nafkah, tempat tinggal, perkahwinan dan sebagainya.<sup>16</sup> Berkenaan dengan keperluan hidup ini, informan C telah memberi pencerahan yang terperinci iaitu suatu bentuk keperluan asas hidup seperti rumah, pakaian, makanan, kesihatan, pelajaran dan sebagainya.

*“Kalau ikutkan, dia kategori asasi, rumah, kemudian pakaian, kemudian makanan, kesihatan, pelajaran, kemudian kewangan bulanan”.*<sup>17</sup>

Kemudian, beliau memperincikan lagi maksud rumah serta kewangan bulanan dalam keperluan hidup ini. Menurut beliau, rumah yang dimaksudkan ialah rumah biasa yang

---

<sup>16</sup> Yūsuf al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Ahkāmihā wa Filsafatihā fī Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*, (Beirūt: Muassasah al-Risālah, 1973), 1:622.

<sup>17</sup> Informan C, dalam temu bual dengan penulis, 30 Januari 2019.

secara adatnya boleh dijadikan sebagai tempat untuk berteduh dan perlindungan diri.

Maka, daripada maksud ini, tekeluarlah segala bentuk rumah yang mewah.

*“Tempat tinggal, apa-apa tempat tinggal, dia tak ceritalah rumah mahal, sebab orang yang tak berduit hutang. Kalau lebih dari kadar yang biasa, itu bukan ghārimīn yang kita akan bantu”.*<sup>18</sup>

*“So, yang ni mungkin sewa dia, rumah sekadar, tapi kalau tak bayar, dia akan dihalau daripada rumah sebagai contoh. So, tujuan hutang perumahan dia tu akan disemaklah, akan disiasat dokumen yang disebutkan oleh setiap yang mananya akan dibantu”.*<sup>19</sup>

Seterusnya, beliau memperincikan pula maksud kewangan bulanan iaitu melibatkan perbelanjaan isi rumah tersebut termasuklah pakaian mereka. Walau bagaimanapun, pakaian ini tidak dinyatakan secara jelas dalam pendefinisian *al-ghārimīn* kerana ia dimasukkan dalam kategori bantuan kewangan bulanan.

*“Kewangan bulanan ni dia punya belanja. Sebab ada setengah item, kita tak sebut sebab pakaian ni dia bukan tiap-tiap bulan. Tapi nak membasuh pakaian, tiap-tiap minggu, tiap-tiap hari. Yang tu, kita masuk dalam kewangan bulanan lah”.*<sup>20</sup>

Kemudian, berkenaan isu hutang keperluan hidup yang menyebabkan berlakunya kebangkrapan, informan C menyatakan bahawa perkara ini perlu kepada siasatan yang terperinci.

*“Dia, yang ini bergantung kepada siasatan. Maknanya case by case lah. Ada yang dapat, telah diyakini bahawa dia sangat perlu, dengan faktor-faktor luaran katakana”.*<sup>21</sup>

Sebagai contoh, hutang perumahan yang merupakan antara hutang tertinggi isi rumah di Selangor yang berpotensi untuk diisytihar sebagai bankrap. Menurut beliau, untuk isu ini, perlu dilihat kepada banyak perkara. Antaranya faktor mengapakah berlaku kegagalan dalam membayar hutang tersebut?

---

<sup>18</sup> *Ibid.*

<sup>19</sup> *Ibid.*

<sup>20</sup> *Ibid.*

<sup>21</sup> Informan C, dalam temu bual dengan penulis, 30 Januari 2019.

*“Apa faktor yang dia jadi tak dapat bayar? Hari tu boleh bayar, ni tak boleh bayar? Faktor kesihatan?”<sup>22</sup>*

*“Apa sebab dia bankrap? Jika bankrap disebabkan hutang perumahan, tengok pula lah kenapa dia boleh tak mampu bayar?”<sup>23</sup>*

Sekiranya penghutang itu tidak mampu membayarnya disebabkan anak ataupun ahli keluarganya yang sakit sehingga terpaksa mendahulukan duit tersebut untuk membayar kos perubatan, maka LZS akan mempertimbangkan untuk membantunya melalui peruntukan asnaf *al-ghārimīn* ini.<sup>24</sup>

Kemudian, tujuan pembelian rumah tersebut juga menjadi kayu ukur kepada penilaian isu ini sama ada atas dasar keperluan ataupun keinginan. Maka, semua perkara ini perlu diambil kira sebelum meletakkan mereka dalam golongan asnaf *al-ghārimīn* ini.

*“Berkaitan dengan kita beli rumah ni perlu ke ataupun keinginan? Takut-takut keperluan kita tak sebesar tu pun rumah tu, tapi kita belanja banyak sehingga yang lain jadi berkurangan”<sup>25</sup>*

Penilaian yang terperinci ini sangat penting kerana tidak semua kes kebangkrutan ini akan mendapat bantuan daripada peruntukan zakat *al-ghārimīn*.

*“Bukan semua orang yang bankrap akan masuk dalam ghārimīn ni”<sup>26</sup>*

Begitu juga keadaannya bagi hutang yang melibatkan kad kredit. Tujuan hutang tersebut perlu diselidik dan dikaji sama ada menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syarak atau tidak.

*“Apa sebab dia bankrap? Mungkin bankrap diisytihar sehingga dimasukkan dalam insolvensi kerana kad kredit. Kad kredit yang dibeli tu apa? Kena tengok item-item.”<sup>27</sup>*

---

<sup>22</sup> *Ibid.*

<sup>23</sup> *Ibid.*

<sup>24</sup> *Ibid.*

<sup>25</sup> *Ibid.*

<sup>26</sup> *Ibid.*

<sup>27</sup> *Ibid.*



Seterusnya, skim bantuan untuk dialisis dan perubatan. Skim ini lebih merujuk kepada pendapat ulama' kontemporari yang menyatakan dalam contoh penulisan mereka berkenaan bantuan kepada asnaf *al-ghārimīn*. Antaranya ditulis oleh Yūsuf al-Qaradāwī,<sup>28</sup> ‘Abdullah Nāṣih ‘Ulwān<sup>29</sup> dan sebagainya iaitu berbunyi:

"غارم استدان في مصلحة نفسه كأن يستدين في نفقة، أو كسوة أو زواج أو علاج مرض ..."

Maksudnya: "berhutang untuk *maṣlahah* diri sendiri seperti berhutang untuk memberi nafkah (makanan, tempat tinggal dan lain-lain) atau pakaian atau berkahwin atau perubatan"

Berkenaan bantuan hutang ini, informan C menyatakan bahawa hutang perubatan ini kebanyakannya melibatkan cuci darah. Walau bagaimanapun, beliau menyatakan terdapat perbezaan di antara hutang dialisis dan hutang perubatan ini.

*"Hutang perubatan ni banyaknya adalah cuci darah (hemodialisis). Tapi, mungkin kita akan jumpa sedikit dia bezakan tu antara hutang perubatan yang umum dengan satu lagi hutang dialisis. Dia terus beza terus".<sup>30</sup>*

Pada asalnya, hutang perubatan ini ialah melibatkan penyakit yang kronik dan penyakit kronik pula mempunyai pelbagai kategori. Hemodialisis merupakan antara pecahan penyakit kronik tersebut.

*"Hutang perubatan nak bagitahunya, dia termasuk kategori penyakit, asalnya item penyakit kronik. Apabila penyakit kronik tu pula, ada macam-macam. Contoh, salah satunya adalah dialisis lah. Cuma bila dialisis, dia tak sama dengan hutang perubatan yang penyakit lain. Dia asing terus".<sup>31</sup>*

Jika dilihat kepada skim yang telah diaplikasikan di LZS, bantuan hutang dialisis telah diasingkan dengan hutang perubatan. hal ini kerana penyakit dialisis ini tahap kroniknya

<sup>28</sup> Yūsuf al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 1:622.

<sup>29</sup> ‘Abdullah Nāṣih ‘Ulwān, *Aḥkām al-Zakāt ‘alā Ḍaw’ al-Mazāhib al-Arba’ah* (Kāherah: Dār al-Salām, 2012), 31.

<sup>30</sup> Informan C, dalam temu bual dengan penulis, 30 Januari 2019.

<sup>31</sup> *Ibid.*

adalah sangat tinggi berbanding penyakit yang lain kerana melibatkan perubatan yang berulang kali dalam tempoh yang hampir dan perlu mengikuti jadual perubatan tersebut, ditambah pula dengan kosnya yang agak mahal.

*“Mungkin perubatan yang biasa ni tak nampak sangat kronik dia. Tapi dialisis ni, mesti dia kronik. Kerana apa? Keperluan dia buat rawatan seminggu tiga kali tanpa miss. 200 Ringgit ataupun 250 Ringgit sekarang ni”*.<sup>32</sup>

Di samping itu, peruntukan untuk bantuan hutang dialisis juga merupakan yang tertinggi dalam asnaf *al-ghārimīn* ini. Hal ini kerana rawatan untuk dialisis ini perlu dilakukan tiga kali seminggu menyebabkan kos perubatan yang meningkat. Sekiranya tidak dibantu, kemungkinan besar akan memberi kesan yang sangat negatif kepada pesakitnya apabila mereka tidak mendapatkan rawatan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

*“Sapa yang tahu sakit dialisis ni ataupun sorry, buah pinggang ni, dia akan tahulah effect kalau tak cuci. Boleh membawa kepada matilah”*.<sup>33</sup>

Seterusnya, berkenaan skim bantuan untuk hutang badan atau persatuan untuk *maṣlahah* ummah pula, perkara ini merujuk kepada pandangan ulama’ klasik seperti mazhab Mālikī, Shāfi’e, Ḥanbalī dan ulama’ kontemporari seperti Yūsuf al-Qaraḍāwī, Wahbah al-Zuḥaylī, ‘Abdullah Nāṣih ‘Ulwān dan Sa’īd al-Qaḥṭonī yang meletakkan berhutang untuk *maṣlahah* umum dalam pembahagian asnaf ini. Ulama’-ulama’ ini tidak menyebut secara jelas perkataan hutang untuk badan atau persatuan ini, tetapi mereka hanya menyebut secara umum dalam pembahagian hutang dalam asnaf *al-ghārimīn* ini iaitu sekadar menyebut hutang untuk *maṣlahah* umum. Kebiasaannya,

---

<sup>32</sup> *Ibid.*

<sup>33</sup> *Ibid.*

yang diamalkan di LZS berkenaan bantuan hutang ini ialah melibatkan bil-bil utiliti serta kos penyelenggaraan sama ada untuk, madrasah, surau dan sebagainya.<sup>34</sup>

Yang terakhir, skim bantuan untuk pengurusan jenazah tanpa waris iaitu merujuk kepada pandangan ulama' klasik seperti mazhab Maliki berkenaan takrifan *al-ghārimīn*:

"الغارم هو المدين الذي لا يملك ما يوفي به دينه، فيوفي دينه من الزكاة، ولو بعد موته..."<sup>35</sup>

Maksudnya: "*Al-ghārim* ialah penghutang yang tidak mempunyai harta yang cukup untuk melunaskan hutangnya, maka hutang tersebut perlu dilunaskan menggunakan peruntukan zakat, walaupun selepas penghutang tersebut meninggal dunia".

Skim bantuan ini juga merujuk kepada pandangan ulama' kontemporari seperti Yūsuf al-Qaraḍāwī ḍān 'Abdullah Nāṣih 'Ulwān berdasarkan dalil daripada ḥadīth Rasūlullah SAW:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: "...أنا أولى بكل مؤمن من نفسه، من ترك مالا لأهله، ومن ترك ديناً أو ضياعاً فإليّ و عليّ"

Maksudnya: Aku adalah lebih berhak terhadap setiap orang mukmin daripada dirinya sendiri. Barangsiapa yang meninggalkan harta, maka harta itu adalah hak untuk keluarganya, dan barangsiapa yang meninggalkan hutang atau tanggungan (keluarga dan anak-anak yang ditinggalkan), maka itu adalah kepadaku atau menjadi tanggunganku.

(Riwayat Muslim)<sup>36</sup>

Kefahaman daripada ḥadīth di atas ialah, Rasūlullah SAW menegaskan bahawa betapa pentingnya untuk kita melunaskan hutang sehinggakan Baginda SAW meletakkan

<sup>34</sup> Informan B, dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2017.

<sup>35</sup> 'Abd. Raḥman al-Jazayrī, *Kitāb al-Fiqh 'alā al-Mazāhib al-Arba'ah*, 1:564.

<sup>36</sup> Ḥadīth riwayat Muslim, Kitāb al-Jumu'ah, Bāb Takhfīf al-Solāt wa al-Khutbah, no. ḥadīth 867. Lihat Muslim bin al-Hajjāj al-Qushayrī al-Nīsābūrī, "Ṣaḥīḥ Muslim," dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Ṣaḥīḥ: al-Kutub al-Sittah*, ed. Sāliḥ bin 'Abd al-'Azīz 'Al al-Syakh (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 1:813.

tanggungjawab itu keatas dirinya bagi mereka yang meninggal dunia dalam keadaan berhutang.

Berkenaan skim bantuan ini, informan C menyatakan bahawa terdapat asas yang kukuh terhadap kewujudan skim ini dalam asnaf *al-ghārimīn*.

*“kita ada asas bila tanpa waris ni. Isunya adalah kita nak cepatkan pengkebumian tu, sebab ambil daripada panduan daripada hadis Nabi SAW yang suruh segerakan kebumi”*.<sup>37</sup>

Asas yang dimaksudkan ialah terdapat ḥadīth daripada Abū Hurairah RA yang menunjukkan suruhan Rasūlullah SAW supaya menyegerakan pengkebumian jenazah umat Islam.

عن أبي هريرة رضي الله عنه، عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: "أسرعوا باجنازة فإن تك صالحة فخير تقدمونها إليه، وإن تك سوى ذلك فشر تضعونه عن رقابكم"

Maksudnya: Segerakanlah pengkebumian jenazah, kerana jika ia adalah seorang yang soleh, maka kalian telah mendekatkannya kepada kebaikan. Tetapi, jika ia tidak termasuk dalam kalangan orang yang soleh, maka kalian telah mempercepat meletakkan keburukan dari pundak-pundak kalian.

(Riwayat Bukhārī)<sup>38</sup>

Oleh itu, sekiranya terdapat unsur-unsur yang melambatkan pengurusan jenazah itu dilaksanakan, sama ada yang melibatkan kos atau sebagainya, maka perkara ini akan diselesaikan melalui peruntukan zakat ini.

*“So, kalau kos-kos tadi tu banyak, tak menjadikan lambat dikebumikan? Maka, kita anggap ini perlu diselesaikan, kira macam hutanglah sebab kos tu kena bayar”*.<sup>39</sup>

<sup>37</sup> Informan C, dalam temu bual dengan penulis, 30 Januari 2019.

<sup>38</sup> Ḥadīth riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Janāz, Bāb al-Sur’ah bi al-Janāzah, no. ḥadīth, 1315. Lihat Muḥammad bin Ismā’īl al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī” dalam *Mawsū’ah al-Ḥadīth al-Ṣarīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Sāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz ‘Al al-Syakh (Riyād: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 1:102.

<sup>39</sup> Informan C, dalam temu bual dengan penulis, 30 Januari 2019.

Seterusnya, sebagai tambahan, setelah melihat kepada kepelbagaian hutang yang berlaku di Malaysia ini, informan C menyatakan bahawa tiada masalah untuk diperluaskan skop hutang yang akan dibantu melalui peruntukan asnaf *al-ghārimīn* ini. Hal ini kerana jika kita lihat dalam sesuatu permasalahan, ulama'-ulama' muktabar seperti ulama' empat mazhab pernah berbeza pendapat untuk menetapkan sesuatu hukum tersebut.

*“kalau kita tengok, ni pandangan peribadilah, dalam mazhab Shafi'e, item-item yang ditentukan beza dengan mazhab-mazhab lain dan mazhab lain pun berbeza dengan mazhab Shafi'e. Jadi, kalau contohnya mazhab Shafi'e letakkan item untuk kiraan had al-kifayah, perkahwinan”.*<sup>40</sup>

Maka, beliau menegaskan sekali lagi bahawa jika begitu, tiada masalah untuk kita meluaskan peruntukan untuk hutang keperluan hidup ini pada suatu ketika bergantung kepada keadaan selagi tidak melanggar batasan syarak. Sekiranya keadaan tidak tidak memerlukan kepada perluasan skop, maka skop tersebut akan kembali kepada asal.

*“Kalau begitu keadaannya pendapat para ulama' dalam kitab-kitab fekah, jadi bagi saya tak ada masalah untuk diluaskan satu-satu ketika, ataupun satu-satu ketika pula disempitkan, dikurangkan apa yang disebutkan sebagai keperluan hidup. Tapi, yang ni bergantung kepada masa yang berubah dan begitu juga tempat, akan mengubah sesuatu perkara”.*<sup>41</sup>

Dari pandangan beliau ini, penulis dapati bahawa peruntukan hutang keperluan hidup ini boleh dibesarkan dan juga boleh disempitkan berpandukan kepada situasi dan keadaan, di samping tidak membelakangkan soal hukum berkenaan agihan zakat ini.

Akhir sekali jika melihat kepada sejarah, dahulunya LZS pernah melaksanakan konsep *qard al-ḥasan* melalui peruntukan asnaf *al-ghārimīn*. *Qard al-ḥasan* ini

---

<sup>40</sup> Informan C, dalam temu bual dengan penulis, 30 Januari 2019.

<sup>41</sup> *Ibid.*

merupakan satu bentuk pinjaman yang baik.<sup>42</sup> Pelaksanaan ini adalah bersandarkan kepada beberapa dalil. Firman Allah SWT dalam al-Qur'an yang berbunyi:

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضْعِفُهُ لَهُ أضعافًا كثيرة ۗ وَاللَّهُ يَقْبِضُ وَيَبْضُطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٤٥﴾

(Al-Baqarah, 2:245)

Maksudnya: Siapakah yang mahu memberi pinjaman kepada Allah, pinjaman yang baik (menafkahkan hartanya di jalan Allah), Maka Allah akan melipat gandakan pembayaran kepadanya dengan gandaan yang banyak, dan Allah menyempitkan dan melapangkan (rezeki) dan kepada-Nya-lah kamu dikembalikan.

Berpendukan ayat di atas ini, Allah SWT menggalakkan kepada mereka yang ingin mendapatkan ganjaran yang berlipat ganda supaya membantu umat Islam yang sedang dalam kesusahan dengan memberi pinjaman tanpa faedah. Dalam Islam, konsep pinjaman tanpa faedah ini (*qard al-ḥasan*) merupakan suatu tuntutan yang perlu dilaksanakan sebagai alternatif untuk membentasi aktiviti pinjaman yang berkonsepkan riba. Hal ini kerana amalan riba ini merupakan suatu bentuk penindasan terhadap manusia dan juga merampas hak keadilan dalam bermuamalah. Oleh kerana itulah Rasūlullah SAW diutuskan oleh Allah SWT kepada masyarakat arab jahiliah yang mana ketika itu menjadikan amalan riba sebagai medium untuk mengaut keuntungan daripada orang lain. Antara dalil yang lain juga ialah seperti berikut:

- i) Mengikut kaedah "*qiyās awlā*", jika hutang biasa yang halal boleh diberikan zakat, maka adalah selayaknya diberikan *qard al-ḥasan* yang tiada riba agar dapat dikembalikan hasilnya kepada baitulmal.<sup>43</sup>
- ii) Merujuk kepada beberapa kaedah fiqh yang berkaitan dengan darurat seperti: kemudaratan mesti dihalang "الضرر يزال", dilaksanakan mudarat yang paling

<sup>42</sup> Muḥammad Nūriddīn Urduniyyah, *al-Qard al-Ḥaṣan wa Ahkāmuhu fī al-Fiqh al-Islāmiyy* (Palestīn: Fakulti Pengajian Tinggi Universiti al-Najāh al-Waṭaniyyah, 2010), 12.

<sup>43</sup> Yūsuf al-Qarāḍāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Ahkāmihā wa Filsafatihā fī Ḍau' al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 1:634.

ringan antara dua mudarat "يُتَكَبَّرُ أَحْفَ الضَّرْرَيْنِ"<sup>44</sup> Sebagai contoh, mudarat riba boleh dihilangkan melalui pelaksanaan kaedah *qarḍ al-ḥasan* dan secara tidak langsung dapat meringankan bebanan hutang peminjam daripada menanggung hutang yang berlipat ganda akibat daripada riba.

- iii) Saranan Rasūlullah SAW agar membantu golongan yang ingin berhutang akibat kesesakan hidup. Perkara ini dinyatakan dalam ḥadīth riwayat daripada Anas bin Mālik, Rasūlullah SAW pernah bersabda:

رَأَيْتَ لَيْلَةَ أُسْرَى بِي عَلِيٍّ بَابِ الْجَنَّةِ مَكْتُوبًا: الصَّدَقَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا. وَالْقَرْضُ بِثَمَانِيَةِ عَشْرٍ. فَقُلْتُ: يَا جِبْرِيلُ مَا بَالُ الْقَرْضِ أَفْضَلُ مِنَ الصَّدَقَةِ؟ قَالَ: لِأَنَّ السَّائِلَ يَسْأَلُ وَعِنْدَهُ وَالْمُسْتَقْرَضُ لَا يَسْتَقْرِضُ إِلَّا مِنْ حَاجَةٍ.

Maksudnya: Aku melihat pada malam aku di*isrā*'kan, tertulis pada pintu syurga: Sedekah digandakan pahalanya sepuluh kali ganda dan hutang digandakan pahalanya lapan belas kali ganda. Lalu aku bertanya kepada Jibrīl: kenapa hutang lebih afdal daripada sedekah? Jibrīl menjawab: kerana mereka yang meminta sedekah meminta dalam keadaan mereka mempunyai sesuatu, tetapi orang yang berhutang tidak akan berhutang kecuali kerana hajat.

(Riwayat Sunan Ibn Majah)<sup>45</sup>

Menurut Yūsuf al-Qaraḍāwī, pelaksanaan kaedah ini dapat dilakukan melalui peruntukan asnaf *al-ghārimīn* yang dikembangkan menggunakan kaedah seperti pelaburan yang patuh syariah dan sebagainya, kemudian hasil daripada perkembangan tersebut, diwujudkan satu dana khas untuk *qarḍ al-ḥasan*.<sup>46</sup> Perkara ini tidak bercanggah dengan syarak kerana dana yang diwujudkan ini tidak diambil secara langsung daripada peruntukan asnaf *al-ghārimīn*. Di samping itu, pelaksanaan kaedah ini mengambil kira *maṣlahah* yang lebih besar untuk memerangi pinjaman yang berkonsepkan riba.

<sup>44</sup> ‘Abd. Wahab Khallāf, *‘Ilmu Usūl al-Fiqh* (Mesir: Maktabah al-Dakwah al-Islāmiyyah Shabāb al-Azhār, 1956), 207.

<sup>45</sup> Ḥadīth riwayat Sunan Ibn Mājah, Kitāb al-Ṣadaqāt, Bāb al-Qarḍ, no. ḥadīth 2431. Lihat Abī ‘Abdillah Muḥammad bin Yazīd al-Rab’ī Ibn Mājah al-Qazwaynī, “Sunan Ibn Mājah” dalam *Mawsū’ah al-Ḥadīth al-Ṣharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Sālih bin ‘Abd al-‘Azīz ‘Āl al-Syakh (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 2:5622.

<sup>46</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 1:634.

Pelaksanaan kaedah ini sebenarnya telah diluluskan oleh Jabatan Fatwa Negeri Selangor pada tahun 2008 dalam merealisasikan medium pinjaman yang berkonsepkan *tabarru'* dan *ta'awun* kepada umat Islam. Namun, pelaksanaan kaedah ini tidak dapat bertahan lama akibat sikap umat Islam yang culas dan memandang enteng terhadap hutang yang mengakibatkan dana daripada peruntukan zakat ini berkurangan.<sup>47</sup>

Seterusnya, berkaitan dengan bantuan untuk hutang *ah long*, LZS mengambil pendekatan untuk tidak membantu golongan ini. Hal ini kerana LZS berpegang dengan dalil al-Qur'an dan ḥadīth. Firman Allah SWT dalam al-Qur'an yang berbunyi:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَانْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

(Al-Baqarah, 3:275)

Terjemahan: Orang-orang yang makan (mengambil) riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan syaitan lantaran (tekanan) penyakit gila. Keadaan mereka yang demikian itu, adalah disebabkan mereka berkata (berpendapat), sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba, Padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. orang-orang yang telah sampai kepadanya larangan dari Tuhannya, lalu terus berhenti (dari mengambil riba), Maka baginya apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum datang larangan); dan urusannya (terserah) kepada Allah. Orang yang kembali (mengambil riba), Maka orang itu adalah penghuni-penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya.

Ayat di atas menerangkan bahawa Allah SWT telah menghalalkan segala bentuk jual beli yang bertepatan dengan kehendak syarak dan mengharamkan jual beli yang bersandarkan kepada riba. Kemudian, dalil daripada ḥadīth pula ialah riwayat daripada Jābir RA:

<sup>47</sup> Informan A, dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2017.



عن جابر قال: لعن رسول الله ﷺ آكل الربا، وموكله، وكاتبه، وشاهديه،  
وقال: هم سواء.

Maksudnya: Daripada Jābir katanya: Rasūlullah SAW melaknat pemakan riba, yang memberi makan, penulis (perjanjian riba) dan saksi-saksinya; dan baginda SAW bersabda lagi: mereka adalah sama.

(Riwayat Muslim)<sup>48</sup>

Melihat kepada realiti hutang dengan *ah long* ini, proses pemberian hutang tersebut secara terang-terangan bertentangan dengan hukum syarak kerana mereka telah meletakkan penambahan (bunga) yang tidak masuk akal kepada penghutang sewaktu membayarnya. Dari sudut pandangan fiqh, pengamalan ini dikenali sebagai riba yang telah diharamkan oleh Allah SWT dan Rasul-Nya berdasarkan dalil-dalil yang dinyatakan di atas. Oleh kerana itu, Fatwa Negeri Selangor mewartakan bahawa tidak membenarkan bantuan kepada mereka yang berhutang dengan *ah long* ini.<sup>49</sup>

Sebagai rumusan bagi pengamalan agihan zakat ini oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS), penulis dapati LZS telah meraikan kepelbagaian pendapat daripada kedua-dua kumpulan ulama' (klasik dan kontemporari) dalam meletakkan sesuatu hukum dan menjadikan mazhab Shāfi'e dan Ḥanbalī sebagai rujukan utama.<sup>50</sup> Kemudian berkenaan pelaksanaan *qarḍ al-ḥasan*, kaedah ini tidak dapat dinafikan lagi kebaikannya kepada umat Islam, namun beberapa aspek perlu dikaji sebelum dilaksanakan. Antaranya, faktor penguatkuasaan undang-undang yang ketat perlu dilaksanakan, manakala berkenaan hutang *ah long*, penulis dapati tindakan LZS untuk tidak memberi bantuan zakat terhadap hutang ini adalah wajar disebabkan perbuatan itu jelas bertentangan dengan hukum syarak. Walau bagaimanapun, pujian harus diberikan

<sup>48</sup> Ḥadīth riwayat Muslim, Kitāb al-Musāqāh, Bāb la'ana ākila al-riba wa mūkilahu, no. ḥadīth 4092. Lihat Muslim bin al-Hajjāj al-Qushayrī al-Nīsābūrī, "Ṣaḥīḥ Muslim," dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Ṣharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Sāliḥ bin 'Abd al-'Azīz 'Āl al-Syakh (Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 1:955.

<sup>49</sup> Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2004.

<sup>50</sup> Informan C, dalam temu bual dengan penulis, 30 Januari 2019 dan informan A, dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2017.

kepada LZS kerana walaupun penghutang *ah long* ini tidak dibantu melalui peruntukan zakat, tetapi LZS membantu mereka melalui kerjasama dengan pihak Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) yang mana pihak PPIM ini akan melakukan rundingan dengan *ah long* tersebut untuk menetapkan satu jumlah yang dipersetujui oleh pihak penghutang dan pemiutang (*ah long*) untuk dibayar. Di samping itu, pihak PPIM akan berusaha mencari dana untuk membantu penghutang tersebut membayar hutangnya.

#### 4.3.2 Kategori Penerima Zakat

Dalam agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn*, LZS telah melaksanakan ketetapan kadar tangga gaji serta peratusan bantuannya terhadap kategori penerima bantuan ini. Hal ini untuk merealisasikan keadilan dalam pelaksanaan sistem agihan zakat. Berikut merupakan jadual ketetapan tangga gaji dan peratusan bantuannya yang telah diaplikasikan oleh LZS:

Jadual 4.2. Penetapan tangga gaji untuk bantuan ke atas asnaf *al-ghārimīn*

Tangga gaji mengikut isi rumah (RM)	Peratusan bantuan untuk melunaskan hutang (%)
5,000 ke bawah	100
5,001 – 7,000	75
7,001 - 15,000	50
15,001 ke atas	0 (Tidak dibantu)

Sumber: Temu bual<sup>51</sup>

Jadual di atas menerangkan secara terperinci penetapan tangga gaji serta peratusan bantuannya kepada penerima yang diamalkan oleh LZS. Jika melihat kepada perspektif fiqh, penetapan kadar tangga gaji yang diaplikasikan ini adalah merujuk kepada *maṣlahah* dan realiti semasa iaitu kos sara hidup yang mengambil kira keadaan dalam dan luar bandar. Sebagai contoh, penetapan kadar minimum untuk bantuan ke atas asnaf ini iaitu RM 5,000 dan ke bawah adalah merujuk kepada kos sara hidup yang

<sup>51</sup> Informan A, dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2017.

tinggi mutakhir ini di samping pendapatan isi rumah yang boleh diistilahkan sebagai cukup makan sahaja terutamanya bagi isi rumah yang tinggal di bandar.<sup>52</sup>

*“Kita tetapkan gaji minimum lima ribu sebab ikut pada prinsip kewajaran”.*<sup>53</sup>

Penetapan jumlah ini juga mengambil kira beberapa aspek iaitu dari sudut tanggungan keluarga, jumlah pendapatan suami dan isteri, serta bebanan-bebanan hutang yang lain seperti hutang perumahan, kenderaan, pengajian anak-anak dan sebagainya. Menurut penulis, golongan ini boleh dikategorikan sebagai miskin tegar terutamanya bagi yang menetap di bandar. Justeru, LZS telah mengambil langkah membantu golongan yang berpendapatan RM 5,000 dan ke bawah ini secara keseluruhan (seratus peratus) terhadap bebanan hutang yang tidak dapat dilunaskan.

Walau bagaimanapun, kajian dan penilaian indeks kemiskinan perlu sentiasa dilaksanakan agar kadar yang ditentukan sentiasa relevan dengan realiti semasa. Sepertimana yang telah dinyatakan oleh seorang penganalisis ekonomi, Ahmed Razman Abdul Latif,<sup>54</sup> beliau berpendapat indeks kemiskinan yang diguna pakai sekarang tidak lagi relevan dan perlu dinilai secara menyeluruh sebagai langkah penilaian semula kriteria miskin bandar.

Dalam istilah fiqh, penilaian ini dikenali sebagai *had kifāyah* yang bermaksud suatu mekanisme pengukuran asas atau garis kecukupan oleh asnaf dan individu fakir miskin yang perlu menepati kepada keperluan asasi sebenar.<sup>55</sup> Maka, menjadi tanggung

---

<sup>52</sup> Berita Harian Online, “Nilai Semula Kriteria Miskin Bandar” , dicapai 5 Januari 2018, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/12/364482/nilai-semula-kriteria-miskin-bandar>

<sup>53</sup> Informan A, dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2017.

<sup>54</sup> Berita Harian Online, “Kaji Semula Indeks Kemiskinan”, dikemaskini 19 Disember 2017, dicapai 5 Januari 2018, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/12/365145/kaji-semula-indeks-kemiskinan>

<sup>55</sup> Portal Rasmi Lembaga Zakat Selangor, “Fakir, Miskin dan *Had al-Kifāyah*”, dikemaskini 24 November 2017, dicapai 5 Januari 2018, <http://www.zakatselangor.com.my/artikel/fakir-miskin-dan-had-al-kifayah/>

jawab juga kepada institusi zakat untuk sentiasa menilai semula kadar *ḥad kifāyah* ini supaya selari dengan *maṣlahah* dan realiti semasa.

Seterusnya, penetapan bantuan sebanyak 75 peratus kepada isi rumah yang berpendapatan RM 5,001 sehingga RM 7,000 yang dilaksanakan oleh LZS adalah berpandukan kepada status kewangan mereka yang lebih baik daripada golongan sebelum ini. Penetapan ini dilihat masih relevan disebabkan tanggungan hutang golongan yang berpendapatan seperti ini adalah kurang berbanding golongan yang sebelum ini. Maka, golongan ini perlu melunaskan sendiri baki hutang yang tertunggak setelah 75 peratus dilunaskan melalui peruntukan zakat. Menurut penulis, golongan ini boleh dikategorikan sebagai miskin sederhana berdasarkan status kewangan mereka.

Akhir sekali, penetapan bantuan sebanyak 50 peratus kepada isi rumah yang berpendapatan RM 7,001 sehingga RM 15,000 juga dibuat berdasarkan kepada kadar keperluan asnaf. Jika dilihat dari sudut keutamaan, golongan ini merupakan golongan yang terakhir sekali dibantu setelah dua golongan sebelum ini. Penetapan ini juga adalah berdasarkan prinsip kewajaran yang diamalkan oleh LZS. Menurut penulis, golongan ini boleh dikategorikan sebagai golongan yang selesa.

Berdasarkan penetapan yang telah dilaksanakan ini, dapat difahami bahawa golongan yang berpendapatan RM 15,001 dan ke atas tidak layak dibantu melalui peruntukan zakat.

*“Mereka yang gaji lima belas ribu satu dan ke atas memang kita tak bantu. Tapi kalau ada sebab-sebab yang patut dibantu, kita akan bantu ikut prinsip kewajaran”.*<sup>56</sup>

Bantuan ini tidak layak kepada mereka kerana golongan ini diklasifikasikan sebagai golongan kaya. Mereka bukan sahaja boleh menyerap bebanan hutang, malah mampu untuk membuat simpanan daripada pendapatan mereka sekiranya mereka bijak

---

<sup>56</sup> Informan A, dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2017.

mengurus kewangan dengan baik. Walau bagaimanapun, menurut LZS, sekiranya bebanan hutang yang mereka tanggung (hutang yang dibenarkan syarak) terlalu tinggi sehingga terdedah kepada bankrap, LZS akan membantu mengikut prinsip kewajaran setelah dinilai punca dan kriteria hutang tersebut sama ada bertentangan dengan syarak atau tidak.<sup>57</sup>

Berdasarkan amalan yang telah diaplikasikan oleh LZS berkenaan ketetapan tangga gaji ini, informan C menyatakan bahawa terdapat dua *maşlahah* yang terkandung dalam penggunaan kaedah ini.

*“Yang pertama: pengagihan lebih efektif. Lepas tu, bila kita guna tangga gaji ni, jumlah yang diperlukan, kita bagi jumlah tu sesuai dengan yang dia perlulah. Maslahat yang kedua adalah kita nampak ia lebih adil. Kerana apa? Agihan nanti tu diberikan kepada orang yang sepatutnya lah. Ia akan tolak had al-kifayah, semua akan diambil kira”.*<sup>58</sup>

Menurut beliau lagi, amalan penentuan tangga gaji yang dilaksanakan oleh LZS ini telah merujuk kepada kaedah fiqh iaitu *had al-kifāyah* dan *darūriyyāt*.

*“So, kalau kaedah fekah yang kita guna konsep had al-kifayah, kita guna kemudian yang kedua kita guna yang dipanggil sebagai daruriyyat. Dia duduk kat mana? Sama ada hajiyyat ke daruriyyat ke? Itu yang diguna pakai”.*<sup>59</sup>

Sebagai rumusan, pelaksanaan agihan zakat berdasarkan tangga gaji oleh LZS adalah berdasarkan kepada lima belas prinsip agihan yang utama serta berpandukan kepada kaedah *fihiyyah* di samping melihat kepada *maşlahah* dan realiti semasa masyarakat Islam khususnya di Selangor.

---

<sup>57</sup> *Ibid.*

<sup>58</sup> Informan C, dalam temu bual dengan penulis, 30 Januari 2019.

<sup>59</sup> *Ibid.*

### 4.3.3 Agihan Zakat dari Perspektif *Maqāsid al-Sharī'ah*

Dalam menyantuni asnaf *al-ghārimīn*, Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah mewujudkan skim-skim atau bantuan seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.3. Skim bantuan di bawah asnaf *al-ghārimīn*

Bil.	Skim bantuan di bawah asnaf <i>al-ghārimīn</i>
1.	Hutang kerana Keperluan Hidup
2.	Hutang Rawatan Dialisis
3.	Hutang Perubatan
4.	Hutang Badan/Persatuan untuk <i>Maṣlahah</i> Ummah
5.	Pengurusan Jenazah Tanpa Waris
6.	Hutang Pendidikan

Sumber: Temu bual<sup>60</sup>

Skim-skim yang ditawarkan ini merupakan hasil keputusan yang berbentuk *ijtihādī* yang telah diputuskan oleh LZS berpandukan kepada Majlis Fatwa Negeri Selangor. Skim-skim yang diperkenalkan ini juga merujuk kepada realiti hutang yang berlaku ketika ini yang merangkumi hutang individu dan komuniti muslim yang tidak bercanggah dengan syarak. Berikut merupakan huraian bagi setiap skim yang ditawarkan oleh LZS dengan melihat dari kaca mata *maqāsid al-sharī'ah*:

#### a) Hutang kerana Keperluan Hidup

Pendefinisian keperluan hidup yang dinyatakan oleh LZS ialah keperluan asas yang diperlukan untuk meneruskan kelangsungan hidup yang merangkumi makanan, tempat tinggal, utiliti, pengangkutan dan pendidikan.

*“Keperluan hidup ini termasuk makanan, tempat tinggal, bil-bil utiliti termasuk bil air dan elektrik, pengangkutan, pendidikan dan lain-lain”.*<sup>61</sup>

<sup>60</sup> Informan A dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2017.

<sup>61</sup> *Ibid.*

Ketetapan ini adalah bertepatan dengan pandangan ulama'-ulama' yang telah memberikan pentafsiran berkenaan keperluan hidup. Jika diteliti, bantuan yang diberikan ini bersesuaian dengan prinsip *maqāṣid al-sharī'ah* iaitu *ḍarūriyyāt al-khams* (pemeliharaan lima perkara yang utama dalam Islam) iaitu *ḥifz al-dīn* (pemeliharaan agama), *ḥifz al-nafs* (pemeliharaan jiwa), *ḥifz al-'aql* (pemeliharaan akal), *ḥifz al-nasl* (pemeliharaan keturunan) dan *ḥifz al-māl* (pemeliharaan harta). Berkenaan bantuan ini, ia merangkumi keseluruhan pemeliharaan yang lima ini.

Justeru itu, bantuan ini merupakan bantuan yang paling penting dalam asnaf ini kerana sekiranya keperluan hidup ini terabai, kesannya bukan hanya kepada individu sahaja, malah memberi kesan kepada tanggungan atau masyarakat sekitarnya. Sebagai contoh, sekiranya seorang bapa gagal dalam memberi nafkah seperti makanan kepada isteri dan anak-anaknya akibat bebanan hutang perumahan dan sebagainya, maka mereka akan ditimpa kelaparan dan kesihatan mereka juga akan terjejas. Lebih parah lagi sekiranya rumah yang mereka tinggal itu terpaksa dilelong atau disita. Hal ini boleh menyebabkan tekanan hidup kepada seorang bapa tersebut yang akhirnya terpaksa memilih jalan yang salah seperti mencuri dan sebagainya.

Kemudian, bantuan hutang pendidikan juga antara yang dibantu di bawah skim bantuan keperluan hidup.

*“Berhutang dia mesti dalam tempoh pengajian. Itu yang dibantu”<sup>62</sup>*

Bantuan ini dapat meringankan bebanan kepada penuntut ilmu terutamanya bagi yang menuntut ilmu agama. Melalui bantuan ini, penuntut dapat menerokai pelbagai bidang ilmu yang lebih mendalam yang akhirnya dapat menyumbang kepada pembangunan agama dan negara. Sebagai contoh, terdapat mahasiswa-mahasiswi yang melanjutkan pelajaran di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pengajian

---

<sup>62</sup> *Ibid.*

Tinggi Swasta (IPTS) berlatar belakangkan keluarga yang susah. Sekiranya mereka ini tidak mendapat bantuan dari segi kewangan, kemungkinan mereka tidak dapat meneruskan pengajian mereka. Hal ini menyebabkan masa depan mereka akan terjejas akibat tiada kelulusan dan mereka juga tidak dapat menimba ilmu bagi peringkat yang lebih tinggi di samping kesukaran kepada mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang terjamin.

Melihat kepada kaca mata *maqāṣid al-sharī'ah*, hutang ini boleh dikategorikan sebagai pemeliharaan agama (*ḥifz al-dīn*) dan pemeliharaan akal (*ḥifz al-‘aql*) kerana melalui pendidikan inilah dapat memartabatkan keunggulan Islam serta mengembangkan lagi ilmu yang sedia ada di samping melahirkan umat Islam yang berpengetahuan luas.

Oleh itu, kesimpulan yang dapat disimpulkan di sini ialah, bantuan hutang keperluan hidup juga perlu diberi perhatian terutamanya jika melibatkan ancaman kepada nyawa.

#### **b) Hutang Dialisis**

Dialisis ialah sejenis rawatan yang berfungsi untuk menjalankan kerja yang dilakukan oleh buah pinggang akibat kegagalannya berfungsi.<sup>63</sup> Kos bagi rawatan ini adalah sangat tinggi kerana rawatannya yang sentiasa berulang-ulang. Hutang dialisis merupakan antara peruntukan bantuan yang tertinggi yang telah disalurkan oleh LZS.

Antara faktor yang menyebabkan bantuan ini antara yang tertinggi kerana kebanyakan daripada mereka yang menghidap penyakit ini berpendapatan rendah dan tidak mampu menampung kos perubatan ini.

---

<sup>63</sup> MyHEALTH, Kementerian Kesihatan Malaysia, "Dialisis", dicapai 5 Januari 2018, <http://www.myhealth.gov.my/dialisis/>



*“Kebanyakan mereka yang mengidap penyakit ni berjawatan gred B40, tiada perlindungan insuran (perlindungan) pendapatan”.*<sup>64</sup>

Kemudian, terdapat juga di antara pesakit yang dibantu ini mendapat bantuan lain, namun bantuan tersebut masih tidak mampu menampung kos rawatan dialisis ini.

*“Ada juga pesakit yang dapat bantuan daripada JPA dan SOCSO, tapi bantuan tu masih tak dapat nak menampung kos dialisis ni”.*<sup>65</sup>

Bantuan ini jika dilihat dari kaca mata *maqāṣid al-sharī’ah*, ia merupakan suatu bentuk pemeliharaan nyawa (*ḥifz al-nafs*) dan pemeliharaan akal (*ḥifz al-‘aql*) yang mana sekiranya tidak dibantu, akan menyebabkan nyawa seseorang terancam.

### **c) Hutang Perubatan**

Hutang perubatan yang dimaksudkan ialah hutang yang melibatkan kos pembedahan, pembelian alat-alat untuk perubatan seperti susu kesihatan, kerusi roda dan sebagainya.

*“Dia yang kita pecahkan bantuan perubatan yang berbentuk bulanan seperti membeli peralatan susu-susu khas, pampers, alat-alat dia, dressing-dressing dia, satu”.*<sup>66</sup>

*“Kemudian kita ada bantuan perubatan peralatan seperti katil, mesin oksigen, kerusi roda, tongkat, yang peralatan untuk sokongan dia”.*<sup>67</sup>

*“Kemudian, kita ada hutang perubatan yang untuk one off untuk pembedahan dan juga ada hutang perubatan untuk pengangkutan tambang pergi balik”.*<sup>68</sup>

Secara terperinci, skim bantuan untuk hutang perubatan ini dipecahkan kepada tiga bahagian seperti yang dinyatakan oleh informan B. Seterusnya, jika dilihat dari sudut *maqāṣid al-sharī’ah*, hutang ini juga tergolong dalam kelompok pemeliharaan nyawa (*ḥifz al-nafs*) dan pemeliharaan akal (*ḥifz al-‘aql*) yang diperlu diberi perhatian

---

<sup>64</sup> Informan A, dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2017.

<sup>65</sup> *Ibid.*

<sup>66</sup> Informan B, dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2017.

<sup>67</sup> *Ibid.*

<sup>68</sup> *Ibid.*

kerana jika tidak dibantu, kemungkinan boleh mengorbankan nyawa seseorang muslim itu akibat ketidakmampuan dalam menyediakan kos perubatan yang tinggi mutakhir ini.

Jika dilihat kepada situasi pemohon bantuan perubatan ini, kebanyakan mereka terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah. Walaupun terdapat daripada mereka yang melakukan kerja tambahan, namun masih lagi tidak mampu untuk menanggung kos rawatan tersebut di tambah pula dengan kos sara hidup yang semakin tinggi ketika ini. Maka, zakat telah memainkan peranan penting dalam membantu meringankan bebanan mereka yang terlibat merujuk kepada tangga gaji pemohon tersebut dalam memastikan keadilan dalam bantuan ini.

**d) Hutang Badan atau Persatuan untuk *Maṣlahah Ummah***

Bantuan hutang ini secara tidak langsung menyumbang kepada pembangunan agama Islam serta membantu dalam memartabatkan Islam. Sebagai contoh, madrasah atau pondok yang diwujudkan ketika ini sangat menyumbang kepada pembentukan umat Islam yang berakhlak mulia dan berpengetahuan luas dalam bidang agama, namun kebiasaanya madrasah ini tidak mendapat bantuan penuh daripada pihak kerajaan. Hal ini menyebabkan kesukaran kepada pihak pentadbiran dalam menguruskan madrasah tersebut akibat dana yang tidak mencukupi yang akhirnya terpaksa di tutup.

Maka, zakat telah memainkan peranan yang penting dalam membantu dari sudut kewangan bagi memastikan peranan madrasah dapat diteruskan dalam mendidik umat Islam yang berilmu dan bertakwa. Di samping itu, madrasah atau sekolah-sekolah yang memohon bantuan mestilah berdaftar dengan pihak JAIS atau MAIS atau pihak yang berautoriti.

“Selalunya utilitilah. Tapi itu yang selalu dimohon pun. Terutamanya sekolah-sekolah tahfiz”<sup>69</sup>

“Mesti berdaftar dengan JAIS atau MAIS”<sup>70</sup>

Menurut kaca mata *maqāṣid al-sharī'ah*, bantuan ini boleh dikategorikan sebagai pemeliharaan agama (*ḥifz al-dīn*) dalam memastikan agama Islam sentiasa dimartabatkan.

#### e) Hutang Pengurusan Jenazah tanpa Waris

Bantuan hutang ini pengurusan jenazah tanpa waris ini dibahagikan kepada tiga bahagian dan ditambah satu lagi bahagian berkenaan jenazah yang kritikal.

“Jenazah tanpa waris ini kita pecah kepada tiga, iaitu jenazah tanpa waris kanak-kanak, perempuan dan juga lelaki dan juga jenazah tanpa waris yang kritikal”<sup>71</sup>

Bantuan hutang ini dilihat sangat penting dalam memastikan jenazah umat Islam yang tidak mempunyai waris diuruskan dengan sebaik mungkin. Sekiranya tidak ada yang mengambil peduli kepada pengurusan jenazah muslim seperti ini, kemungkinan jenazah ini akan dibiarkan begitu sahaja tanpa dikebumikan. Akibatnya, Allah SWT akan murka dan umat Islam yang berada di sekeliling kawasan itu akan mendapat dosa.

Oleh itu, peranan zakat sangat penting bagi mengatasi masalah ini. Dari sudut *maqāṣid al-sharī'ah*, bantuan ini boleh dikategorikan sebagai pemeliharaan agama (*ḥifz al-dīn*) kerana mayat orang Islam selayaknya dimuliakan dan diuruskan dengan cara yang terhormat.

---

<sup>69</sup> *Ibid.*

<sup>70</sup> *Ibid.*

<sup>71</sup> *Ibid.*

#### 4.3.3.1 Analisis Keutamaan Agihan Zakat kepada Asnaf *al-Gharimin*

Amalan pengagihan zakat yang dilakukan oleh LZS adalah selari dengan perintah Allah SWT dalam surah al-tawbah, ayat 60. Dalam pengagihan zakat ini, LZS telah menawarkan skim-skim bantuan kepada asnaf *al-ghārimīn* seperti yang telah dinyatakan sebelum ini.

Walau bagaimanapun, menurut pengamatan penulis, terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian berkaitan dengan agihan zakat oleh LZS kepada asnaf *al-ghārimīn* ini iaitu dari sudut keutamaan. Hal ini kerana bantuan terhadap keperluan hidup menunjukkan peratusan agihan yang rendah berbanding hutang dialisis dan perubatan.<sup>72</sup>

Menurut ulama'-ulama' muktabar, bantuan untuk keperluan hidup perlu diutamakan berbanding bantuan yang lain.<sup>73</sup> Sebagai contoh, Yūsuf al-Qaraḍāwī meletakkan contoh dalam huraian berkenaan berhutang untuk *maṣlahah* diri sendiri:

"غارم استدان في مصلحة نفسه كأن يستدين في نفقة، أو كسوة أو زواج أو علاج مرض..."

"Berhutang untuk *maṣlahah* diri sendiri seperti berhutang untuk memberi nafkah (makanan, tempat tinggal dan lain-lain) atau pakaian atau berkahwin atau perubatan"

Daripada contoh yang telah diberikan oleh Yūsuf al-Qaraḍāwī, dapat difahami bahawa susunan bantuan untuk keperluan hidup diletakkan dibahagian hadapan sekali menunjukkan keutamaannya berbanding bantuan-bantuan yang lain. Tetapi, apa yang berlaku di Selangor, bantuan untuk keperluan hidup dilihat seolah-olah kurang diberi

<sup>72</sup> Lembaga Zakat Selangor, "Laporan Kutipan dan Agihan Zakat Selangor Tahun 2016", laman sesawang Lembaga Zakat Selangor, dicapai 25 Disember 2017, <https://www.zakatselangor.com.my/majalah-asnaf-2/>

<sup>73</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Taḥf al-Munīr fī al-'Aqīdah wa al-Sharī'ah wa al-Manhāj* (Damshik: Dār al-Fikr, 2011), 5:626 dan *al-Fiqh al-Islāmiyy wa Adillatuhu* (Damshik: Dār al-Fikr, 2009), 2:782, Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Ahkāmihā wa Filsafatihā fī Ḍaw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*, (Beirūt: Muassasah al-Risālah, 1973), 1:622.

keutamaan. Jadual berikut menunjukkan jadual agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* oleh LZS bagi tahun 2016:

Jadual 4.4. Agihan Zakat kepada Asnaf *al-Ghārimīn* pada tahun 2016

Bil.	Jenis Bantuan	Jumlah	Peratus (%)
1.	Hutang Rawatan Dialisis	50,813,060	69.7
2.	Hutang Perubatan	19,169,497	26.3
3.	Hutang Kerana Keperluan Hidup	2,734,476	3.8
4.	Pengurusan Jenazah Tanpa Waris	107,650	0.15
5.	Hutang Badan/Persatuan Untuk Masalah Umat	39,364	0.05
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>72,864,047</b>	<b>100</b>

Sumber: Lembaga Zakat Selangor<sup>74</sup>

Melihat kepada peratusan dan jumlah agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* ini, hutang keperluan hidup menduduki carta ketiga selepas daripada hutang dialisis dan perubatan. Jika melihat kepada komposisi hutang isi rumah di Selangor khususnya, hutang kerana keperluan hidup menunjukkan statistik yang tertinggi dan membimbangkan iaitu antaranya melibatkan perumahan. Berikut merupakan jadual komposisi hutang isi rumah di Selangor:

Jadual 4.5. Komposisi Hutang Isi Rumah di Selangor bagi tahun 2015

Bil.	Jenis Hutang	Peratus (%)
1.	Sewa beli kenderaan	76.6
2.	Perumahan	63.1
3.	Pembiayaan peribadi	53.2
4.	Hutang pendidikan	19.1
5.	Sekuriti	5.0

Sumber: Kajian gelagat hutang isi rumah mengikut kaum di Bandar Baru, Bangi, Selangor<sup>75</sup>

<sup>74</sup> Lembaga Zakat Selangor, "Laporan Kutipan dan Agihan Zakat Selangor Tahun 2016", laman sesawang Lembaga Zakat Selangor, dicapai 25 Disember 2017, <https://www.zakatselangor.com.my/majalah-asnaf-2/>

<sup>75</sup> Sanep Ahmad et al., "Gelagat Hutang Isi Rumah Mengikut Kaum di Bandar Baru Bangi, Selangor" *Malaysian Journal of Society and Space* 11, no. 11, (2015), 110-119.

Penulis memfokuskan kepada isu perumahan berbanding hutang-hutang yang lain kerana ia merupakan perkara asas yang perlu diberi perhatian. Seterusnya, impak negatif yang menimpa isi rumah akibat amalan berhutang ini ialah mereka gagal untuk melunaskan hutang tersebut sehingga diisytiharkan sebagai bankrap. Daripada statistik yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM), Selangor telah mencatatkan jumlah kes kebangkrapan yang tertinggi setakat ini.<sup>76</sup> Berikut merupakan statistik berkenaan permasalahan ini:

Jadual 4.6. Kategori dan Jumlah Kes Kebankrapan di Malaysia dari tahun 2013 hingga Disember 2017

Kategori/Punca Kebankrapan	Tahun dan Jumlah Kes					Jumlah	Peratus (%)
	2013	2014	2015	2016	2017		
Sewa beli kenderaan	6,468	6,802	4,725	4,500	4,102	26,597	26.44
Pinjaman peribadi	4,174	4,906	5,228	6,133	5,496	25,937	25.78
Pinjaman perumahan	5,396	3,880	2,504	2,359	2,675	16,814	16.71
Pinjaman perniagaan	2,800	2,150	1,670	1,989	1,679	10,288	10.23
Hutang kad kredit	1,016	1,827	1,770	2,247	1,773	8,633	8.58
Penjamin sosial	995	1,444	1,196	1,033	1,002	5,670	5.64
Penjamin korporat	567	632	619	628	806	806	3.23
Keberhutangan lain	376	482	493	414	383	2,148	2.13
Hutang cukai pendapatan	163	213	249	281	303	1,209	1.2
Biasiswa/pinjaman pelajaran	32	15	3	4	8	62	0.06
<b>Jumlah</b>	<b>21,987</b>	<b>22,351</b>	<b>18,457</b>	<b>19,588</b>	<b>18,227</b>	<b>100,610</b>	<b>100</b>

Sumber: Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM)

Berkenaan isu yang telah dinyatakan ini, informan C menjelaskan bahawa perlunya melihat kepada kesan yang manakah lebih berisiko jika diabaikan. Maka, beliau menegaskan bahawa, penyakit dialisis ini, jika diabaikan atau tidak diberi

<sup>76</sup> Jabatan Insolvensi Malaysia, "Statistik Kebankrapan Disember 2017", laman sesawang *Portal Rasmi Jabatan Insolvensi Malaysia*, dicapai 30 Disember 2017, <http://www.mdi.gov.my/index.php/ms/about-us/resources/statistics/bankruptcy/1167-bankruptcy-statistic-december-2016>

keutamaan, kemungkinan akan berhadapan dengan risiko yang lebih besar iaitu kehilangan nyawa. Dalam Islam, perlindungan nyawa perlu diberi keutamaan berbanding perlindungan yang lain.

*“Keperluan hidup, tapi kita ambil angel, perlu sekarang ni LZS untuk fikir kesan kalau dia tidak bantu dialisis”.*<sup>77</sup>

*“Dialisis, kalau tak dibantu, mati. Kalau berkaitan dengan perumahan, berkaitan dengan keperluan hidup ni, takda lah sampai mati kalau tak dibantu, ataupun tidak ditambahkan peratusan tu. Dia masih boleh dapatkan bantuan lain. Tapi, dialisis ni sapa nak bantu? Tak cuci, mati”.*<sup>78</sup>

Walau bagaimanapun, beliau juga tidak menolak keutamaan kepada bantuan untuk hutang keperluan hidup, tetapi perlu ada sebab yang kukuh untuk diberi keutamaan kepada hutang ini berbanding hutang dialisis dan perubatan.

*“Tapi, tengoklah, kalau sampai satu ketika dengan sebab tak bayar hutang perumahan ataupun keperluan hidup ni boleh sampai membawa kepada mati, mungkin akan berubahlah. Kita tengok kesannya”.*<sup>79</sup>

Mengulas lanjut berkenaan keutamaan dalam agihan zakat ini juga, beliau menyatakan bahawa perlunya pelaksanaan keutamaan dalam agihan ini supaya agihan tersebut diagihkan kepada asnaf yang sebenar, dalam erti kata yang lain, bukan semua hutang boleh dibantu melalui peruntukan asnaf *al-ghārimīn* ini.

*“Pendapat saya, perlu diberi keutamaan. Jangan terlalu luas sangat sebab ia adalah, yelah Allah dah bagi gharimin sebagai satu asnaf, tapi kita dapati banyak institusi kewangan sudah menyediakan pembiayaan sebagai alternatif, berbeza dengan asnaf lain”.*<sup>80</sup>

Di samping itu, beliau juga mencadangkan supaya pihak LZS untuk membuat kajian semula berkenaan kriteria-kriteria asnaf *al-gharimin* yang terkini.

---

<sup>77</sup> Informan C, dalam temu bual dengan penulis, 30 Januari 2019.

<sup>78</sup> *Ibid.*

<sup>79</sup> *Ibid.*

<sup>80</sup> *Ibid.*

*“So, kalau boleh, ada limit yang perlu ditumpukan kepada gharimin yang tertentu sahaja, bukan sangat luas dengan maksud hutang. Maknanya, hutang yang cukup syarat yang perlu skop apa, mungkin LZS dia boleh buat kajian kriteria gharimin yang terkini pada zaman sekarang sebagai contoh”*<sup>81</sup>

Selain itu, beliau juga telah memberi saranan supaya rakyat Malaysia peka terhadap isu kesihatan ini dengan mengambil takaful sebagai persediaan bagi sebarang kemungkinan yang berkaitan dengan kesihatan ini.

*“Berkaitan dengan takaful, sepatutnya kita ketengahkan juga masalah kesihatan ni, setiap orang rakyat Malaysia ni kena ambil takaful lah. Dia akan membantu kan bila sakit-sakit”*.<sup>82</sup>

Bukan sekadar itu sahaja, beliau menegaskan lagi bahawa tanggungjawab untuk membantu golongan yang berhutang ini bukan hanya di bawah LZS semata-mata, bahkan kerjasama dari pihak-pihak lain juga amat diperlukan dalam menangani masalah ini.

*“Islam ni dia gabungan semua perkara, aspek yang ni, aspek yang ni, macam enjin kereta la. Kereta tu bukan tayar je, tayar ada, brek ada. Lepas tu, bila kita pusing suis nak bagi hidup tu, plug jalan, minyak hitamnya. Dia tak boleh satu. Sama juga dengan zakat. Dia satu organ yang membantu. Tapi bukan segala-segalanya”*.<sup>83</sup>

*“Kerajaan kena bantu, rumah jangan harga mahal sangat. Kalau kita nak selesai pakai ni, zakat sahaja, tak selesai kalau yang lain tak faham”*.<sup>84</sup>

Maka, kesimpulan ringkas yang boleh di ambil daripada perbincangan ini ialah bukan semua hutang itu layak di bantu melalui peruntukan asnaf ini, malah perlu kepada pematuhan kepada kriteria-kriteria yang telah digariskan oleh LZS. Selain itu, hutang untuk keperluan hidup ini akan dinilai semula sekiranya kesan daripada hutang tersebut memberi ancaman kepada nyawa.

---

<sup>81</sup> *Ibid.*

<sup>82</sup> *Ibid.*

<sup>83</sup> *Ibid.*

<sup>84</sup> *Ibid.*



#### 4.4 KESIMPULAN

Hutang isi rumah ketika ini majoritinya melibatkan keperluan hidup seperti rumah dan sebagainya. Keperluan hidup ini merupakan perkara *daruriyyāt* yang perlu dititik-beratkan agar mencapai keseimbangan dalam kehidupan. Melihat kepada realiti yang berlaku ini, zakat telah memainkan peranan penting dalam meringankan bebanan hutang yang ditanggung oleh umat Islam ketika ini. Dalam konteks agihan zakat yang dilaksanakan oleh LZS, asnaf *al-ghārimīn* telah dibantu mengikut skim-skim yang telah ditawarkan.

Melalui skim-skim yang ditawarkan ini, secara tidak langsung dapat meringankan bebanan hutang isi rumah di Selangor khususnya. Walau bagaimanapun, kajian semula terhadap keutamaan agihan zakat ini perlu dilihat semula terutamanya yang melibatkan hutang untuk keperluan hidup seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Diharapkan cadangan ini dapat dipertimbangkan untuk memastikan objektif agihan zakat ini dapat dicapai dan diagihkan mengikut *maṣlahah* dan realiti semasa.

## BAB 5: KESIMPULAN DAN SARANAN

### 5.1 PENDAHULUAN

Kajian berkenaan zakat telah banyak dibincangkan dengan sangat meluas oleh para pengkaji sebelum ini. Perkara ini merupakan suatu perkembangan yang sangat positif dalam ilmu akademik yang secara tidak langsung dapat menyumbang kepada perkembangan dan penambahbaikan kepada kefahaman ilmu ini. Di samping itu, kajian-kajian ini juga boleh dijadikan sumber rujukan kepada institusi-institusi zakat, para pengkaji dan juga kepada masyarakat umum. Beralih kepada kajian penulis, kajian ini lebih memfokuskan kepada isu yang berkaitan dengan pengagihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* oleh Lembaga Zakat Selangor menurut perspektif fiqh semasa iaitu antaranya berkaitan dengan keutamaan agihan zakat ini dalam kalangan asnaf *al-ghārimīn* ini dengan melihat kepada *maṣlahah* dan realiti semasa. Oleh itu, berdasarkan objektif dan hasil kajian yang diperolehi, penulis dapat menyimpulkan beberapa perkara.

### 5.2 DAPATAN KAJIAN

#### 5.2.1 Tafsiran Asnaf *al-Ghārimīn*

Pentafsiran ulama' klasik berkenaan asnaf ini adalah berbentuk umum dan tidak membincangkan situasi hutang ketika ini. Oleh sebab itu, ulama' kontemporari telah mengambil tanggungjawab untuk mengkaji dan memperincikan pentafsiran asnaf ini dalam konteks semasa. Mereka telah memberi pencerahan yang tuntas serta skop yang lebih luas berkenaan pentafsiran asnaf ini. Rangkuman daripada pentafsiran ulama' klasik dan kontemporari, dapat dirumuskan bahawa asnaf *al-ghārimīn* ialah orang yang

berhutang yang tiada kemampuan untuk melunaskan hutangnya dan dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu berhutang untuk *maṣlahah* diri sendiri dan *maṣlahah* umum.

Di Selangor, LZS telah berpegang dengan Fatwa Negeri Selangor yang memberikan definisi asnaf *al-ghārimīn* iaitu orang Islam yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas diri dan tanggungannya atau kepentingan masyarakat dan tiada keupayaan untuk melunaskan hutang tersebut. Tambahan lagi, hutang tersebut hendaklah untuk perkara yang diharuskan oleh syarak dan telah sampai tempoh untuk melunaskannya. Dapatan kajian ini mendapati bahawa pendefinisian yang diberikan oleh LZS adalah bersandarkan kepada mazhab Shāfi'e dan Ḥanbalī. Di samping itu, keutamaan dalam agihan zakat yang dilaksanakan oleh LZS kepada hutang dialisis dan perubatan telah disokong oleh informan C kerana menurut beliau, bantuan ini sangat perlu diutamakan kerana melibatkan nyawa. Beliau juga tidak menolak kebarangkalian untuk memberi keutamaan agihan kepada hutang keperluan hidup sekiranya melibatkan ancaman kepada nyawa.

Seterusnya, dapatan kajian ini juga mendapati majoriti daripada institusi zakat di Malaysia membahagikan asnaf ini kepada dua bahagian iaitu berhutang untuk *maṣlahah* diri sendiri dan berhutang untuk *maṣlahah* umum melainkan dua negeri sahaja yang hanya meletakkan berhutang untuk *maṣlahah* umum dalam pentafsirannya iaitu Perak dan Sabah. Dapatan daripada pentafsiran ini juga mendapati, majoriti institusi zakat di Malaysia meletakkan keperluan asas sebagai kayu ukur kepada pentafsiran ini serta menolak sama sekali hutang yang bertujuan untuk maksiat dan bermewah-mewahan untuk di kategorikan sebagai asnaf ini.

Kesimpulannya, dapat dirumuskan di sini, pentafsiran yang diberikan oleh LZS berkenaan asnaf *al-ghārimīn* bertepatan dengan pentafsiran daripada ulama'klasik dan kontemporari.

### 5.2.2 Pelaksanaan Agihan Zakat kepada Asnaf *al-Gharimin* di Lembaga Zakat Selangor

Berdasarkan kepada analisis pelaksanaan agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* yang dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS), penulis dapat merumuskan bahawa LZS berpegang kepada dua aspek dalam menentukan agihan kepada asnaf ini iaitu aspek *maṣlahah* untuk diri sendiri dan *maṣlahah* untuk ummah. Sebagai contoh, skim bantuan untuk hutang keperluan hidup merujuk kepada *maṣlahah* untuk diri sendiri manakala skim bantuan untuk hutang dialisis, perubatan, hutang badan atau persatuan untuk *maṣlahah* ummah dan hutang pengurusan jenazah tanpa waris adalah merujuk kepada *maṣlahah* untuk ummah.

Berkenaan kaedah pengagihan zakat yang dilaksanakan di Selangor pula, LZS telah menggunakan pendekatan *ḥad kifāyah* dan tangga gaji untuk dijadikan kayu pengukur kepada jumlah agihan kepada asnaf *al-ghārimīn* ini. Menurut penulis, pendekatan ini sangat efektif dan adil kerana tahap pendapatan isi rumah di Malaysia umumnya adalah berbeza-beza. Walau bagaimanapun, kajian terhadap kadar *ḥad kifāyah* dan kadar minimum tangga gaji bagi isi rumah hendaklah sentiasa dilakukan agar kadar yang ditetapkan tersebut sentiasa relevan dengan realiti semasa.

Kemudian, berkenaan jumlah agihan zakat kepada asnaf ini menunjukkan peningkatan setiap tahun, namun jika melihat kepada skala peratusan agihan kepada asnaf ini berbanding asnaf yang lain adalah kecil iaitu antara 8.4 hingga 10.4 peratus. Hal ini kerana asnaf ini dikategorikan dalam kumpulan *mutaakhirīn* (terkemudian). Setersusnya, dapatan kajian ini juga mendapati LZS telah melakukan satu transformasi terhadap asnaf ini iaitu dengan melaksanakan kaedah *qarḍ al-ḥasan* dalam usaha membenters aktiviti pinjaman yang berasaskan kepada riba. Pelaksanaan ini adalah merujuk kepada pandangan ulama' kontemporari iaitu Yūsuf al-Qarāḍāwī.

### 5.2.3 Agihan Zakat kepada Asnaf *al-Ghārimīn* dari Perspektif Fiqh

Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah menyediakan lima bentuk skim bantuan kepada asnaf *al-ghārimīn* iaitu merangkumi bantuan hutang untuk keperluan hidup, dialisis, perubatan, badan atau persatuan untuk *maslahah* ummah dan pengurusan jenazah tanpa waris. Di samping itu, LZS juga pernah melaksanakan kaedah *qard al-ḥasan* melalui peruntukan asnaf *al-ghārimīn*. Dapatan daripada kajian ini mendapati skim-skim yang ditawarkan ini menepati kriteria-kriteria yang telah digariskan oleh para ulama' yang terdiri daripada pemenuhan *maslahah* diri sendiri dan *maslahah* ummah.

Di samping itu, dapatan kajian ini juga mendapati skim-skim yang ditawarkan ini juga mengambil kira penjagaan lima perkara utama (*ḍarūriyyāt al-khams*) dalam Islam iaitu pemeliharaan agama (*ḥifz al-dīn*), pemeliharaan jiwa (*ḥifz al-nafs*), pemeliharaan akal (*ḥifz al-'aql*), pemeliharaan keturunan (*ḥifz al-nasl*) dan pemeliharaan harta (*ḥifz al-māl*). Berkenaan kaedah agihan yang dilaksanakan pula, dapatan kajian ini mendapati kaedah yang digunakan iaitu penetapan kadar tangga gaji sebagai *ḥad kifāyah* untuk dijadikan ukuran dalam agihan zakat ini bertepatan dengan realiti semasa yang mengambil kira kos sara hidup masyarakat masa kini. Seterusnya, dapatan kajian ini juga mendapati LZS yang disokong oleh pandangan informan C begitu mengutamakan aspek pemeliharaan jiwa (*ḥifz al-nafs*) dengan menumpukan sebahagian besar peruntukan asnaf *al-ghārimīn* ini kepada hutang dialisis dan perubatan.

Berkenaan dengan hutang *ah long*, dapatan kajian mendapati LZS telah mengambil pendirian yang tepat iaitu tidak dibantu melalui peruntukan asnaf *al-ghārimīn* berdasarkan kepada dalil-dalil yang mengharamkan segala bentuk jual beli atau pinjaman yang melibatkan riba. Walau bagaimanapun, kerjasama bersama pihak

Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) untuk membantu mangsa hutang ini secara tidak langsung dapat meringankan bebanan mereka.

Kesimpulannya, agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* oleh LZS adalah bertepatan dengan fiqh semasa, namun terdapat beberapa perkara yang perlu ditambah baik iaitu beketaan keutamaan agihan dalam kalangan asnaf ini di samping perlu mengambil kira hutang-hutang lain selain daripada dialisis.

### 5.3 SARANAN

Di sini terdapat beberapa saranan dan cadangan daripada pihak penulis kepada pihak-pihak tertentu seperti berikut:

#### 5.3.1 Saranan kepada Pihak Lembaga Zakat Selangor (LZS)

Pentadbiran dan pengurusan zakat di Selangor antara yang terbaik di Malaysia. Oleh itu, dalam memastikan momentum ini sentiasa berada di tahap yang terbaik, penulis ingin mencadangkan supaya kajian semula terhadap amalan pengagihan terhadap asnaf *al-ghārimīn* ini. Hal ini kerana melihat kepada realiti hutang di Selangor, hutang yang berbentuk keperluan asas seperti perumahan dan kenderaan antara yang berisiko tinggi untuk diisytihar sebagai bankrap akibat ketidakmampuan penghutang tersebut untuk melunaskannya. Sebagai langkah penyelesaian, penulis telah merangka mekanisme yang boleh diaplikasikan oleh pihak LZS iaitu dibahagikan kepada dua aspek. **Pertama** ialah aspek kategori asnaf dan **kedua** ialah aspek skim bantuan.

Untuk aspek kategori asnaf ini, penulis menyarankan kepada pihak LZS supaya mendahulukan bantuan kepada mereka yang berhutang untuk keperluan hidup terutamanya mereka yang berhadapan dengan situasi darurat. Sebagai contoh, penghutang yang berhutang untuk perumahan dan kenderaan yang telah mendapat notis amaran untuk dilelong atau ditarik oleh pihak bank atau institusi kewangan yang

diiktiraf oleh kerajaan. Keadaan ini boleh menyebabkan penghutang tersebut berhadapan dengan risiko kehilangan harta benda atau bankrap jika melibatkan jumlah hutang yang besar. Di samping itu, pihak LZS juga perlu meletakkan syarat pada akad hutang tersebut untuk dibantu, iaitu mestilah melalui akad yang Islamik. Bagi kes penghutang yang berhutang dengan bank konvensional, pihak LZS boleh meminta bantuan daripada pihak *Non-Governmental Organization* (NGO) untuk membantu ataupun meminta penghutang tersebut menukarkan akad pinjaman tersebut kepada akad yang Islamik.

Selain itu, penulis juga menyarankan supaya pihak LZS memperluaskan konsep keperluan hidup masyarakat ketika ini serta menaikkan jumlah agihan kepada skim bantuan hutang keperluan hidup. Hal ini kerana situasi hutang isi rumah ketika ini menunjukkan hutang untuk keperluan hidup lebih tinggi berbanding hutang-hutang yang lain. Walau bagaimanapun, berkenaan hutang keperluan hidup seperti hutang untuk pemilikan rumah, LZS perlu melihat secara teliti tujuan hutang tersebut sebelum memberikan bantuan kerana terdapat juga sebilangan penghutang yang membeli rumah untuk tujuan sebagai aset mendapatkan keuntungan.

Seterusnya, berkenaan aspek skim bantuan pula, penulis menyarankan supaya LZS mewujudkan kembali dana *qard al-ḥasan* untuk membantu golongan yang berada dalam keadaan darurat dengan syarat pihak LZS telah merangka pelan pelaksanaan serta penguatkuasaan yang rapi supaya tiada lagi sikap culas umat Islam untuk membayar semula hutang tersebut. Kemudian, disarankan juga supaya LZS mewujudkan perkhidmatan kaunseling pengurusan kewangan kepada asnaf *al-ghārimīn* seperti yang dilaksanakan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Selain itu, pihak LZS boleh menambahkan lagi skim-skim bantuan sedia ada di bawah asnaf ini iaitu seperti mewujudkan skim bantuan untuk hutang perniagaan yang patuh syariah, hutang

disebabkan menjadi penjamin dan sebagainya. Penulis melihat kewujudan skim-skim tambahan seperti ini adalah tidak bertentangan dengan syarak selagi mana hutang-hutang tersebut menepati kriteria-kriteria yang telah digariskan oleh para ulama'. Bahkan, dengan kewujudan skim-skim ini dapat membantu lebih ramai lagi umat Islam untuk bebas daripada belenggu hutang dan bankrap.

Akhir sekali, penulis ingin sarankan kepada pihak LZS supaya turun padang memberi pendedahan secara konsisten kepada masyarakat Islam berkenaan zakat dan perkara-perkara yang berkaitan dengan asnaf *al-ghārimīn* ini. Hal ini kerana masih terdapat masyarakat Islam di negara ini yang tidak tahu tentang kewujudan asnaf ini. Semoga dengan usaha ini dapat memberi pendedahan secara menyeluruh kepada masyarakat sekali gus membantu meringankan bebanan hutang mereka.

### **5.3.2 Saranan kepada Pihak Kerajaan atau Pihak Berkuasa**

Pihak berkuasa perlu melakukan pemantauan yang holistik serta penguatkuasaan undang-undang yang ketat terhadap agensi-agensi kewangan yang tidak mempunyai lesen yang sah supaya aktiviti pinjaman ini tidak merebak di negara kita.

Setersunya, penulis ingin sarankan kepada pihak kerajaan untuk memantau dan mengawal selia harga rumah dan kenderaan serta barang-barang keperluan yang lain supaya tidak dimonopoli dan dinaikkan harga sesuka hati oleh pihak peniaga.

Akhir sekali, disarankan juga supaya pihak kerajaan melancarkan kempen besar-besaran untuk tidak berhutang mengikut hawa nafsu serta kempen berbelanja secara bijak.

### **5.3.3 Saranan kepada Pihak Penghutang**

Sebagai saranan kepada penghutang, penulis ingin sarankan supaya mereka tidak terpengaruh dengan keadaan sekeliling untuk memiliki kenderaan yang mewah atau



rumah yang besar. Belilah rumah atau kenderaan mengikut kepada kemampuan masing-masing kerana perkara ini dapat mengelakkan diri daripada terbelenggu dengan masalah hutang. Seterusnya, kepada masyarakat Islam di Malaysia juga, penulis sarankan supaya menuntut ilmu serta meningkatkan kefahaman tentang pengurusan kewangan lebih-lebih lagi kepada mereka yang sudah berumahtangga. Ilmu ini sangat penting supaya kita dapat mengatur perbelanjaan dengan bijak sekali gus dapat mengelakkan diri dari terjebak dengan masalah hutang yang membebankan.

Akhir sekali, umat Islam disarankan supaya tidak memandang enteng terhadap budaya hutang dan jangan menjadikan bantuan zakat sebagai alasan untuk berhutang secara melulu kerana bantuan zakat ini hanya diberikan kepada mereka yang menepati kriteria-kriteria berhutang yang telah digariskan dalam Islam.

#### **5.4 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN**

Kajian penulis ini hanya melibatkan informan daripada pihak pegawai Lembaga Zakat Selangor (LZS) sahaja. Oleh itu, penulis ingin mencadangkan supaya kajian tentang keberkesanan agihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* dilakukan dengan cara soal selidik dalam kalangan asnaf ini.

#### **5.5 KESIMPULAN**

Sebagai penutup, aspek pengagihan zakat kepada asnaf *al-ghārimīn* dilihat sangat penting dan perlu diberi perhatian oleh semua lapisan masyarakat. Justeru, usaha yang dilakukan oleh sebelah pihak sahaja tidak mampu untuk mencapai objektif agihan zakat secara menyeluruh tanpa bantuan daripada masyarakat.

Pemahaman terhadap konsep *al-ghārimīn* perlu diperluaskan bukan sahaja kepada pihak LZS, bahkan kepada seluruh masyarakat Islam di negara ini. Perkara ini dilihat sangat penting dalam memastikan keberkesanan agihan zakat kepada asnaf ini.

Di samping itu, jalinan kerjasama bersama *Non-Governmental Organization* (NGO) seperti Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) dan sebagainya perlu diteruskan supaya nasib umat Islam yang terbelenggu dengan hutang yang tidak dapat dibantu melalui peruntukan zakat dapat dibela. Sebagai langkah terakhir, usaha sama dan penambahbaikan yang berterusan perlu diterapkan oleh semua pihak seiring dengan perubahan masa, keadaan dan zaman.

Universiti Malaya

## BIBLIOGRAFI

- ‘Abbās Ḥasan. *al-Nahwū al-Wāfi*. Mesir: Dār al-Ma’ārif, 2008.
- ‘Abd. Raḥman al-Jazayrī. *Kitāb al-Fiqh ‘alā al-Mazāhib al-Arba’ah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003.
- ‘Abdullah bin Aḥmad bin Muḥammad Qudāmah al-Muqaddasī. *Rauḍah al-Nāzir wa Junnāt al-Manāzir fī Usūl al-Fiqh*. Riyāḍ: Maktabah al-Rusd, 1993.
- ‘Abdullah Nāṣih ‘Ulwān. *Aḥkām al-Zakāt ‘alā Ḍau’ al-Mazāhib al-Arba’ah*. Kāherah: Dār al-Salām, 2012.
- ‘Abdul Karīm Zaydān. *al-Wajīz fī Usūl al-Fiqh*. Baghdād: Muassasah Qurṭubah, 1976.
- ‘Alī Aḥmad al-Nadwī. *al-Qawā’id al-Fiqhiyyah*. Damshik: Dār al-Qalam, 1994.
- ‘Alī Ḥasbillah. *Usūl al-Tashrī’ al-Islāmiyy*. Mesir: Dār al-Ma’ārif, 1964.
- ‘Alī Muḥyiddin al-Qurah Dāghī. *Buḥūs fī Fiqh Qaḍāya al-Zakāh: Dirāsah Fiqhiyyah Muqārannah ma’a al-Taṭbīqāt al-Mu’āṣirah ‘alā al-Sharikāt wa al-Ashum*. Beirut: Dār al-Baṣāir al-Islāmiyyah li al-Ṭobāah wa al-Nashar wa al-Tawzī’, 2009.
- Abī al-Faḍl Jamaluddīn Muḥammad bin Mukram Ibn Manzūr al-Afrīqī al-Maṣrī. *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dār al-Sāḍir, 2010.
- Abī Dāwud Sulaimān bin al-Ash’ath al-Thajjstānī. “Sunan Abī Dāwud.” dalam *Mawsū’ah al-Ḥadīth al-Ṣharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Sāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz ‘Alī al-Syakh. Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī’, 2000.
- Abī Ishāk al-Shaṭībī, *al-Muwāfaqāt fī Usūl al-Tashri’*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Alamiyyah, 2004.
- Abī Muḥammad ‘Alī bin Aḥmad bin Sa’īd bin Ḥazm al-Andalūsī. *al-Iḥkām fī Usūl al-Aḥkām*. Beirut: Dār al-āfāq al-Jadīdah, 1983.
- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). “Orang Kita Liat Bayar Hutang Punca Hutang”. laman sesawang AKPK. dicapai 25 Disember 2017. <https://www.akpk.org.my/news/949-orang-kita-liat-bayar-punca-hutang>.
- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit. “Jenis-jenis Pinjaman”. laman sesawang AKPK. dicapai 28 Disember 2017. <https://www.akpk.org.my/content/482-jenis-jenis-pinjaman>.
- Agihan Zakat. laman sesawang Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu. dicapai 30 Julai 2017. <http://www.maidam.terengganu.gov.my/>.

- Ahmad Sunawari Long. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, Falkuliti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.
- Aḥmad bin Muḥammad al-Zarqā. *Sharḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. Damsyiq: Dār al-Qalam, 1938.
- Aḥmad Raysūnī. *Muḥāḍarāt fī Maqāṣidi al-Sharī'ah*. Mesir: Dar al-Kalimah li al-Nashr wa al-Tawzī', 2014.
- Aḥmad Wafāq bin Mukhtār. *Maqāṣid al-Sharī'ah 'Inda al-Imām al-Shāfi'e*. Kāherah: Dār al-Salām, 2014.
- Akhbar RakanTakaful.com. "Masalah Hutang Perubatan Tinggi Rakyat Malaysia". dicapai 2 Februari 2018. <https://rakantakaful.com/2015/01/29/masalah-hutang-perubatan-tinggi-rakyat-malaysia/>.
- Al-Ghazālī, Abī Ḥamīd bin Muḥammad bin Muḥammad. *al-Mustasfā min 'Ilm al-Uṣūl*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1997.
- Al-Marbawī Muḥammad Idrīs 'Abd. Al-Ra'ūf, *Qāmūs Idrīs al-Marbawī 'Arabī-Malayuwwī*. Mesir: Mustafa al-Bāb al-Ḥalabī wa Awlāduhu, 1932.
- Al-Shawkānī, Muḥammad ibn 'Alī ibn Muḥammad. *Irshād al-Fuṣūl ilā Tahqīq al-Haq min 'Ilm al-Uṣūl*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994.
- Anssar Nasrun dan Aza Shahnaz Azman, "Hubungan di antara Jumlah Bantuan Zakat Mempengaruhi Kualiti Hidup Asnaf di Selangor." E-Prosiding Seminar Zakat Peringkat Kebangsaan 2015, Isu Kontemporari Agihan Zakat di Malaysia, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2015.
- Asnaf Zakat & Program. Laman Web Rasmi Majlis Agama Islam Melaka. dicapai 30 Julai 2017. <http://www.maim.gov.my/>.
- Azlina Zainal Abidin, Tamat Sarmidi, Abu Hassan Shaari Md Nor. "Jurang Pendapatan dan Hutang Isi Rumah." makalah, Dasar Awam dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII), Johor Bahru, 7 – 9 Jun 2013.
- Azninainie Mohd Ghazi. "Analisis Pengurusan dan Agihan Dana Zakat di Negeri Kelantan." Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-8, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013.
- Bank Negara Malaysia. *Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan pada Tahun 2016*. Kuala Lumpur: Penerbit Bank Negara Malaysia, 2016.
- Berita Harian Online. "Kaji Semula Indeks Kemiskinan". dikemaskini 19 Disember 2017. dicapai 5 Januari 2018.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/12/365145/kaji-semula-indeks-kemiskinan>.

Berita Harian Online. “Nilai Semula Kriteria Miskin Bandar” . dicapai 5 Januari 2018. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/12/364482/nilai-semula-kriteria-miskin-bandar>.

Charon Wardini bin Mokhzani. “Kemiskinan dan Pendapatan Isi Rumah”. laman sesawang *Kazanah Research Institute*. dicapai 28 Disember 2017. [http://www.iais.org.my/e/attach/2016/03NOV2016\\_zakat\\_RTD/s1s2.pdf](http://www.iais.org.my/e/attach/2016/03NOV2016_zakat_RTD/s1s2.pdf).

Chua Yan Piaw. *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd., 2006.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2004.

Fatwa Selangor [bil.(10) dlm.Mufti Sel.500-1 Jld. 2]-2003.

Fred Nichols and Kerlinger. *Foundations of Behavioral Research*. New York : Holt, Rinehart and Winston, 1986.

Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia dan Bank Negara Malaysia. *Pekerja Muda Hadapi Masalah Hutang Serius*. Selangor: Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd, 2012.

Hailani bin Muji Tahir. “Konsep Agihan Zakat dan Aplikasi Semasa.” *Jurnal Pengurusan Jawhar* 3, no. 1 (2009).

Hairunnizam Wahid et al. “Prestasi Kecekapan Pengurusan Kewangan dan Pengurusan Agihan Zakat: Perbandingan antara Majlis Agama Islam Negeri.” Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-11, Kelestarian Dasar Awam, Daya Tahan Ekonomi dan Kesejahteraan Sejagat, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016.

Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, & Radiah Abdul Kader. “Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia.” *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 4, no. 1 (2010).

Hamdan Hamidon. “Hartanah dan Anda”. laman sesawang *Tips Pelaburan Hartanah*. dicapai 28 Disember 2017. <https://hamdanhamidon.wordpress.com/2013/10/01/apa-maksud-bfr-base-fincancial-rate/>.

Hasanah Abd. Khafidz et al. “Aplikasi Kaedah Fiqh al-Ḍarūrah Tuqaddar bi Qadarihā dalam Agihan Zakat untuk Mangsa Banjir.” *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 8, no. 1, (2016).

Hasanah bt Abd. Khafidz. “Asnaf Lapan: Kesan Nilai Semasa dan Setempat dalam Menentukan Pentafsirannya di Malaysia.” tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2006.

Ibrāhīm Mustāfa et al., *Mu'jam al-Wasīf*. Istanbul: Dār al-Da'wah, 1989.

Info Agihan. laman sesawang Lembaga Zakat Selangor. dikemaskini 27 Julai 2017. dicapai 30 Julai 2017. <http://www.zakatselangor.com.my/>.

Info Agihan. laman sesawang Pusat Zakat Negeri Sembilan. dikemaskini 26 Julai 2017. dicapai 30 Julai 2017. <http://www.zakatns.com.my/>.

Info Agihan. laman sesawang Pusat Zakat Sabah. dikemaskini 25 Julai 2017. dicapai 30 Julai 2017. <http://www.zakat.sabah.gov.my/>.

Info Agihan. laman sesawang Zakat Pulau Pinang, dikemaskini 27 Julai 2017. dicapai 30 Julai 2017. <http://www.zakatpenang.com/>.

Info Agihan. Portal Rasmi Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak. dikemaskini 27 Julai 2017. dicapai 30 Julai 2017, <http://www.maiamp.gov.my/>.

Info Zakat. laman sesawang Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. dicapai 30 Julai 2017. <http://www.zakat.com.my/>.

Informan A (Pegawai Bahagian Syariah Agihan Zakat Selangor, Lembaga Zakat Selangor), dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2017.

Informan B (Ketua Jabatan Pengurusan Sosial dan Kebajikan bahagian Operasi Agihan Asnaf), dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2017.

Informan C (Timbalan Mufti Selangor), dalam temu bual dengan penulis, 30 Januari 2019.

Izzuddin Abdul Aziz dan Ahmad Azrin Adnan. “Pembinaan Domain Falsafah Keberhutangan Islam.” Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization, Universiti Sultan Zainal Abidin, 2017.

Jabatan Insolvensi Malaysia. “Statistik Kebankrapan Disember 2016”. laman sesawang *Portal Rasmi Jabatan Insolvensi Malaysia*. dicapai 30 Disember 2017. <http://www.mdi.gov.my/index.php/ms/about-us/resources/statistics/bankruptcy/1167-bankruptcy-statistic-december-2016>.

Jabatan Wakaf. Zakat dan Haji. *Manual Pengurusan Asnaf al-Ghārimīn*. Kuala Lumpur: Penerbit Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, t.t.

John W. Creswell. *Research Design Quantitative, Qualitative and Mixed Methods Approaches*. London: Sage Publication, 2003.

- \_\_\_\_\_. *Qualitative inquiry & research design: Choosing among five approaches*. London: Sage Publication, 2007.
- Kamarudin Ngah. *Kaedah Penyelidikan, Panduan Mudah Kerja Luar*. Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1990.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2000.
- Lembaga Zakat Selangor. Rasional *Ḥad Kifāyah*. portal rasmi LZS. dicapai 1 Julai 2017. <https://www.youtube.com/watch?v=inA6ZjAaR8w>, [www.e-zakat.com.my](http://www.e-zakat.com.my).
- Mahadi bin Mohammad. *Falsafah Pengagihan Zakat Menurut Islam*. Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, t.t.
- Mahadi Mohammad et al. “Qarḍ Ḥasan melalui Asnaf al-Ghārimīn.” *Jurnal Wahana Kajian Hukum Islam dan Pranata Sosial* 6, no. 1 (2014).
- Mahadi Mohammad, Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali dan Syahirah Salwa Md Harun. “Pentafsiran Asnaf Ghārimīn di Institusi-institusi Zakat di Malaysia.” kertas kerja, Seminar Waqf Iqlimi 2014, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sains Islam Malaysia, 29 April 2014.
- Mahmūd Ḥusnī Maghālasah. *al-Nahwū al-Shāfi*. Jordan: Dār al-Bashīr, 1991.
- Maktabah Shamela. dicapai 26 Disember 2017. [shamela.ws](http://shamela.ws).
- Maktabah Waqfeya. dicapai 26 Disember 2017. <http://waqfeya.com/>.
- Malaysia Department of Insolvency (MDI). “Statistik Kebankrapan dari Tahun 2012 sehingga Disember 2016.” dicapai pada 5 Februari 2018. [http://www.mdi.gov.my/images/documents/Statistics/Bankruptcy/BRIEF%20NOT EKEBANKRAANDISEMBER2016.pdf](http://www.mdi.gov.my/images/documents/Statistics/Bankruptcy/BRIEF%20NOT%20EKEBANKRAANDISEMBER2016.pdf).
- Mohamed Izam bin Mohamed Yusuf. *Pengurusan Zakat Di Negeri Selangor: Mengorak Langkah Meneraju Perubahan*. Selangor: Lembaga Zakat Selangor, t.t.
- Mohd. Faezul Fikri Ag Omar, Hairunnizam Wahid dan Mohd Ali Mohd Nor. “Kecekapan Pengurusan Kewangan dan Agihan Zakat: Kajian di Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS).” *Jurnal Syariah* 25, no. 3 (2017).
- Mohamad Sobri Haron dan Riki Rahman. “Pengagihan Zakat dalam Konteks Kesejahteraan Masyarakat Islam: Satu Tinjauan Berasaskan Maqasid al-Syari’ah,” *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, no. 10 (2016).
- Mohd. Yusof Ibrahim. *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian dan Kaedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.

- Mu'jam al-Ma'ānī al-Jāmi'. "Ta'rīf wa Ma'nā *al-Ghārimīn*". laman sesawang *al-Maani li Kulli Rasmi Ma'ani*. dicapai 30 Disember 2017. [www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/الغريمين](http://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/الغريمين)
- Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi'e, ed. Rifā'at Fawzī Abd. Muṭṭalib. *al-Um*. Manṣūrah: Dār al-Wafā' li al-Taba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', 2001.
- Muḥammad bin Yazīd al-Rab'iyy Ibn Mājah al-Qazwaynī. "Sunan Ibn Mājah" dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Ṣharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Sāliḥ bin 'Abd al-'Azīz 'Al al-Syakh. Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashri wa al-Tawzī', 2000.
- Muhammad Izzat bin Mohamed dan Tamat Sarmidi. "Faktor Kemungkiran Membayar Balik Hutang Pengajian: Skop Kajian Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dalam Urus Tadbir Ekonomi yang Adil : Ke Arah Ekonomi Berpendapatan Tinggi." makalah, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9, Kuala Terengganu, Terengganu, 17 – 19 Oktober 2014.
- Muḥammad Nūriddīn Urduniyyah. *al-Qarḍ al-Ḥaṣan wa Ahkāmuhu fī al-Fiqh al-Islāmiyy*. Palestīn: Fakulti Pengajian Tinggi Universiti al-Najāḥ al-Waṭaniyyah, 2010.
- Mujamma' al-Lughāt al-'Arabiyyah. *al-Mu'jam al-Wasīṭ*. Mesir: Maktabah Al-Shurūq al-Dawliyyah, 2004.
- Muslim bin al-Hajjāj al-Qushayrī al-Nīsābūrī. "Ṣaḥīḥ Muslim," dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Ṣharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin 'Abd al-'Azīz 'Al al-Syakh. Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000.
- MyHEALTH, Kementerian Kesihatan Malaysia. "Dialisis". dicapai 5 Januari 2018. <http://www.myhealth.gov.my/dialisis/>.
- New Straits Time, "Bank Muamalat Revises BR and BFR". laman sesawang *New Straits Times*. dicapai 30 Januari 2018. <https://www.nst.com.my/business/2018/01/330199/bank-muamalat-revises-br-and-bfr>.
- Nor Aini Ali, Suhaili Sarif dan Nor 'Azzah Kamri. *Keberhutangan dalam Kalangan Isi Rumah Muslim dan Peranan Institusi Zakat di Malaysia*. Kuala Lumpur: USIM Press, 2017.
- Nor Asmat Ismail dan Hainnur Aqma Rahim. "Susur Galur Amalan Berhutang dalam Kalangan Masyarakat Melayu." *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 11, no. 1 (2018).
- Nor Hartini Saari dan Mohamad Azhar Hashim. *Hutang Isi Rumah Malaysia: Cabaran dan Penyelesaian*. Kuala Lumpur: Penerbit Institusi Kefahaman Islam Malaysia, 2016.



- Norsiah Sulaiman, Ramawan Ab. Rahman, Khairul Faezi Mat Said, Hasan Bahrom & Nafisiah Abdul Rahman. "Hutang dalam Manuskrip Melayu dan Realiti Masa Kini serta Kajian al-Ghārimīn di Malaysia." kertas kerja, Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, 2013.
- Nur Aliah Mohd. Sukeri, Zulaikha Mohd. Hanafiah dan Hairunnizam Wahid. "Persepsi Asnaf Zakat al-Ghārimīn (Perubatan) Terhadap Kaedah Agihan Zakat oleh Lembaga Zakat Selangor: Kajian di Gombak, Selangor." *Jurnal Muamalat* 10 (2017).
- Nurul Hidayah Mansor, S. Salahudin Hj. Suyurno dan Norajila Che Man. "Pemeriksaan Agihan Zakat sebagai Medium Pembangunan Masyarakat Islam." kertas kerja, Seminar Antarabangsa Dakwah dan Etnik 2014, Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2014.
- Othman Talib. *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan dan Statistik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2013.
- Patmawati Hj. Ibrahim. "Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Emperikal." *Jurnal Syariah* 16, no. 2 (2008).
- Persatuan Penyelesaian Pengguna dan Peminjam Malaysia. "Objektif Kami PPPPM". dicapai 18 Oktober 2017. [4pmalaysia.blogspot.my/2014/10/objektif-kami-ppppm.html?m=1](http://4pmalaysia.blogspot.my/2014/10/objektif-kami-ppppm.html?m=1).
- Portal Rasmi Lembaga Zakat Selangor. "Fakir, Miskin dan *Had al-Kifāyah*". dikemaskini 24 November 2017. dicapai 5 Januari 2018. <http://www.zakatselangor.com.my/artikel/fakir-miskin-dan-had-al-kifayah/>.
- Rahman bin Talib. "Konsep Agihan Zakat kepada Asnaf Menurut Perspektif Syarak." *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 7, no. 2 (2013).
- Raziah Md Tahir dan Syarifah Md Yusuf. "Analisis Tafsiran Asnaf al-Ghārimīn di Malaysia." *International Journal of Management Studies* 22, no. 1 (2015).
- \_\_\_\_\_. "Status Individu Muflis dalam Asnaf al-Ghārimīn." *International Journal of Business and Technopreneurship* 4, no. 3 (2014).
- Robert K. Yin, *Case Study Research Design and Methods*. London: Sage Publication, 2003.
- Rosbi Binti Abd. Rahman, "Kefahaman Masyarakat Umum Tentang Golongan yang Berhak Menerima Wang Zakat: Siapa yang Layak," *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 7, no. 2 (2013)
- Sa'īd bin 'Alī al-Qaḥṭonī. *al-Zakāh fī al-Islām fī Ḍau' al-Kitāb wa al-Sunnah*. Saudi: Maktabah al-Mālik Fahd al-Waṭāniyah Asnā' al-Nashr, 2010.

- Şālih bin Ghānim al-Sadlān. *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah al-Kubra*. Riyād: Dār Bansiyyah, 1997.
- Sanep Ahmad et al. "Gelagat Hutang Isi Rumah Mengikut Kaum di Bandar Baru Bangi, Selangor." *Malaysian Journal of Society and Space* 11, no. 11, (2015).
- Shamsuddīn Muḥammad al-Dusūqī. *Ḥashiah al-Dusūqī'alā al-Sharḥ al-Kabīr*. Dār al-Iḥyā'al-Kutub al-'Arabiyyah, 1815.
- Sharan B. Merriam and Associates. *Introduction to Qualitative Research*. San Francisco: Jossey-Bass, 2002.
- Syahnaz bt. Sulaiman. "Konsep Pinjaman Menurut Perspektif Islam." *Jurnal Penyelidikan Islam* 22 (2009).
- Takrif Asnaf. laman sesawang Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. dicapai 30 Julai 2017. <http://ezakat.muip.gov.my/zakatportal/>.
- Takrif Asnaf. laman sesawang Tabung Baitulmal Majlis Islam Sarawak. dicapai 30 Julai 2017. <https://www.tbs.org.my/>.
- Takrif Asnaf. Portal Rasmi Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. dicapai 30 Julai 2017. <http://www.e-maik.my/>.
- Takrif Asnaf. Portal Rasmi Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis. dicapai 30 Julai 2017. <http://www.maips.gov.my/>.
- Takrif Asnaf. Portal Rasmi Majlis Agama Islam Negeri Johor. dicapai 30 Julai 2017. <http://www.maij.gov.my/>.
- Takrifan Asnaf. Laman Web Rasmi Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman. dicapai 30 Julai 2017. <http://www.maik.gov.my/>.
- Wahbah al-Zuḥaylī. *al-Fiqh al-Islāmiyy wa Adillatuhu*. Damshiq: Dār al-Fikr, 2008.
- Wahbah al-Zuḥaylī. *al-Tafsīr al-Munīr fī al-'Aqīdah wa al-Sharī'ah wa al-Manḥāj*. Damshik: Dār al-Fikr, 2011.
- Yūsuf al-Qaraḍāwī, *al-Zakāh Dauruhā fī 'Ilāj al-Mushhkilāt al-Iqtisādiyyah wa Shurūṭ Najāhihā*. Kāherah: Dār al-Shurūq, 2001.
- Yūsuf al-Qaraḍāwī. *Dirāsah fī Fiqh Maqāṣid al-Sharī'ah Baina al-Maqāṣid al-Kulliyyah wa al-Nuṣūṣ al-Juz'iyah*. Kāherah: Dār al-Shurūq, 2006.
- Yūsuf al-Qaraḍāwī. *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Aḥkāmihā wa Filsafatihā fī Dau' al-Qur'ān wa al-Sunnah*. Beirut: Muassasah al-Risālah, 1973.

Zulkifli Mohamad al-Bakri. “Fatwa Semasa: Kutipan dan Agihan Zakat.” kertas kerja, Seminar Pembentukan Semula Hala Tuju Kutipan dan Agihan Zakat di Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia, 23 April 2015.

Zulkifly bin Muda. “Maqāṣid Sharī’ah dan Kefatwaan: Pengharmonian Fatwa Demi Kepentingan Insan dan Alam.” kertas kerja, Seminar Isu-isu Kefatwaan Kontemporari: Fiqh dalam Mendepani Realiti Semasa Masyarakat Malaysia, International Institute of Advance Islamic Studies (IAIS) Malaysia, 10 Mac 2016.

Universiti Malaya